

DEWAN RAKYAT

(SOALAN LISAN)

Soalan No : 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) apakah langkah terbaru Kementerian dalam menanam semangat perpaduan dan cintakan negara di kalangan pelajar; dan
- (b) apakah kerajaan berhasrat melaksanakan semula Sekolah Wawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat empat (4) pertanyaan yang menyentuh tentang langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar. Pertanyaan tersebut adalah:

- i. **Y.B. Lenggong - 26 Jun 2013 (Hari ini)**
- ii. Y.B. Labuan - 15 Julai 2013
- iii. Y.B. Sekijang - 15 Julai 2013
- iv. Y.B. Tenom - 18 Julai 2013

Oleh kerana isu yang dibangkitkan saling berkaitan, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ini secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sistem pendidikan yang kita amalkan di negara ini, sebenarnya tidak hanya memberi tumpuan akademik dan kemahiran semata-mata, tetapi juga memberi tumpuan kepada pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah dan pelajar di Pusat Pengajian Tinggi, yang digubal berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara. Di peringkat sekolah, pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dilaksanakan melalui konsep merentas

kurikulum dalam semua mata pelajaran yang diajar, aktiviti kokurikulum dan Program Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP).

3. Manakala, di peringkat pengajian tinggi pula, pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Hubungan Etnik. Di samping itu, program yang bersesuaian juga disediakan sebagai platform bagi membincangkan pelbagai perkara termasuklah isu pengukuhan pembangunan dan perpaduan negara, seperti Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Hal ini bertujuan untuk menyediakan modal insan yang mempunyai jati diri yang utuh, cinta kepada negara, mengamalkan nilai-nilai murni dan saling menghormati sebagai rakyat dalam masyarakat majmuk.

4. Untuk makluman **Y.B. Lenggong**, **Y.B. Labuan** dan **Y.B. Tenom**, di bawah anjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, beberapa strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat untuk melahirkan masyarakat harmonis melalui :

- i. Memperkuuh Pendidikan Sivik dengan menjadikan perkhidmatan komuniti sebagai prasyarat untuk tamat persekolahan menjelang 2017.
- ii. Memperkuuh Pendidikan Islam dan Moral dengan memberi fokus ke atas nilai dan falsafah agama utama menjelang 2017.
- iii. Memperkembang murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan dan penyertaan murid dalam aktiviti sukan, Kelab dan Badan Beruniform.
- iv. Mengukuh dan memperluas Rancangan Intregrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) mulai 2016 bagi menyediakan platform interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan latar belakang sosio ekonomi.

5. Justeru, bagi merealisasikan aspirasi yang PPPM tersebut, beberapa inisiatif utama PPPM 2013-2025 telah dirangka untuk dilaksanakan termasuklah:

- i. Membangunkan instrumen dan kajian tinjauan untuk mengukur perpaduan;
- ii. Penerusan dan pengukuhan aktiviti ko-kurikulum (Kelab, Sukan dan Permainan, Persatuan dan Badan Beruniform);
- iii. Memperkuuh perpaduan melalui Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan elemen Sivik dalam kurikulum; dan
- iv. Perombakan dan penjenamaan semula Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).

Tuan Yang di-Pertua,

6. KPM juga telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan sahsiah dan jati diri yang di antaranya:

- i. Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun ini. Mata pelajaran Sejarah juga akan diperkenalkan di peringkat sekolah rendah di Tahap 2, mulai tahun 2014 secara berperingkat-peringkat.
- ii. Mewujudkan Jawatankuasa Induk Perpaduan Dalam kalangan Murid Pelbagai Kaum di peringkat KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan memutuskan apa-apa dasar pelaksanaan serta operasi berkaitan perpaduan dan integrasi murid pelbagai kaum di Malaysia.
- iii. Mewujudkan Sekretariat Perpaduan Murid di peringkat KPM yang bertujuan untuk meningkat dan memantapkan perpaduan dan integrasi murid pelbagai kaum di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan seluruh negara serta mengukuh identiti nasional murid pelbagai kaum dengan mengamalkan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan masa depan Malaysia.

7. Untuk makluman **YB Lenggong**, **Y.B. Sekijang** dan **YB Tenom**, Sekolah Wawasan yang diilhamkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan kaum bermula di peringkat awal persekolahan. Dengan adanya konsep Sekolah Wawasan, KPM yakin kejayaan integrasi kaum boleh direalisasikan menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan secara bersama-sama dan berterusan, di mana murid-murid di Sekolah Wawasan boleh berkongsi kemudahan dan persekitaran yang sama, dan hal ini merupakan sebagai salah satu alternatif untuk memupuk integrasi kaum. Oleh itu, KPM berpandangan bahawa sistem persekolahan yang telah diamalkan sekarang wajar diteruskan. Namun demikian, cadangan untuk memperluas Sekolah Wawasan boleh dipertimbangkan dan bergantung kepada keperluan masyarakat setempat, lokasi dan kemampuan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di Pertua,

8. Saya berkeyakinan bahawa pendidikan yang kita amalkan sekarang mampu menjadi wadah perpaduan antara kaum di negara ini tanpa mengira fahaman politik, latar belakang sosio ekonomi, pendidikan, agama dan bangsa.

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cabaran utama bagi mencapai sasaran Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) pada tahun 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) sejak tahun 2010. Secara keseluruhannya status pencapaian LINUS bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

Kemahiran	Kohort 1 (Tahun 3)	Kohort 2 (Tahun 2)	Kohort 3 (Tahun 1)
Literasi	99.84%	96.31%	82.15%
Numerasi	99.92%	97.76%	89.83%

Berdasarkan pencapaian tersebut, KPM mendapati program LINUS berupaya meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan di negara ini. Antara cabaran bagi memastikan kejayaan 100 peratus program ini adalah:

- i. Terdapat dalam kalangan murid yang mempunyai masalah kesihatan yang tidak berupaya mengikuti program LINUS.
- ii. Memastikan semua murid yang terlibat hadir bagi mengikuti program saringan LINUS; dan
- iii. Segelintir guru yang kurang berpengalaman bagi mengatasi murid yang tidak menguasai kemahiran/konstruk yang sepatutnya dikuasai.

Bagi mengatasi cabaran ini, pelbagai intervensi telah dilaksanakan dalam memastikan peningkatan kapasiti dan kapabiliti guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) termasuk untuk guru akademik dan guru pemulihan. Seramai 15,400 guru dalam perkhidmatan telah dilatih daripada segi kelestarian LINUS dengan menggabungkan modul LINUS dengan kurikulum sedia ada. Kursus pemantapan PdP kepada 1,100 guru pemulihan telah dilaksanakan di samping seramai 300 guru pemulihan menyertai *Public Private Partnership*.

Kementerian juga memberi perhatian kepada keupayaan murid yang pelbagai aras serta persekitaran sosio ekonomi dan latar belakang keluarga yang berbeza. Murid luar bandar dan pinggir bandar merupakan sasaran utama bagi memastikan mereka menguasai kemahiran LINUS. Bimbingan berterusan daripada pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah dilaksanakan untuk menghebahkan informasi LINUS dan memberi kesedaran kepada ibu bapa dan komuniti. Di samping itu, rujukan terus kepada pengamal perubatan bagi menentukan tahap keupayaan murid daripada segi pemeriksaan kesihatan telah dilaksanakan bagi mengenal pasti sekiranya murid mempunyai masalah pembelajaran. Hal ini bertujuan agar murid memperolehi pendidikan yang lebih sesuai dengan tahap kesihatan dan pemikiran mereka.

Rjm 02

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara jelas mengenai tempoh masa pelaksanaan usaha mentransformasi sistem pembelajaran Tingkatan 6 di seluruh negara yang pernah diumumkan tahun lalu. Bilakah agaknya rakyat dapat melihat transformasi ini berlaku di peringkat akar umbi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Transformasi Tingkatan Enam adalah salah satu inisiatif yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk mengekalkan peratusan murid yang keluar selepas mendaftar di Tingkatan Enam.

Di samping itu transformasi ini juga mempunyai objektif am yang berfokus kepada *outcome* pengajian Tingkatan Enam yang antara lainnya adalah:

- i. Menjadikan Tingkatan Enam lebih menarik dan setara dengan program pra-universiti yang lain;
- ii. Tingkatan Enam antara pilihan terbaik bagi lepasan SPM;
- iii. Memastikan lulusan STPM mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi di dalam dan luar negara;
- iv. Menyediakan lebih banyak peluang kerjaya bagi lulusan STPM; dan
- v. Menerapkan nilai-nilai kepimpinan dalam kalangan murid Tingkatan Enam.

Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berfasa dalam Gelombang 1 (2013 – 2015) dan berakhir dalam Gelombang 2 (2016-2020). Pada masa ini Kementerian sedang mengkaji kebolehlaksanaan inisiatif ini daripada aspek kesediaan fizikal dan guru sedia ada.

Soalan No : 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara mengikut negeri dan apakah jenis-jenis bantuan yang Kerajaan Persekutuan berikan kepada sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah sekolah di bawah kawalan Jabatan Agama Islam Negeri dan disenggara secara persendirian. Pada masa kini, terdapat 364 buah SAR di seluruh negara iaitu 231 buah SAR rendah dan 133 buah SAR menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan **bantuan secara sumbangsan** kepada SAR Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dalam aspek bantuan Per Kapita, bantuan pembangunan, bantuan kursus dan bantuan perpustakaan.

KPM amat menyedari SAR masih memerlukan bantuan, justeru dengan jumlah peruntukan sedia ada, bantuan ihsan boleh dipertimbangkan pada tahun akan datang berdasarkan *case by case* atau merit berdasarkan permohonan daripada SAR yang benar-benar memerlukannya. Bagi membolehkan SAR mendapat bantuan yang lebih baik seperti mana yang dinikmati oleh sekolah-sekolah KPM yang lain, KPM menggalakkan SAR agar mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dengan berbuat demikian, SAR akan menikmati bantuan pembangunan dan pemberian kecil, utiliti, kebersihan kawasan, kawalan keselamatan, makanan asrama bermasak, guru yang berkelayakan dan mencukupi, bantuan Geran Per Kapita (PCG) mata pelajaran bagi pelaksanaan aktiviti pengukuhan, bantuan buku teks, penilaian yang bersistematis dan sebagainya.

Soalan No : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa pejabat Pendidikan Manjung, Perak tidak membenarkan wakil rakyat Pakatan Rakyat menghadiri program-program sekolah. Adakah ini polisi Kementerian Pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah menetapkan sebarang dasar yang menghalang Ahli Yang Berhormat atau wakil rakyat daripada menghadiri program-program yang dianjurkan oleh sekolah. Dalam hal ini, Kementerian mengeluarkan garis panduan kepada pentadbir sekolah melalui **Surat Pekeliling Iktisas (SPI) Bil.3/2008: Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah oleh Pihak Luar**. Tujuan SPI ini untuk memastikan program yang dijalankan di sekolah mencapai objektif yang ditetapkan, selain kemudahan yang terdapat di sekolah tidak disalahguna oleh pihak luar.

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Manjung perlu mematuhi SPI Bil.3/2008 berhubung mengundang orang-orang kenamaan ke upacara sekolah dan penggunaan premis sekolah oleh pihak luar. Semua majlis di sekolah yang melibatkan orang-orang kenamaan atau individu tertentu hendaklah memohon kebenaran daripada Kementerian melalui Pengarah Pelajaran Negeri. Keutamaan hendaklah diberi kepada Y.A.B Menteri Pendidikan, Y.B Timbalan-timbalan Menteri Pendidikan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Pendidikan Negeri atau wakil-wakil mereka untuk majlis perasmian samada di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), PPD atau pun di peringkat sekolah.

Rjm 05

Soalan No : 68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang akan menyertai Program Diploma Antarabangsa Pendidikan pada tahun 2013 dan 2014, yang dikelolakan oleh United States Sports Academy dan jumlah kos untuk program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bercadang untuk meneruskan penganjuran Program Diploma Antarabangsa Pendidikan Jasmani dan Kejurulatihan Sukan (DAPJKS) bagi tahun 2013. Cadangan ini merupakan perluasan daripada Program Diploma Antarabangsa Pendidikan Jasmani (DAPJ) yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 anjuran bersama KPM dan KH Sports World Sdn. Bhd. yang mewakili United States Sports Academy (USSA).

Program ini disasarkan kepada guru Pendidikan Jasmani (opsyen dan bukan opsyen), jurulatih sukan di Pusat Latihan Daerah dan juga guru sukan di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Program ini memberi peluang kepada lebih ramai guru Pendidikan Jasmani (opsyen dan bukan opsyen) yang aktif mengajar Pendidikan Jasmani untuk meningkatkan kemahiran profesionalisme dalam bidang berkaitan.

Cadangan bilangan peserta program DAPJKS bagi tahun 2013 adalah seramai 1,000 guru. Jumlah tersebut akan membolehkan KPM mempunyai seramai 2,000 guru yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Kejurulatihan Sukan yang akan membantu menjaya dan memperkuuh pelaksanaan dasar 1Murid 1Sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan cadangan ini bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM27 juta yang meliputi kos yuran pengajian, tuntutan perjalanan peserta, keperluan peralatan kursus dan pakej penginapan peserta.

Walau bagaimanapun, KPM bercadang untuk melaksanakan kajian keberkesanan program DAPJSK bagi kedua-dua kohort terlebih dahulu sebelum memutuskan pelaksanaan program ini pada tahun 2014.

Rjm 06

Soalan No : 72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) akan dikaji semula memandangkan di bawah PBS guru tidak ada masa yang cukup untuk mengajar dan PBS menyebabkan murid-murid hanya meniru daripada buku-buku teks.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula dilaksanakan pada tahun 2011 untuk murid-murid Tahun 1, tahun 2012 untuk murid Tahun 1, Tahun 2 dan Tingkatan 1 dan Tahun 2013 untuk murid Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 serta Tingkatan 1 dan Tingkatan 2.

PBS dilaksanakan oleh guru-guru yang terlatih di sekolah secara terancang mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan. Dokumen Standard Prestasi (DSP) adalah rujukan utama guru untuk mentaksir dan melapor penguasaan murid mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang diharatkan dalam dokumen kurikulum. Perlu dijelaskan bahawa PBS tidak mengubah proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah.

Pentaksiran Sekolah (PS) dilaksanakan dalam bentuk formatif dan sumatif. Melalui pentaksiran formatif guru boleh menilai pencapaian kemahiran murid semasa proses PdP berlaku. Manakala pentaksiran sumatif dijalankan pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. Ini bererti ujian bulanan atau ujian penggal boleh dibuat di sekolah mengikut kesesuaian dan keperluan pihak sekolah. Kerja rumah atau latihan yang diberi juga merupakan sebahagian daripada pentaksiran yang masih dijalankan di sekolah.

Untuk mentaksir, guru tidak semestinya menyediakan lembaran kerja bagi setiap kemahiran yang hendak dinilai. *Evidens* atau bukti penguasaan murid boleh diperoleh melalui pemerhatian, jawapan lisan, latihan lisan, latihan dalam buku atau buku kerja dan juga kerja rumah.

Perlu difahami bahawa sistem pentaksiran ini merupakan perkara baharu yang perlu mengambil masa untuk diterima dan difahami oleh semua pihak. Mengambil contoh negara lain seperti New Zealand mengambil masa lapan (8) tahun sebelum PBS diterima oleh masyarakatnya, sementara Finland mengambil masa lima (5) tahun.

Rjm 07

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 26 JUN 2013

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN yang mana pinjaman tersebut telah ditukar ke bentuk basiswa atas sebab kecemerlangan pelajar tersebut. Nyatakan juga jumlah pecahan kaum pelajar-pelajar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mei 2013, seramai 18,314 pelajar yang dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama telah mendapat pengecualian bayaran balik yang melibatkan pelupusan bayaran balik sebanyak RM507.72 juta. Pecahan mengikut kaum, 12,676 (69.2%) pelajar kaum Cina, 4,726 (25.8%) pelajar adalah kaum Melayu, 722 (3.9%) pelajar kaum India dan 190 (1.0%) pelajar lain-lain.

Bagi tempoh yang sama, PTPTN telah meluluskan pinjaman/pembiayaan pendidikan kepada seramai 1.32 juta pelajar peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Daripada bilangan tersebut, 831,904 (63.0%) pelajar terdiri daripada kaum Melayu, 323,799 (24.5%) pelajar kaum Cina, 76,695 (5.8%) pelajar kaum India dan 88,916 (6.7%) pelajar kaum lain-lain.

Rjm 08

Soalan No : 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 26.6.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setelah selesainya sesi *townhall* untuk mendapatkan input daripada rakyat, bilakah laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan dilancarkan dan mengapa ia dilewatkan walaupun enam daripada 100 inisiatif telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang membuat penyelarasan dan penyuntingan akhir dokumen laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tersebut, dengan mengambil kira Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara hasil daripada gabungan Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

KPM bercadang pelancaran laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 akan dilaksanakan pada Ogos 2013.

Rjm 09

Soalan No : 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHRU]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan Pembangunan Pendidikan yang dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia hanya mengambil kira pembangunan pendidikan bagi sistem sekolah. Memandangkan penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian Pendidikan, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji dan memperhalusi Pelan Pembangunan Pendidikan untuk mengambil kira kesinambungan pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang berjaya memenangi kawasan masing-masing dalam Pilihanraya Ke-13. Diharapkan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, akan dapat membantu membangunkan negara Malaysia tercinta, melalui perbahasan yang matang dan berkualiti. Oleh itu, sokongan padu daripada semua Ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, cadangan yang membina demi pembangunan pendidikan negara amatlah diharapkan, khususnya menyentuh transformasi sistem pendidikan. Sehubungan itu, izinkan saya menjawab secara serentak enam (6) pertanyaan yang saling berkait seperti dibangkitkan oleh:

- | | |
|------------------------------------|---|
| i. Y.B. Kulim Bandar Baharu | 27 Jun (Hari ini) & 1 Julai 2013 |
| ii. Y.B. Bukit Bendera | 2 dan 3 Julai 2013 |
| iii. Y.B. Kubang Pasu | 9 Julai 2013; dan |
| iv. Y.B. Tebrau | 9 Julai 2013 |

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jawapan saya akan memberi fokus kepada status pelaksanaan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia**

(PPPM) 2013 – 2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007 – 2020.

3. Transformasi pendidikan negara akan melalui proses perubahan yang lebih besar, merangkumi seawal pendidikan prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi, setelah berlakunya penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah satu bumbung, sebagai Kementerian Pendidikan. Penggabungan ini akan menyeragamkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berpandu kepada satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan berpaksikan kepada akta-akta pendidikan yang berkaitan.

4. Semua peringkat pendidikan akan menikmati perkongsian sumber dan kepakaran dalam memastikan bidang pendidikan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan. Saya yakin penyusunan semula ini, akan menjadikan Kementerian Pendidikan dapat diuruskan secara lebih cekap dan teratur, dalam menyumbang kepada proses pembangunan modal insan yang mampu membangunkan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Seperti yang dibangkitkan oleh **Y.B. Kulim Bandar Baharu**, penggabungan ini juga membolehkan Kementerian menyelaras dan memperhalusi dua (2) pelan pendidikan iaitu **PPPM 2013-2025** dan **PSPTN 2007-2020**. Penyelaras dan penajaran bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang merangkumi lima (5) perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Ini termasuklah **melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN untuk penambahbaikan dan penajaran dengan PPPM, yang akan selesai pada akhir tahun 2013**. Saya berkeyakinan dengan penajaran ini, transformasi pendidikan akan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun, seiring dengan transformasi-transformasi kerajaan yang lain.

6. Untuk makluman **Y.B. Bukit Bendera**, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) diwujudkan adalah hasil penggabungan Pejabat Pengurusan Projek (PMO) dan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) di bawah **sektor pelajaran**, yang bertanggungjawab menggerak dan memacu pelaksanaan inisiatif PPPM termasuk NKRA Pendidikan. PADU juga akan berkerjasama dengan Pejabat Pengurusan Program (PMO) di **sektor pengajian tinggi**, untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan Projek Agenda Kritisal PSPTN, serta pihak-pihak berkepentingan seperti PEMANDU untuk memastikan transformasi pendidikan negara yang dirancang mengikut tempohnya.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Berhubung dengan status pelaksanaan PPPM, untuk makluman **Y.B. Bukit Bendera**, sehingga kini enam (6) inisiatif untuk tempoh 100 hari gelombang pertama PPPM telah pun dapat dicapai dengan jayanya. Ini

termasuklah seramai 56,754 guru Bahasa Inggeris telah menjalani Ujian Penempatan Cambridge (CPT) bagi mengenal pasti tahap kemahiran berbahasa masing-masing. Hasil ujian mendapati, 17,026 (28.9 peratus) daripada jumlah guru tersebut mencapai tahap kompetensi tertinggi berasaskan standard *Common European Framework Of References For Languages (CEFR)*, dan selebihnya melepassi tahap penguasaan bahasa Inggeris yang memuaskan.

8. Justeru, untuk memastikan penguasaan Bahasa Inggeris guru-guru sentiasa berada di tahap kompetensi tertinggi, KPM telah melaksanakan latihan melalui program peningkatan kecekapan kemahiran yang dikenali sebagai *Professional Up-Skilling Of English Language Teachers (Pro-ELT)*. Untuk makluman Dewan yang mulia, fasa pertama telah pun dilaksanakan dengan melibatkan 5,000 guru dari seluruh negara mulai November 2012 sehingga Disember 2013. **Manakala fasa kedua pula akan melibatkan 9,240 guru Bahasa Inggeris yang dijadualkan bermula pada September 2013 sehingga Disember 2014.**

9. Selain itu, peningkatan kualiti guru juga dilaksanakan dengan mewujudkan 339 Rakan Peningkatan Sekolah (SiPartners+), dan 1,278 Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) yang ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah di seluruh negara menjelang tahun 2014. Hasil daripada Program SiPartners+ yang dilaksanakan di negeri Sabah dan Kedah, sekolah dalam band 6 dan 7 di negeri berkenaan telah berjaya dikurangkan sebanyak 50 peratus. **Saya percaya menjelang tahun 2015, sasaran sifar bagi kedua-dua band tersebut, Insya-Allah akan dapat kita capai.**

10. Ingin saya tegaskan di sini walaupun **laporan akhir hanya akan dimuktamadkan pada Julai 2013**, saya telah mengarahkan supaya semua inisiatif yang telah ditetapkan, dilaksana mengikut perancangannya. Ini kerana Kerajaan serius dalam melaksanakan transformasi pendidikan bagi memenuhi keperluan dan permintaan rakyat seiring dengan transformasi-transformasi kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Dalam misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, Kerajaan perlu memastikan pengajian tinggi berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. Oleh itu, **PSPTN** yang digubal secara komprehensif dan holistik bertujuan memartabatkan pengajian tinggi negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Struktur, sistem dan strategi pengajian tinggi yang mantap merupakan perkara pokok yang membolehkan kita menghadapi pelbagai cabaran yang mendarang.

12. Untuk makluman **Y.B. Kulim Bandar Baharu**, pelan ini dilaksanakan melalui empat (4) fasa yang menggariskan tujuh (7) teras strategik seperti memperluas akses dan meningkatkan ekuiti; menambah baik kualiti pengajaran

dan pembelajaran; memperteguh penyelidikan dan inovasi; memperkasa institusi pengajian tinggi; mempergiatkan pengantarabangsaan; membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan memperkuuh sistem penyampaian sektor pengajian tinggi.

13. Sehingga tahun 2012, sebanyak 23 Projek Agenda Kritikal telah diwujudkan yang merentasi tujuh (7) teras strategik PSPTN. Projek Agenda Kritikal merupakan pemangkin untuk melonjakkan pengajian tinggi ke arah kecemerlangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan-laporan kemajuan telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi menjelaskan mengenai status kemajuan pelaksanaan PSPTN. Sehingga akhir 2012, di bawah Fasa 2 (2011 hingga 2015), melalui 23 Projek Agenda Kritikal, sebanyak 32 pencapaian dan keberhasilan telah diperolehi, termasuklah meminda Akta Universiti dan Kolej Univeristi (AUKU) 1971 yang telah diwartakan pada 22 Jun 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

14. Sesungguhnya, apa yang dilaksanakan dan dirancang untuk menambah baik sistem pendidikan negara sebenarnya bertujuan untuk menyediakan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, profisiensi dwibahasa, kemahiran kepimpinan, memiliki identiti nasional dan etika kerohanian serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, untuk makluman **Y.B. Kubang Pasu**, usaha memperkuuhkan integrasi antara kaum dalam sistem pendidikan sebenarnya telahpun diberi perhatian khusus dalam PPPM, melalui anjakan ke-3 dan program-program khusus di peringkat pengajian tinggi serta dalam Projek Agenda Kritikal PSPTN.

15. Oleh itu, kerjasama dan sokongan semua pihak tanpa mengira fahaman politik, latar belakang sosio ekonomi, pendidikan, agama dan bangsa amatlah diharapkan, agar aspirasi ini dapat direalisasikan tanpa membelakangkan prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Rjm 10

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah pembayaran balik yang diguna pakai oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ke atas peminjam, dan mohon pihak Kementerian memperincikan kaedah pembayaran balik tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bayaran balik pembiayaan pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah bermula enam (6) bulan selepas pelajar tamat pengajian. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa meningkatkan sistem perkhidmatan kepada pelanggan bagi memudahkan peminjam menunaikan tanggungjawab bayaran balik pembiayaan masing-masing, antaranya:

- i. memperbanyak dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);
- ii. menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan antaranya melalui kaunter dan pembayaran secara dalam talian (*online*) / perbankan internet melalui ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia; dan
- iii. bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam;

Di samping itu, PTPTN juga telah membuka pejabat cawangan di seluruh negara bagi mendekati masyarakat di dalam memberi khidmat/ rundingan nasihat yang lebih mesra pelanggan dengan perancangan bayaran balik yang mampu bayar oleh peminjam. Sehingga 31 Mei 2013, terdapat 12 Pejabat PTPTN Negeri (PPN), 2 One Stop Centre dan tiga (3) Pejabat PTPTN Cawangan (PPC) yang

telah beroperasi di seluruh negara iaitu PPN Selangor, PPN Perak, PPN Negeri Sembilan, PPN Kelantan, PPN Pulau Pinang, PPN Sarawak, PPN Melaka, PPN Pahang, PPN Terengganu, PPN Sabah, PPN Kedah/Perlis dan PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Johor. One Stop Centre KL Sentral dan *One Stop Centre* Putrajaya serta PPC UTC Perak, UTC Pahang dan UTC KL.

Rjm 11

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan SK, SJKC, SJKT yang dibina di bawah RMK-8, RMK-9 dan RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan bilangan Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) **baru** yang dibina di bawah RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10 adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	RMKe-8	RMKe-9	RMKe-10
SK	359	105	36
SJKC	7	9	3
SJKT	4	0	0
JUMLAH	370	114	39

Rjm 12

Soalan No : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan struktur organisasi Kementerian selepas KPM bergabung semula dengan KPT. Bagaimanakah kedudukan 2 Ketua Setiausaha dan 2 Ketua Pengarah yang sedia ada selepas penggabungan Kementerian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu transformasi bagi memantapkan sistem penyesuaian perkhidmatan yang telah dilaksanakan selepas PRU 13 adalah menggabungkan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi menjadi Kementerian Pendidikan. Penggabungan di bawah satu bumbung akan menyeragamkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berpandu kepada satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, serta berpaksi kepada akta pendidikan yang sama. Semua peringkat pendidikan akan menikmati perkongsian sumber dan kepakaran untuk memastikan bidang pendidikan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan. Sememangnya dengan penggabungan ini, Kementerian Pendidikan akan menjadi besar, bukan sahaja jumlah anggotanya mencecah 700,000 orang, malah fungsinya juga turut bertambah. Oleh kerana itulah jawatan-jawatan penting perlu diwujudkan bagi memastikan Kementerian diuruskan secara lebih cekap dan menyumbang kepada proses pembangunan modal insan yang mampu membangunkan agama, bangsa dan negara.

Rjm 13

Soalan No : 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH :

27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan nyatakan adakah Kementerian membuat penilaian khas bagi SABK yang menjalankan pengajian tahlif seperti Sekolah Menengah Imtiaz di Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah sebanyak dua (2) buah iaitu Sekolah Menengah Imtiaz Besut, Terengganu dan Kolej Sains Pendidikan Islam Kuala Terengganu.

Berhubung dengan penilaian khas bagi SABK yang menjalankan pengajian Tahfiz, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum melaksanakan penilaian tersebut. Walau bagaimanapun pada masa ini KPM sedang berusaha menjadikan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan (KK) yang akan dilaksanakan di SABK mulai tahun 2015. KPM juga telah membuat perancangan pensijilan untuk sekolah-sekolah agama ke arah pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Rjm 14

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mengambil langkah mengurangkan beban guru untuk mengemas kini data dalam Sistem Penilaian Sekolah yang baru. Tambahan tugas ini memberi kesan kepada tugas utama guru iaitu pengajaran dan pembelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha membuat penambahbaikan serta meningkatkan kebolehcapaian Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS). Langkah tersebut bertujuan untuk memastikan sistem ini dapat digunakan dengan berkesan dan tidak membebankan guru terutama ketika mengemas kini data dalam SPPBS. Antara langkah yang dilakukan ialah:

- i. Memindahkan SPPBS ke *hosting* baru serta telah menggandakan 20 buah bilangan server bagi mengurangkan kesesakan pengguna yang ramai.
- ii. Mengurangkan bilangan *evidens* bagi beberapa mata pelajaran tertentu serta penambahbaikan terhadap paparan dan kapasiti bagi menjadikan sistem tersebut lebih mesra pengguna.
- iii. Menyediakan meja Bantuan SPPBS disediakan untuk melayan pertanyaan daripada pengguna.

Rjm 15

Soalan No : 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelaksanaan menyediakan kemudahan rangkaian telekomunikasi 4G melalui 1BestariNet dan persekitaran maya (VLE) membabitkan lebih 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara menjelang akhir tahun 2013 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek 1BestariNet adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam penciptaan kandungan pendidikan.

Kemudahan jalur lebar yang disediakan di sekolah ini adalah berasaskan kepada teknologi 4G dengan kelajuan minima sebanyak 4Mbps sehingga kelajuan maksima sebanyak 20Mbps. Kemudahan capaian 1BestariNet tidak hanya terhad di makmal komputer sahaja tetapi meliputi seluruh kawasan sekolah sama ada menggunakan sambungan infrastruktur LAN sedia ada atau kaedah lain yang merangkumi bilik darjah, pejabat pentadbiran, bilik guru, makmal komputer, pusat sumber dan pusat akses sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah yang terlibat dalam rangkaian telekomunikasi adalah sebanyak 9,889 buah sekolah. Sehingga 5 Jun 2013, sebanyak 7,139 sekolah telah siap dipasang dengan kelengkapan 1BestariNet. Manakala sebanyak 6,972 sekolah pula menggunakan teknologi 4G. Sebanyak 2053 sekolah menggunakan VSAT. Seterusnya sebanyak 864 sekolah menggunakan ADSL. Jumlah lesen yang dikeluarkan untuk mengakses ke VLE adalah sebanyak 10,000 *instances* yang meliputi seramai 5.5 juta murid, 500,000 orang guru dan 4.5 juta ibu bapa atau penjaga.

Soalan No : 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Berchang, Kuala Lipis akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memberikan prasarana pendidikan yang terbaik kepada semua murid di seluruh negara. Di kawasan Kuala Lipis, telah terdapat 11 buah sekolah menengah yang sedang beroperasi. Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) juga telah dirancang untuk dibina dalam masa terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen yang rendah bagi sekolah-sekolah yang menjadi *feeder* kepada sekolah menengah di kawasan Berchang, Kuala Lipis, Pahang menunjukkan bahawa pembinaan sebuah sekolah baru iaitu SMK Berchang adalah tidak kritisikal dan mendesak buat masa ini. Terdapat tiga (3) buah sekolah menengah yang masih boleh menampung keperluan pendidikan murid-murid di sekitar kawasan tersebut.

Rjm 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang sambutan dan prestasi Sistem Modulan tingkatan enam pada tahun 2012:-

- (a) untuk tahun 2013, berapa orang pelajar telah dipilih menyertai sistem ini dan berikan angka mengikut setiap negeri; dan
- (b) setakat ini terdapat berapa orang pelajar telah melapur diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula melaksanakan sistem pentaksiran baharu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai sesi pengambilan pelajar Tingkatan Enam Bawah pada bulan Mei 2012. Usaha tersebut adalah selaras dengan Program Transformasi Pendidikan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, sistem peperiksaan STPM dijalankan dalam dua (2) mod, iaitu **mod pertama** ialah sistem peperiksaan STPM sedia ada bagi pelajar yang sedang mengikuti Tingkatan Enam atas pada tahun 2012 yang merupakan pelajar kohort terakhir bagi sistem peperiksaan STPM sedia ada. Manakala **mod kedua** ialah bagi pelajar Tingkatan Enam Bawah pada tahun 2012 yang merupakan pelajar kohort pertama melalui sistem pentaksiran baharu STPM yang akan menduduki peperiksaan penggal pertama persekolahan Tingkatan Enam pada November 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 seramai 202,053 pelajar layak memasuki Tingkatan Enam. Jumlah pelajar yang layak mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Pelajar Ting. 6
1.	Perak	18,879
2.	Selangor	33,620
3.	Pahang	12,153
4.	Kelantan	15,900
5.	Sabah	15,909
6.	Johor	24,029
7.	Kedah	16,556
8.	Labuan	507
9.	Melaka	6,746
10.	Negeri Sembilan	8,421
11.	Pulau Pinang	10,644
12.	Perlis	1,873
13.	Sarawak	16,615
14.	Terengganu	9,697
15.	WP Putrajaya	547
16.	WP Kuala Lumpur	9,957
JUMLAH		202, 053

- (b) Sehingga 8 Mei 2013, jumlah pelajar yang telah mendaftar ke Tingkatan Enam adalah sejumlah 62,046 orang.

Rjm 18

Soalan No : 75

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 27.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai 1500 pelajar India yang berjaya mendapat kursus matrikulasi tahun ini (2013) dengan butiran nama, pencapaian SPM dan sekolah semasa di tingkatan lima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak November 1998, Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diwujudkan dengan tujuan asalnya adalah untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Namun begitu, semenjak tahun 2003 program ini bukan lagi eksklusif untuk pelajar bumiputera sahaja kerana **kuota 10 peratus** telah diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera. Pemilihan pelajar dilaksanakan mengikut meritokrasi berdasarkan pengiraan merit.

Selaras dengan pengumuman Y.A.B Perdana Menteri pada 27 Februari 2012, peruntukan sebanyak 1,500 tempat kepada pelajar India masih dikekalkan bagi tahun 2013. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 6,185 pelajar India telah memohon dan daripada jumlah tersebut seramai 1,500 telah ditawarkan ke Program Matrikulasi KPM untuk ambilan pertama sesi 2013/2014 bagi pendaftaran pada 27 Mei 2013. Manakala 350 pelajar India lagi ditawarkan untuk ambilan kedua bagi pendaftaran pada 12 Jun 2013. Hal ini bermakna seramai **1,850** pelajar India telah ditawarkan ke Program Matrikulasi sesi 2013/2014.

Rjm 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menggantikan Sijil Tinggi Persekolah dengan Peperiksaan Matrikulasi supaya syarat untuk pengambilan mahasiswa ke universiti tempatan dapat diselaraskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum merancang untuk menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM) dengan peperiksaan Matrikulasi. Ini kerana pengajian Tingkatan Enam ialah pendidikan prauniversiti yang mempunyai dua (2) fungsi utama, iaitu:

- i. Pengajian Tingkatan Enam merupakan tiket untuk masuk ke IPTA dan menyediakan pelajar untuk mengikuti pelbagai kursus.
- ii. Sijil STPM juga diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke universiti-universiti luar negara. Justeru, mereka yang tidak dapat masuk ke IPTA masih berpeluang memohon masuk ke universiti-universiti luar, sama ada universiti berkembar dalam negara atau universiti luar negara.

Dalam konteks ini, peperiksaan STPM menawarkan pelbagai mata pelajaran bagi keperluan kursus di universiti, seperti mata pelajaran bahasa, Sejarah, Geografi, Komputer, Perakaunan, Matematik, mata pelajaran sains dan pelbagai mata pelajaran lain. Selain daripada itu, peperiksaan STPM ditawarkan bukan sahaja kepada calon sekolah malah kepada calon-calon persendirian/individu kerana dalam pendemokrasian pendidikan, kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tidak seharusnya berasaskan kepada satu peperiksaan sahaja. Pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi mestilah juga menimbangkan calon-calon yang tidak berpeluang masuk ke sekolah bagi mengikuti pendidikan prauniversiti.

Soalan No : 94

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL TEO YU MENG [MIRI]

TARIKH : 27.6.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Michael Teo Yu Meng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah serta usaha Kementerian untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examinations Certificate—UEC), yang dikeluarkan oleh Sekolah Bebas Cina, yang sudah diterima di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan Sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuka ruang dan peluang kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki UEC dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pada masa ini, KPM masih belum menerima UEC yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak menggunakan pakai dasar dan kurikulum sistem Pendidikan Kebangsaan.

Rjm 21

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sebuah Sekolah Menengah Kerajaan akan dibina dalam ‘Rolling Plan’ terakhir RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa merancang keperluan sekolah baru mengikut keperluan demi untuk menambahbaik pendidikan negara termasuklah di Parlimen Sri Aman, Sarawak.

Berdasarkan penelitian KPM, memang wujud keperluan sekolah menengah baharu di Parlimen Sri Aman. Oleh yang demikian, Kerajaan telah meluluskan projek pembinaan SMK Lingga, Sri Aman dalam *rolling plan* kedua RMKe-10 bagi tujuan mengurangkan kesesakan sekolah menengah di Parlimen Sri Aman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini dalam peringkat penyediaan dokumen tender.

Rjm 22

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baru dan unik yang telah diperkenalkan oleh Sekolah Berprestasi Tinggi pada tahun 2012 dalam meningkatkan kualiti kurikulum kepada para pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, antara matlamat penubuhan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ialah untuk menghasilkan modal insan yang cemerlang dan bertaraf antarabangsa supaya dapat melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan terbaik di dunia dan seterusnya menjadi personaliti unggul dalam semua bidang yang diceburi.

Sehubungan itu, antara inisiatif baru yang telah diperkenalkan oleh SBT adalah pelaksanaan autonomi kurikulum iaitu menawarkan kepada murid SBT untuk mengambil peperiksaan di luar daripada kurikulum kebangsaan. Penawaran peperiksaan daripada mata pelajaran lain atau kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan dapat memantapkan pengetahuan murid dalam mata pelajaran tersebut serta memberi nilai tambah untuk membolehkan murid bersaing di peringkat antarabangsa seperti seperti menyertai *International Competitions and Assessments For Schools* (ICAS).

Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan memberi lebih kuasa kepada pemimpin SBT termasuk lebih fleksibiliti pengoperasian ke atas pengagihan bajet dan pelaksanaan kurikulum. Pengetua akan berkuasa penuh dalam pengurusan perbelanjaan geran perkaitan murid dan reka bentuk jadual waktu persekolahan. Proses ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan SBT dan Sekolah Kluster dan dari semasa ke semasa, lebih banyak sekolah akan diberi hak membuat keputusan berdasarkan prestasi yang ditunjukkan.

Soalan No : 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHRU]**

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Pelan Transformasi Pendidikan Negara dan apakah yang telah dilaksanakan berhubung Pelan Transformasi itu setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab bersekali dengan Pertanyaan **Yang Berhormat** pada **27.6.2013**. Kementerian Pendidikan tiada maklumat tambahan.

Rjm 24

Soalan No : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kos keseluruhan projek 1BestariNet serta perincianya, berapa banyak yang sudah dibelanja, status pelaksanaannya dan siapakah pemilik infrastruktur tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek 1BestariNet merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam penciptaan kandungan pendidikan. Nilai kontrak yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi kos Projek Perkhidmatan 1BestariNet ialah sebanyak RM663 juta bagi tempoh kontrak selama dua (2) tahun enam (6) bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilik infrastruktur projek perkhidmatan 1BestariNet adalah pihak kerajaan. Pihak kerajaan telah membuat pembayaran kepada pihak pembekal perkhidmatan iaitu sebanyak RM463,276,326.51 atau 69.88 peratus daripada jumlah siling kontrak projek tersebut.

Rjm 25

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kolej vokasional menawarkan program pengajian diploma akan menyebabkan berlaku pertindihan dengan program pengajian yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti yang juga menawarkan program berbentuk teknikal. Jika berlaku benar berlaku pertindihan, mengapa tidak digabungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat persekolahan, pendidikan vokasional dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan ditawarkan dalam dua (2) peringkat iaitu pada peringkat Pendidikan Asas Vokasional (PAV) yang ditawarkan kepada murid-murid lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan peringkat Kolej Vokasional (KV) yang menawarkan Diploma disasarkan kepada murid-murid lepasan Pendidikan Menengah Rendah (PMR) yang masih dalam sistem Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Manakala kolej komuniti menawarkan kursus kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat. Kumpulan sasaran Kolej Komuniti ialah warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas yang merangkumi lepasan sekolah, pelajar Orang Kurang Upaya, pelajar tercicir daripada pendidikan formal, lulusan universiti, belia, ibu atau bapa tunggal, Persatuan Pesara Kerajaan termasuk PERHEBAT, Warga Emas Pekerja industri melalui program *Upskilling* dan *Reskilling*.

Sehubungan itu, antara langkah yang dilakukan oleh KPM apabila penggabungan dua (2) kementerian ini termasuklah mengkaji dan menyelaras pendidikan vokasional supaya tidak berlaku pertindihan dalam pelaksanaannya.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan kerajaan untuk mengkaji semula konsep pendidikan vernakular di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep sekolah vernakular merujuk kepada “vernacular school” yang dinyatakan dalam Ordinan Pelajaran 1952 (**Education Ordinance 1952**) yang menyatakan:

“vernacular school“ means a school which is not a national school
and in which the principal medium of instruction is a vernacular language”.

Sehubungan itu, buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar sekolah vernakular tetapi sebaliknya akan berusaha untuk merapatkan jurang antara sekolah-sekolah yang ada di negara demi memastikan perpaduan nasional melalui pendidikan tercapai.

Rjm 27

Soalan No : 71

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah hutang PTPTN yang masih tertunggak sehingga kini. Berapakah bilangan peminjam PTPTN sejak diperkenalkan dan berapa bilangan peminjam yang berhutang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mei 2013, seramai 1,284,299 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM8.75 bilion. Jumlah ini tidak termasuk seramai 15,372 peminjam yang diluluskan penangguhan bayaran balik disebabkan menyambung pelajaran atau masih belum bekerja yang melibatkan amaun sebanyak RM129.89 juta.

Daripada jumlah tersebut, seramai 866,205 peminjam telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.11 bilion. Ini menjadikan jumlah tertunggak ialah sebanyak RM4.64 bilion daripada seramai 418,094 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar.

Rjm 31

Soalan No : 7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 1.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha dijalankan untuk memperkasakan Institut Perguruan Malaysia (IPGM) sebagai institusi latihan guru yang setanding dengan institusi pengajian tinggi awam yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam menjayakan wawasan negara. Pembangunan modal insan yang mempunyai kaitan kukuh dengan peranan guru menjadi teras kepada perancangan dasar kerajaan yang juga turut terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Selari dengan status dan peranan IPGM dalam memenuhi tanggungjawab melahirkan guru berkualiti, pada tahun ini pihak KPM telah memberi tanggungjawab kepada IPGM untuk melaksanakan salah satu daripada 25 inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu **“Transformasi IPG Untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru”**. Inisiatif ini merupakan empat aktiviti di bawah NKRA menerusi inisiatif Piagam Guru Baharu (*New Teachers' Charter*) GTP 2.0. Aktiviti-aktiviti tersebut dengan peruntukan untuk tahun 2013 berjumlah RM3.3 juta, adalah seperti berikut:

- i. **Kempen Berprofil Tinggi bagi Menarik Calon Terbaik (*High Profile Marketing-IPGM*)**. Aktiviti ini mensasarkan kepada usaha menarik 30 peratus pelajar cemerlang SPM bagi menyertai profesyen perguruan khususnya di IPG. Antara strategi yang dilaksanakan ialah dengan mengadakan promosi di sekolah-sekolah Berasrama Penuh, menyertai Karnival pendidikan (seperti Jom Masuk U) serta melancarkan iklan di media.
- ii. **Akauntabiliti Institut Perguruan Melalui Penarafan Institusi Pendidikan Guru (*Rating-IPGM*)**. Aktiviti ini merupakan satu usaha ke arah memberi penarafan (*rating*) kepada semua 27 kampus IPG seluruh

negara sebagaimana yang telah dilaksanakan kepada semua IPTA. Dijangkakan usaha penarafan ini akan selesai pada akhir tahun 2013.

- iii. **Pengukuhan Latihan Perguruan Melalui Latihan Praktikum (*Practicum- IPGM*).** Aktiviti ini dijalankan menerusi strategi dengan memberikan latihan bimbingan praktikum kepada 750 orang guru pembimbing di seluruh negara. (450 guru sekolah rendah 300 guru sekolah menengah)
- iv. **Pembangunan Profesionalisme & Pengurusan Prestasi Untuk Pensyarah di IPG (*Revamped-IPGM*).** Walaupun KPM telah melaksanakan pembangunan profesionalisme melalui CPD, penambahbaikan juga dilakukan melalui kursus pedagogi (*Subject Matter Exert*) yang melibatkan 550 orang pensyarah serta menjalankan perkongsian intelek untuk 500 orang pensyarah IPGM.

Selain itu, bagi meningkatkan prestij IPG setanding dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), satu pelan strategi telah dirangka bagi mencapai sasaran 33 peratus pensyarah IPG memiliki ijazah kedoktoran (PhD) menjelang 2020, manakala 100 peratus pensyarah memiliki sarjana menjelang 2018. Untuk makluman, pada 2012, daripada 3,947 pensyarah IPG, seramai 308 pensyarah adalah pemegang ijazah Doktor Falsafah dan 3,057 Sarjana.

Soalan No : 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 2.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada “University College of Technology Sarawak” ialah sebuah sekolah bertaraf Universiti atau Kolej. Adakah ia akan mengeluarkan ijazah sendiri atau ijazah dari universiti lain. Siapakah pemilik “University College of Technology Sarawak” dan berapakah yuran pengajian yang perlu dibayar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Universiti Teknologi Sarawak (KUTS) atau *University College of Technology Sarawak* (UCTS) ialah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf Kolej Universiti. Ia ditubuhkan pada 8 Ogos 2012 dan didaftarkan pada 1 April 2013 mengikut Akta 555 dan peraturan-peraturan di bawahnya. KUTS dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

KUTS merupakan badan pensijilan sendiri kepada dua (2) program yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu *Foundation in Arts* dan *Foundation in Science*. KUTS mengenakan yuran sebanyak RM17,250.00 bagi *Foundation in Arts* dan *Foundation in Science*.

Rjm 33

Soalan No : 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 2.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah fungsi NKRA Pendidikan di bawah pemantauan PEMANDU sedangkan Kementerian sudah mempunyai Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) yang diketuai oleh seorang CEO untuk melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab bersekali dengan Pertanyaan **Yang Berhormat** pada **27.6.2013**. Kementerian Pendidikan tiada maklumat tambahan.

Rjm 34

Soalan No : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]

TARIKH : 2.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah masa yang perlu diambil bagi menyediakan jalur lebar WIFI secara percuma dan terjamin di semua kampus institusi pengajian tinggi awam seperti yang dijanjikan di dalam Manifesto Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan kemudahan capaian internet tanpa wayar (WIFI) melibatkan tiga (3) komponen utama berikut:

- i. Sambungan peningkatan lebar jalur (*bandwidth*) gerbang internet ke kampus;
- ii. Sistem Rangkaian setempat (LAN) di dalam kampus; dan
- iii. Penyediaan peralatan wayarles (*Access Point*) di dalam kampus.

Tempoh pelaksanaan perluasan WIFI di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengambil masa sepuluh (10) bulan. Ini melibatkan proses perolehan melalui tender bagi pembekal internet dan peralatan rangkaian dan pemasangan, ujian dan pentaulianan.

Perolehan untuk sistem rangkaian setempat serta peralatan wayarles akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan melalui permohonan peruntukan 2014.

Soalan No : 84

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]

TARIKH : 2.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa bilangan guru-guru yang telah lulus daripada IPG atau UPSI yang belum dan sudah ditempatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penempatan guru di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berasaskan kepada kekosongan jawatan mengikut opsyen pengajaran dan graduan yang lulus temuduga pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). KPM memberi keutamaan untuk mengambil graduan tajaan KPM, graduan Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana latihan mereka telah diunjurkan lebih awal oleh KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012, seramai 3,707 graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan 15 orang graduan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah Program Pelajar Cemerlang di IPG telah lulus dan menamatkan pengajian mereka. Manakala bagi tahun 2013, seramai 2,017 pelajar telah lulus dalam Diploma Perguruan Lepasan Ijazah (DPLI). Seterusnya pada tahun 2013 juga, seramai 281 graduan B.Ed. TESOL/TESTL telah lulus dan menamatkan pengajian mereka.

Soalan No : 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA
[TASIK GELUGOR]

TARIKH : 2.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menjelaskan apakah perancangan pihak kerajaan bagi mewajibkan mata pelajaran Sejarah dan Sivik dalam sistem pendidikan di negara ini dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat universiti awam dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan sahsiah pelajar secara holistik sentiasa diutamakan dalam pembangunan modal insan negara. Selaras dengan itu, para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah didedahkan dengan pendidikan sejarah dan moral melalui Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Pelaksanaan MPU di IPTA terdiri daripada mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia.

Manakala di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), mata pelajaran Pengajian Malaysia, Pendidikan Islam/Pendidikan Moral dan Bahasa Kebangsaan dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW).

Untuk makluman Yang Berhormat, kursus MPU dan MPW telah dijadikan salah satu syarat serta keperluan untuk bergraduat. Kursus-kursus wajib universiti menyentuh aspek nilai-nilai murni, kemahiran berkomunikasi, keterampilan berfikir serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu. Pelaksanaan kursus wajib universiti ini bertujuan menyediakan pelajar dengan ketramplinan yang meliputi:

- i. Penghayatan falsafah pendidikan berpandukan nilai-nilai mulia dan sejarah.
- ii. Kebolehan untuk berfikir dan berkomunikasi secara kreatif dan kritis dengan menggunakan kemahiran kuantitatif dan kualitatif.
- iii. Ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang.
- iv. Kemahiran berbahasa Melayu dan Inggeris serta ko-kurikulum.

Ahli Yang Berhormat, kursus wajib universiti dibahagikan kepada empat (4) kumpulan utama, iaitu:

- i. Penghayatan Nilai-nilai Mulia dan Sejarah.
- ii. Kemahiran Berfikir, Berkomunikasi dan Berorganisasi.
- iii. Keluasan Ilmu Pengetahuan.
- iv. Kursus Kemahiran Bahasa dan Kontrak Pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MPU akan ditawarkan di IPTS berkuatkuasa pada 1 September 2013 ke atas pengambilan kohort baharu. Penawaran MPU dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajaran kursus wajib di IPTA dan IPTS dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Struktur baharu kursus MPU terbahagi kepada empat (4) kumpulan iaitu U1, U2, U3, dan U4. Kumpulan kursus U1 akan menjadi dasar Kementerian untuk dilaksanakan di semua IPTS iaitu terdiri daripada:

- i. Bahasa Melayu Komunikasi
- ii. Pengajian Malaysia
- iii. Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)
- iv. Hubungan Etnik

Oleh yang demikian, Kementerian berpandangan bahawa kursus MPU di IPT yang sedia ada ini mampu melahirkan pelajar yang beretika, berpengetahuan dan mempunyai nilai kendiri, kemahiran insaniah dan memahami nilai-nilai murni yang diterapkan melalui pembelajaran di IPTA dan IPTS.

Rjm 37

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan menimbangkan pembinaan sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di Parit bagi menampung keperluan rakyat tempatan untuk memasuki sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam proses menyediakan pembinaan sesebuah sekolah, beberapa syarat yang telah digariskan oleh Kerajaan perlu dipatuhi. Di samping itu, kemampuan kewangan negara juga diambil kira.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini (KPM) berpandangan tiada keperluan mendesak bagi pembinaan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Parit, Perak memandangkan terdapat tujuh (7) buah SBP yang telah dibina di negeri Perak iaitu:

- i. The Malay College Kuala Kangsar
- ii. SM Sains Raja Tun Azlan Shah, Perak
- iii. Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Perak
- iv. SM Sains Teluk Intan, Perak
- v. SBPI Gopeng, Perak
- vi. SM Sains Tapah, Perak
- vii. SM Sains Bagan Datoh, Perak

Di samping itu, inisiatif Jabatan Pendidikan Negeri mewujudkan kelas-kelas Rancangan Khas bagi murid-murid yang cemerlang juga dapat memberi peluang kepada murid-murid cemerlang di kawasan setempat.

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah terdapat data berkenaan penangkapan mahasiswa yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di dalam kampus dan apakah usaha-usaha Kementerian bagi menangani masalah dadah di IPTA dan IPTS terutama dadah jenis sintetik; dan
- (b) berapa jumlah pelajar IPTA/IPTS yang telah tidak berjaya menamatkan pengajian dari tahun 2008-2013 akibat penyalahgunaan dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk menangkap ke atas penangkapan pelajar atas kesalahan jenayah adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Berdasarkan sumber yang diterima daripada PDRM dari bulan Januari hingga April 2013, seramai 134 orang pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Dimaklumkan juga bahawa pihak IPT telah mengambil inisiatif dalam usaha bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar masing-masing. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

- i. Melaksanakan kajian penyalahgunaan dadah di Institusi Pengajian Tinggi Awam di mana hasil kajian ini membolehkan Kementerian merangka dasar pencegahan dan pemulihan untuk kumpulan berisiko tinggi.
- ii. Menghasilkan Garis Panduan Pencegahan Dadah, Subtans dan Alkohol yang mengintis semua kerangka perundangan dan

- peraturan bagi menyeragamkan tindakan pencegahan dan pemulihian untuk kegunaan IPT.
- iii. Menubuhkan pasukan Kor Sukarelawan (SUKSIS) dan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA).
 - iv. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di IPT.
 - v. Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dalam menangani penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar dari semasa ke semasa.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2008 hingga Mei 2013, seramai 10 orang pelajar IPTA gagal menamatkan pengajian akibat penyalahgunaan dadah. Ini menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajian akibat penyalahgunaan dadah adalah sangat kecil. Dalam hal ini, Kementerian akan terus memastikan kes-kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar IPT sentiasa terkawal bagi memastikan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berpengetahuan tinggi serta berakhhlak mulia menuju matlamat.

Rjm 39

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kos projek PPSMI sejak ia dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran jumlah kos projek PPSMI semenjak dilaksanakan pada tahun 2003 adalah sebanyak RM6 bilion. Kos tersebut meliputi penyediaan peralatan, latihan guru dan juga Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP).

Rjm 40

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah menara pemancar untuk Customer Premise Equipment (CPE) bagi Projek 1BestariNet yang telah dibina di kawasan sekolah di seluruh negara, kos untuk setiap projek tersebut dan sama ada projek ini akan diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek 1BestariNet adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam penciptaan kandungan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2013, sebanyak 1,503 struktur menara pemancar untuk *Customer Premise Equipment* (CPE) telah siap dipasang dan beroperasi. Manakala sejumlah 281 struktur 1BRIS berstatus siap dipasang tetapi belum beroperasi. 53 lagi struktur 1BRIS masih dalam pembinaan. Jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 1,784. Nilai kontrak yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi kos Projek Perkhidmatan 1BestariNet ialah sebanyak RM663 juta bagi tempoh kontrak selama dua (2) tahun enam (6) bulan mulai dari Januari 2012.

Soalan No : 93

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru di Malaysia, standardnya serta jumlah gaji dan elaun yang perlu. Apakah langkah untuk meningkatkan mutu perguruan termasuk Matematik, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan guru di Malaysia yang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah seramai **415,950**. Daripada jumlah tersebut, seramai **276,991** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan **138,959** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 akan menerima gaji antara RM1,916.31. Sungguhpun demikian, pemilik Ijazah Kepujian akan menikmati gaji permulaan : **RM2,222.94**, Imbuhan Tetap Perumahan : **RM250**, Imbuhan Tetap Khidmat Awam : **RM300** dan Bantuan Sara Hidup di antara **RM300 - RM1000** (tertakluk kepada kawasan tempat bertugas).

Antara usaha yang dilakukan oleh KPM bagi meningkatkan taraf kualiti guru di Malaysia, ialah :

- i. Mewujudkan instrumen pengukuran kualiti pendidikan iaitu "Standard Kualiti Pendidikan Malaysia" (SKPM).
- ii. Menggubal Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai dokumen yang menggariskan standard kompetensi profesional keguruan yang perlu dicapai oleh guru.

- iii. Melaksanakan latihan kepada guru bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme keguruan.
- iv. Merangka program latihan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) .

Usaha ini adalah selaras dengan hasrat KPM bagi memastikan semua guru dibawah KPM memiliki kemahiran yang tinggi dan berkualiti.

Rjm 42

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Kementerian tersebut sering mewajibkan warga guru menghadiri kursus politik BN yang tidak berkenaan dengan skop perkerjaan. Sebagai contoh, guru diwajib hadir Perjumpaan Khas YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia Bersama Warga Pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di SJK(C) Foon Yew 1, Johor Bahru pada 16 April 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya memanggil guru-guru KPM untuk berkumpul bagi tujuan profesional iaitu untuk menerangkan dasar terkini KPM dan pegangan kerajaan berkaitan dengan kedudukan sekolah-sekolah kerajaan, termasuklah sekolah kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah-sekolah Mission termasuklah perjumpaan khas dengan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan juga bukanlah bertujuan politik. Sebaliknya sesi perjumpaan tersebut adalah untuk menjelaskan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 11 September 2012 yang lalu.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pertemuan ini penting bagi menjelaskan peranan guru-guru sebagai pelaksana bagi merealisasikan PPPM tersebut. Penerangan ini diberi kepada semua peringkat kepimpinan pendidikan dan semua lapisan peringkat pelaksana PPPM termasuk guru-guru. Pihak KPM berpandangan penerangan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan adalah wajar dan seterusnya membuktikan bahawa komitmen peringkat kepimpinan negara untuk merealisasikan PPPM dan matlamat untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara melalui PPPM.

Soalan No : 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]
TARIKH : 3.7.2013
SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Rezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi penambahbaikan kualiti kursus yang ditawarkan di politeknik di seluruh negara pada ketika ini. Apakah ianya menepati kehendak pasaran semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi penambahbaikan kualiti kursus yang ditawarkan di politeknik diterajui oleh Hala Tuju Transformasi Politeknik yang dilancarkan pada tahun 2010. Transformasi ini mempunyai empat (4) teras iaitu:

- i. Memperkasakan Politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding dengan universiti awam yang lain.
- ii. Membangunkan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujuan (*niche areas*) yang bertunjangkan kekuatan setiap politeknik sedia ada.
- iii. Memperkasakan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi.
- iv. Membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang.

Empat (4) teras Transformasi Politeknik ini bertujuan memperkasakan politeknik secara menyeluruh yang merangkumi aspek institusi, program pengajian, warga dan imej.

Sehingga kini, 32 politeknik di seluruh negara menjalankan 72 program pengajian peringkat diploma dan diploma lanjutan dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan industri dan pasaran pekerjaan. Semua program ini terangkum di bawah laluan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional yang diiktiraf dalam

Kerangka Kelayakan Malaysia. Sehingga ini, semua program di politeknik telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*MQA*).

Bagi memastikan program pengajian politeknik menepati kehendak pasaran semasa, proses reka bentuk semua kurikulum program pengajian dilaksanakan bersama dengan beberapa pihak dalam industri berkaitan. Sebelum sesuatu program dilaksanakan, kurikulum program tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan Politeknik yang mana beberapa keahlian Lembaga tersebut terdiri daripada pihak luar termasuk wakil institusi swasta dan industri. Di samping itu, semua pelajar politeknik diwajibkan untuk menjalani latihan di tempat kerja sebenar selama satu semester.

Dalam masa yang sama, pihak politeknik dari semasa ke semasa akan menganjurkan dialog atau menyertai dialog dengan pihak industri berkaitan bagi mendapat input untuk tujuan penambahbaikan berterusan atau *continuous quality improvement* selaras dengan keperluan jaminan kualiti berdasarkan garis panduan Agensi Kelayakan Malaysia. Dengan cara ini, Kementerian memastikan program pengajian yang dijalankan oleh Politeknik adalah responsif kepada keperluan industri dan pasaran pekerjaan.

Soalan No : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada benar atau tidak 1500 tempat untuk program matrikulasi telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar India pada tahun 2012. Berapakah jumlah tempat matrikulasi yang telah dan akan diberikan kepada pelajar-pelajar India pada tahun 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan proaktif bagi memastikan tambahan jumlah pelajar kaum India seramai 1,000 orang (keseluruhan 1,500 orang) di program matrikulasi pada tahun 2012 seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 27 Februari 2012.

Seramai 2,096 orang pelajar India telah ditawarkan semasa ambilan pertama pada 25 April 2012 (pendaftaran pada 28 Mei 2012), ambilan kedua pada 7 Jun 2012 (pendaftaran pada 13 Jun 2012) dan ambilan khas pada 11 Julai 2012 (pendaftaran pada 18 hingga 21 Julai 2012). Namun demikian, hanya 1,170 orang (55.82 peratus) pelajar India yang mendaftar di kolej-kolej Matrikulasi pada tahun 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak 1,500 tempat kepada pelajar India masih dikekalkan pada tahun 2013. Untuk makluman, seramai 6,185 pelajar India telah memohon dan daripada jumlah tersebut seramai 1,500 telah ditawarkan ke Program Matrikulasi KPM untuk ambilan pertama sesi 2013/2014 bagi pendaftaran pada 27 Mei 2013. Manakala 350 pelajar India lagi ditawarkan untuk ambilan ke-2 bagi pendaftaran pada 12 Jun 2013.

Rjm 45

Soalan No : 68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik enrolmen kanak-kanak pra sekolah di kawasan pedalaman dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan pendidikan prasekolah diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Sehingga **Jun 2013** jumlah enrolmen kanak-kanak prasekolah di pedalaman dan luar bandar di bawah KPM adalah seramai 12,9205.

Selain daripada KPM, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menawarkan pendidikan prasekolah. Sehingga **Jun 2013**, terdapat seramai **119,126** orang kanak-kanak Tabika KEMAS di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Rjm 46

Soalan No : 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah konkret Kementerian untuk menambah kapasiti bilangan pengambilan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam di negeri Sabah bagi menampung bilangan yang semakin ramai khususnya UiTM Sabah; dan
- (b) apakah status pembinaan Sekolah Menengah Telipok yang telah dibatalkan pembinaan sejak 2008 dan juga status cadangan pembinaan Sekolah Menengah Alam Mesra.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesuatu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik mahupun Kolej Komuniti perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan.

Pada masa ini, Kementerian tiada cadangan untuk menubuhkan IPTA di negeri Sabah. Di Sabah telah terdapat satu kampus induk dan tiga (3) kampus cawangan IPTA iaitu:

- i. Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Induk, Kota Kinabalu.
- ii. UMS Sekolah Pertanian Lestari, Sandakan.
- iii. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Cawangan Kota Kinabalu.
- iv. UiTM Kampus Cawangan Tawau.

Di samping itu, terdapat dua (2) buah politeknik, tiga (3) buah kolej komuniti di negeri Sabah iaitu:

- i. Politeknik Kota Kinabalu.
- ii. Politeknik Sandakan.
- iii. Kolej Komuniti Tawau.
- iv. Kolej Komuniti Lahad Datu.
- v. Kolej Komuniti Cawangan Semporna.

Kementerian berpandangan IPT sedia ada mampu memberi peluang pendidikan dan latihan kepada para lepasan sekolah menengah di Sabah. Malah, UiTM masih beroperasi di bawah kapasiti utama UiTM Kampus Kota Kinabalu dan UiTM Kampus Tawau mempunyai keupayaan kapasiti menampung bilangan pelajar seramai 7,640 orang dan 500 orang, namun enrolmen semasa pelajar pada tahun 2012 adalah hanya seramai 4,819 orang dan 62 orang sahaja.

- (b) Bagi Pembinaan SMK Pekan Telipok masih lagi tertangguh pelaksanaan berikutan masalah tanah berasid dan percanggahan reka bentuk. Sehubungan dengan itu, mesyuarat Projek Sakit di KPM bersetuju supaya projek ini tidak diteruskan; Namun demikian Pegawai Undang-Undang, KPM berpandangan pembentangan secara berasingan daripada projek sakit perlu diadakan bersama Ketua Setiausaha KPM bagi mendapatkan gambaran sebenar projek ini dengan lebih terperinci sama ada perlu diteruskan atau tidak.

Bagi status cadangan pembinaan SMK Alam Mesra pernah dipohon pada 25 Februari 2010 namun tidak diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Kementerian akan memohon semula projek berkenaan dalam *Rolling Plan* ke-4 bagi pelaksanaan projek 2015.

Soalan No : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah memastikan siswa perguruan di Institut Pendidikan Guru dan institusi pengajian tinggi tidak menganggur apabila Kerajaan tidak lagi menjamin mereka dilantik menjadi guru. Apakah langkah untuk menyesuaikan jumlah pengambilan baru dengan keperluan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil berat dan sentiasa mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan jumlah pengambilan baru dengan keperluan semasa guru adalah seimbang. Walau bagaimanapun, perubahan dalam pertambahan perjawatan dan persaraan telah menjelaskan keseimbangan keperluan dan penawaran guru.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan penajaran ambilan latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan IPTA bagi menyesuaikan penawaran dengan keperluan guru. Langkah ini bertujuan mengekang lebihan graduan pendidikan daripada berlarutan.

KPM juga sedang menjalankan Kajian Unjuran Keperluan dan Bekalan serta Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana melalui pihak perunding yang dilantik iaitu Unit Perundingan Universiti Malaya. Kajian ini telah dijalankan mulai Februari 2013 dan mengambil tempoh masa selama 12 bulan. Salah satu objektif kajian ialah mencadangkan pendekatan yang terbaik bagi pelaksanaan pengambilan guru daripada pasaran terbuka kepada graduan pendidikan. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi Kementerian untuk memutuskan kaedah yang terbaik dalam menangani isu siswa perguruan.

Soalan No : 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana hasil ujian 61,000 guru bahasa Inggeris yang telah menduduki *Cambridge Placement Test* melalui inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 seperti yang diumumkan pada 10 April 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab bersekali dengan Pertanyaan **Yang Berhormat** pada **27.6.2013**. Kementerian Pendidikan tiada maklumat tambahan.

Rjm 49

Soalan No : 78

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengapa Kementerian perlu melaksanakan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah ; dan
- (b) apakah keberkesanannya dan pencapaian yang bakal diperolehi oleh para guru dan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperkenalkan di sekolah-sekolah kerajaan merupakan satu transformasi sistem pentaksiran kebangsaan daripada berfokuskan peperiksaan berpusat kepada sistem pentaksiran pendidikan yang lebih holistik, rujukan standard, lebih fleksibel, dan seimbang dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - i. Mengiktiraf pentaksiran berdasarkan sekolah.
 - ii. Mengurangkan tekanan terhadap peperiksaan berpusat.
 - iii. Mewujudkan sistem pentaksiran yang membolehkan guru mentaksir semasa mengajar dan murid ditaksir semasa belajar.
 - iv. Mewujudkan satu pangkalan data perkembangan murid.
- (b) PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS mentaksir proses dan produk secara formatif dan sumatif iaitu mengamalkan konsep *assessment for learning* dan *assessment of learning*.

Sekiranya guru memahami dengan jelas, PBS boleh diurus dan dilaksanakan dengan baik. Pentaksiran sekolah dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran formatif dan sumatif. Melalui pentaksiran formatif guru boleh menilai pencapaian kemahiran murid semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku. Manakala pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. Ini bererti ujian bulanan atau ujian penggal boleh dibuat di sekolah mengikut kesesuaian. Kerja rumah atau latihan yang diberi juga merupakan sebahagian daripada pentaksiran yang masih dijalankan di sekolah.

PBS dilaksanakan oleh guru-guru yang terlatih di sekolah secara terancang mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan. Dokumen Standard Prestasi (DSP) adalah rujukan utama guru untuk mentaksir dan melapor penguasaan murid mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang diharatkannya dalam dokumen kurikulum. Untuk mentaksir guru tidak semestinya menyediakan lembaran kerja bagi setiap kemahiran yang hendak dinilai. *Evidens* atau bukti penguasaan murid boleh diperolehi melalui pemerhatian, jawapan lisan, latihan lisan, latihan dalam buku atau buku kerja dan juga kerja rumah.

DSP juga merupakan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari. Justeru, ia tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melapor prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid.

Soalan No : 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pelajar di Sekolah Menengah Persendirian Cina Foon Yew di Pasir Gudang yang baru akan diwajibkan untuk menduduki SPM dan sama ada permohonan untuk membuka balik Sekolah Menengah Persendirian Cina di Segamat akan diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kewujudan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) adalah berdasarkan latar belakang sejarah ketika Akta Pelajaran 1961 [Akta 550] berkuat kuasa. Sebahagian sekolah-sekolah SMPC tersebut telah memilih untuk menjalankan kurikulum kebangsaan dan dikategorikan sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan atau sekolah *conforming* manakala, selebihnya memilih untuk kekal sebagai SMPC.

Namun begitu, kewujudan SMPC sedia ada telah diberi *status quo* mengikut peruntukan seksyen 151, Akta Pendidikan 1996. Kenyataan ini adalah selari dengan ucapan Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Razak (yang ketika itu merupakan Menteri Pelajaran) semasa membentangkan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 pada 18 Disember 1995.

Akta Pendidikan 1996 yang sedang berkuat kuasa tidak memperuntukkan sebarang penubuhan baharu atau cawangan SMPC, sebaliknya sekolah peringkat menengah yang boleh ditubuhkan hanyalah **Sekolah Menengah Kebangsaan** (SMK) sahaja yang boleh menampung keperluan pendidikan semua kaum.

Walau bagaimanapun, sekolah baharu swasta yang mematuhi Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya boleh ditubuhkan. Sekolah swasta tersebut hendaklah mengajarkan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan sebagai mematuhi subseksyen 18(1) dan mematuhi

apa-apa peruntukan lain yang disediakan oleh Akta Pendidikan 1996 yang berkaitan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan jika calon dari mana-mana sekolah untuk mendaftar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). KPM juga tidak bercadang untuk mewajibkan murid di SMPC menduduki SPM. Ini bermakna murid di SMPC boleh mendaftar sebagai calon persendirian bagi menduduki SPM.

Rjm 51

Soalan No : 87

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 3.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kerajaan sedar tentang kelewatan pembinaan SMK Pekan Nabalu di PPD Tuaran. Jika sedar apakah langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kelewatan bagi pembinaan SMK Nabalu adalah disebabkan oleh keadaan komposisi dan struktur tanah yang tidak stabil. Sehubungan itu, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah telah meminta agar kerja-kerja di tapak pembinaan dihentikan pada bulan September 2012 sehingga semua isu berkaitan penstabilan cerun diselesaikan dan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) diluluskan.

Berikutan isu tersebut, pada 3 April 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengarahkan pihak perunding bagi projek ini membuat *Soil Investigation* (SI) bagi menentukan *slope protection* yang bersesuaian sebagai langkah kawalan perlindungan cerun dengan menggunakan kaedah kejuruteraan seperti *soil nailing* dan *retaining wall*.

Pihak kontraktor hanya dibenar untuk memasuki tapak projek bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan setelah isu ini selesai.

Soalan No : 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 4.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah tarikh mula pembinaan dan tarikh jangkaan siap sepenuhnya membina bangunan Sekolah Kebangsaan Seri Perak Bandar Baru Sentul.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Seri Perak Bandar Baru Sentul telahpun dimulakan pada 26 April 2012 dan projek ini dijangka siap pada tahun 2013 ini.

Rjm 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]

TARIKH : 4.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan Hospital Perubatan UiTM di UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor serta perancangan UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan pembangunan UiTM Puncak Alam akan dilaksanakan secara berperingkat merangkumi tiga (3) fasa iaitu Satelit A, Satelit B dan Satelit C. Bagi pembinaan Hospital Pengajar UiTM di Puncak Alam, ia akan dilaksanakan di tapak Satelit A. Projek Kolej Kediaman Pelajar dengan kapasiti 5,000 orang di tapak Satelit A merupakan salah satu perancangan pembangunan Hospital Pengajar UiTM di Puncak Alam. Projek ini telahpun siap pada 15 Januari 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan bagi Hospital Pengajar UiTM kini dalam proses semakan Senarai Kuantiti (*Bill of Quantity*) di peringkat Agensi Kerajaan sebelum rundingan harga dapat dibuat.

Sementara pembangunan projek untuk Satelit B merangkumi pembinaan Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan yang telahpun siap pada 21 Julai 2009. Tiga (3) lagi fakulti yang dalam pembinaan adalah Fakulti Pergurusan Perniagaan, Fakulti Perakaunan serta Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan yang telah mula dibina pada 4 November 2011 dan dijangka siap pada 3 November 2014.

Projek Satelit C pula yang meliputi pembinaan Kompleks Alam Bina dan Seni Reka serta Kolej Kediaman Pelajar yang dijangka siap pada 18 Oktober 2015 dan 11 Februari 2016. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua projek ini telah pun bermula pada 19 Oktober 2012 dan 12 Februari 2013.

Selaras dengan pendekatan Kerajaan berlandaskan model baharu ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan akan mempergiatkan usaha-usaha untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan. Oleh yang demikian, bagi pembinaan UiTM Puncak Alam untuk Satelit B dan C, Kementerian akan menggunakan kaedah Kerjasama Awam Swasta.

Rjm 62

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 4.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa daya inovasi dan kreativiti merupakan kriteria penting untuk menjana modal insan yang berkualiti. Apakah usaha yang dibuat bagi memastikan peningkatan daya inovasi dan kreativiti khususnya pelajar-pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah bagi memantapkan lagi hala tuju kurikulum persekolahan rendah dan menengah supaya relevan dengan tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Transformasi kurikulum yang bermatlamatkan pembentukan diri murid untuk menjadi modal insan seimbang dan berkualiti yang antaranya berpengetahuan, berkemahiran tinggi, dan berkeperibadian mulia bagi mengisi keperluan negara. Menerusi kurikulum transformasi, elemen kreativiti dan inovasi diajar secara eksplisit kepada murid dan guru diberi latihan khusus kaedah mengajar murid berkreatif berbantukan modul pengajaran.

Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dimasukkan dalam kurikulum transformasi bagi semua peringkat persekolahan

Selain itu, KPM juga menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dapat membangunkan pemikiran kreatif murid seperti konstruktivisme,

pembelajaran berdasarkan projek/masalah, dan inkuriri penemuan untuk diaplikasikan dalam PdP. Sehubungan itu latihan guru telah dilaksanakan dan sekolah dibekalkan dengan bahan rujukan yang relevan bagi membantu mereka melaksanakan PdP secara berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru digalakkan mempelbagaikan pendekatan pengajaran di dalam bilik darjah dengan penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran. Guru dan murid menggunakan teknik soalan aras tinggi di mana membuat murid berasa ingin tahu dan mencari penjelasan untuk menjawab soalan. Pengajaran dan pembelajaran akan menjadi seronok dan murid akan bertanggungjawab di atas pembelajaran mereka. Bagi meningkatkan kualiti guru dan murid daripada segi pengajaran dan pembelajaran, KPM akan memberi fokus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Rjm 63

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek Hub Pendidikan di Pagoh yang telah dilancarkan pada 2012 iaitu konsepnya, siapa kontraktor yang dilantik dan berapakah kos pembinaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hub Pendidikan di Pagoh akan menjadi pusat pembangunan bercampur merangkumi kediaman, komersial dan pembangunan institusi yang akan mendatangkan manfaat dari segi ekonomi dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peringkat permulaan pembinaan Hub Pendidikan Pagoh untuk pendidikan dijangka akan mengambil masa selama tiga (3) tahun yang melibatkan Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pusat Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia, Politeknik Pagoh, kolej matrikulasi, sekolah menengah dan sekolah rendah.

Hub Pendidikan Pagoh ini dilaksanakan oleh Sime Darby Property Berhad (SDPB) melalui *Special Purpose Vehicle* (SPV) iaitu Sime Darby Property Selatan Sdn. Bhd. Projek ini akan dilaksanakan melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan kos projek masih belum dimuktamadkan.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil program 1 pelajar 1 laptop dan perbezaannya dengan program Chromebook yang baru diumumkan, serta berapakah kos program Chromebook, bilakah pelaksanaannya, jumlah pelajar yang terlibat dan siapakah pembekalnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum memulakan Program 1 pelajar 1 device dan mengikut perancangan KPM, program ini akan dilaksanakan pada tahun 2014. Manakala Chromebook merupakan peralatan komputer seumpama notebook tetapi menggunakan teknologi awan (*cloud computing*) untuk beroperasi iaitu dengan menggunakan Google **Chrome OS**.

Untuk makluman, semua data pengguna disimpan di *cloud* dan Chromebook hanya merupakan device untuk mengakses akaun pengguna. Pengguna boleh menggunakan mana-mana Chromebook kerana maklumat dan data pengguna tidak disimpan dalam Chromebook tetapi di ruang penyimpanan di *cloud*. Kos bagi setiap unit Chromebook adalah RM1,200 dengan tiga (3) tahun tempoh jaminan, *charging cart*, latihan guru dan akses percuma ke VLE. Jumlah makmal yang terlibat adalah sebanyak 2,839 makmal dengan jumlah Chromebook adalah sebanyak 116,399 unit melalui pembekal YTLC Sdn Bhd. Projek Chromebook ini sedang dilaksanakan oleh KPM bermula Jun 2013.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan sekolah perantaraan Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu cara untuk meningkatkan taraf Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan. Namun, bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid membolehkan maklumat melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan murid dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kebaikan dan kelemahan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah serta kesannya terhadap beban kerja para guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperkenalkan di sekolah-sekolah kerajaan merupakan satu transformasi sistem pentaksiran kebangsaan daripada berfokuskan peperiksaan berpusat kepada sistem pentaksiran pendidikan yang lebih holistik, rujukan standard, lebih fleksibel, dan seimbang dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Mengiktiraf pentaksiran berasaskan sekolah.
- ii. Mengurangkan tekanan terhadap peperiksaan berpusat.
- iii. Mewujudkan sistem pentaksiran yang membolehkan guru mentaksir semasa mengajar dan murid ditaksir semasa belajar.
- iv. Mewujudkan satu pangkalan data perkembangan murid.

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS mentaksir proses dan produk secara formatif dan sumatif iaitu mengamalkan konsep *assessment for learning* dan *assessment of learning*. Komponen PBS terdiri daripada dua (2) kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Pentaksiran sekolah dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran formatif dan sumatif. Melalui pentaksiran formatif guru boleh menilai pencapaian kemahiran murid semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku. Manakala pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. Ini bererti ujian bulanan atau ujian penggal boleh dibuat di sekolah mengikut kesesuaian. Kerja rumah atau latihan yang diberi juga merupakan sebahagian daripada pentaksiran yang masih dijalankan di sekolah.

Rjm 67

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap kewajipan ajaran mata pelajaran Tamadun Islam untuk kesemua universiti swasta dan adakahnya wajib ditawarkan sekiranya universiti tersebut hendak mendapatkan pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah terdiri daripada kursus Pengajian Malaysia, Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam/Moral. Kursus ini wajib dijalankan berdasarkan Seksyen 43, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Pelaksanaan MPW adalah merupakan salah satu syarat dan keperluan bergraduat bagi setiap pelajar IPTS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penawaran MPW akan digantikan dengan penawaran Mata Pelajaran Umum (MPU) berkuat kuasa pada 1 September 2013 ke atas pengambilan kohort baru di semua IPTS. Penawaran MPU dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajaran kursus wajib di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa. Kursus MPU ini adalah diwajibkan kepada pelajar IPTS dan menjadi syarat pelajar perlu lulus sebelum bergraduat. Struktur baharu kursus MPU terbahagi kepada empat (4) kumpulan iaitu U1, U2, U3, dan U4 dan konsep bagi setiap kumpulan ini adalah seperti berikut:

- U1. Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah.
- U2. Penguasaan kemahiran insaniah.
- U3. Perluasan ilmu pengetahuan di Malaysia.
- U4. Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat, ko-kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan MPU U1 akan dijadikan kursus yang wajib ditawarkan dan diambil oleh setiap pelajar IPTS. Kursus U1 di IPTS adalah:

- i. Bahasa Melayu Komunikasi (Untuk Pelajar Antarabangsa)
- ii. Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) (Untuk Pelajar Tempatan)
- iii. Pengajian Malaysia (Untuk Pelajar Tempatan dan Antarabangsa)
- iv. Hubungan Etnik (Untuk Pelajar Tempatan)

Bagi institusi yang ingin melaksanakan kursus dari kumpulan U2, U3 dan U4 perlulah merujuk terlebih dahulu kursus-kursus yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun jika institusi mempunyai kursus yang berkaitan dengan skop kumpulan ini, institusi boleh menjalankan kursus tersebut mengikut acuan institusi masing-masing di mana ia akan menjadi SOP kepada institusi tersebut. Kursus-kursus yang dicadangkan oleh KPM adalah seperti berikut:

U2 (2-3 kredit)	U3 (2-3 kredit)	U4 (2 kredit)
Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat
Kemahiran Rekacipta dan Inovasi	Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia	Ko-kurikulum
Kemahiran Menulis	Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS
Kemahiran Pengurusan Emosi	Sosiologi kerja dan Industri Malaysia	
Kemahiran Membuat Keputusan	Perlembagaan dan Masyarakat Malaysia	
Kemahiran Berfikir	Perbandingan Agama	
Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan	

U2 (2-3 kredit)	U3 (2-3 kredit)	U4 (2 kredit)
Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS	Perbankan dan Kewangan Malaysia	
	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS	

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran **TITAS akan diwajibkan penawaran di IPTS bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda mulai 1 September 2013.** Bagi IPTS yang ingin mengendalikan sebarang program, IPTS tersebut perlu mendapatkan akreditasi program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Oleh itu, mata pelajaran TITAS merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam MPU dan juga menjadi antara syarat pelajar perlu lulus sebelum bergraduat.

Soalan No : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membawa balik semula sekolah-sekolah bermedium Inggeris di peringkat sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah, di mana Bahasa Malaysia dijadikan sebagai subjek teras dan sekiranya tidak, sila beri alasan-alasan untuk menjelaskan mengapa ini tidak boleh dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan. Namun, bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuat Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar Memperkuat Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid membolehkan maklumat melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan murid dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

Soalan No : 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pengiktirafan penuh kepada Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang diperakui oleh universiti terbaik di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan Sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuka ruang dan peluang kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki UEC dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pada masa ini, KPM masih belum menerima UEC yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak menggunakan pakai dasar dan kurikulum sistem Pendidikan Kebangsaan.

Soalan No : 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI AHMAD [SIPITANG]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Sapawi Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak pinjaman telah dibayar balik kepada PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dibuat oleh Jemaah Menteri pada 18 September 1996 dan PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997. Antara asas penubuhan PTPTN adalah untuk menyokong dasar Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) yang menumpukan kepada penyediaan sumber manusia yang mantap dan mencukupi bagi menampung pertumbuhan ekonomi, khususnya menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Matlamat Kerajaan adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk berumur 17-23 tahun memasuki pendidikan tertiar pada tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini, penambahan tempat pengajian dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Bagi mengatasi masalah peruntukan untuk biasiswa yang terhad, PTPTN telah diwujudkan dan telah memberikan sumbangan yang besar ke arah peningkatan jumlah pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

Secara keseluruhan sehingga 31 Mei 2013, seramai 1,284,299 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM8.75 bilion. Jumlah ini tidak termasuk seramai 15,372 peminjam yang diluluskan penangguhan bayaran balik disebabkan menyambung pelajaran atau masih belum bekerja yang melibatkan amaun sebanyak RM129.89 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 866,205 peminjam atau 67.4 peratus telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.11 bilion atau 47.0 peratus. Manakala, sebanyak RM4.64 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 418,094 peminjam yang tidak

pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar.

Rjm 71

Soalan No : 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ciri-ciri penting Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013, 2025 dan apakah kesannya terhadap sistem pendidikan Malaysia secara jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab bersekali dengan Pertanyaan **Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu** pada **27.6.2013**. Kementerian Pendidikan tiada maklumat tambahan.

Rjm 72

Soalan No : 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan peminjam PTPTN yang diberi diskaun 20% dan pendapatan yang dijana apabila melangsaikan pinjaman mereka sekaligus dan sama ada dasar sedemikian tidak adil terhadap peminjam-peminjam yang telah menjelaskan pinjaman mereka mengikut jadual pembayaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, seramai 37,300 orang peminjam telah membuat penyelesaian penuh bagi tempoh 1 Oktober 2012 hingga 31 Mei 2013, dengan amaun kutipan sebanyak RM158 juta, selepas ditolak diskaun 20 peratus sebanyak RM39.5 juta. Jumlah ini adalah termasuk penyelesaian penuh yang dibuat oleh seramai 2,244 peminjam yang telah disenarai hitam oleh PTPTN dengan amaun sebanyak RM13.11 juta, selepas ditolak diskaun 20 peratus sebanyak RM3.28 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai pertanyaan sama ada dasar sedemikian tidak adil terhadap peminjam-peminjam yang telah menjelaskan pinjaman mereka mengikut jadual pembayaran, sukacita dimaklumkan bahawa pemberian diskaun ke atas pembayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN, sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2013 telah mengambil kira kepentingan kedua-dua kumpulan peminjam, sama ada yang membuat penyelesaian penuh, atau yang membuat bayaran mengikut jadual.

Bagi peminjam PTPTN yang membuat penyelesaian penuh secara sekaligus bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun sebanyak 20 peratus akan diberikan ke atas baki pinjaman, manakala bagi peminjam PTPTN yang membuat bayaran mengikut jadual secara konsisten mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus akan diberikan.

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menubuhkan satu Majlis Guru bertaraf profesional, berdaftar dan bertauliah untuk menjaga dan mengawal pendidik sebagai usaha transformasi dunia pendidikan yang lebih efisien di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Pegawai Pendidikan merupakan satu profesion yang bertauliah di mana perlantikan ke skim ini dibuat melalui satu prosedur yang ketat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sentiasa memastikan pendidik yang telah dilantik diberi latihan dalam perkhidmatan secara berterusan sesuai dengan perkembangan semasa.

Walau bagaimanapun, KPM bersedia untuk meneliti dan mengkaji keperluan penubuhan Majlis Guru seperti yang dicadangkan.

Soalan No : 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan bebanan kerja guru akibat pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) tidak membebankan guru jika guru memahami konsep PBS. Guru didapati kurang faham tentang cara untuk melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran (pentaksiran formatif). Guru meghadapi kesukaran membina instrumen pentaksiran yang pelbagai bentuk kerana masih terikat dengan fahaman dan kebiasaan untuk menilai pencapaian murid menggunakan ujian berbentuk kertas dan pensel (*paper and pencil test*).

Pengurusan evidens murid dalam PS yang dikatakan memakan masa yang banyak dan ruang yang besar. Proses ini amat perlu untuk memastikan penguasaan murid dalam pembelajaran direkod untuk melihat pertumbuhan (*growth*) dan perkembangan murid sepanjang tempoh persekolahan. Bagi tujuan tersebut diperkenalkan iaitu Fail Perkembangan Murid (FPM) dan Fail Showcase (FS). Seorang murid hanya memerlukan sebuah FPM sahaja yang menyimpan evidens bagi semua mata pelajaran yang dipelajari. FS adalah fail yang menyimpan evidens terbaik bagi semua deskriptor bagi setiap mata pelajaran. FS digunakan sebagai rujukan piawai evidens dan disediakan mengikut tahun/tingkatan bergantung kepada keputusan Jawatankuasa PBS sekolah.

Kesukaran guru mengakses Sistem Pengurusan PBS (SPPBS) telah dikenal pasti sebagai antara faktor penyumbang kepada masalah yang dihadapi guru. Langkah interim yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mengatasi masalah tersebut ialah menyediakan *hosting* khas yang berasingan bagi SPPBS serta telah menambah 20 buah bilangan server bagi mengurangkan kesesakan pengguna yang ramai. Pengurangan bilangan evidens bagi beberapa mata pelajaran tertentu dan penambahbaikan terhadap paparan, kapasiti dan kepenggunaan yang lebih mesra pengguna.

Sepanjang tahun 2012, KPM telah mengadakan program penataran untuk memaklumkan secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaan PBS. KPM juga telah mengambil langkah melaksanakan Latihan *Hands On* untuk pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pentadbir dan guru-guru di sekolah contoh yang dikenal pasti boleh menjadi contoh berkaitan pelaksanaan PBS di daerah masing-masing. Latihan ini bertujuan agar semua guru faham dan sefaham berkaitan dengan pelaksanaan PBS. Program *out-reach* PBS dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga telah diadakan di semua negeri dan daerah untuk memberi kefahaman PBS kepada ibu bapa.

KPM juga menyediakan bahan sokongan dan khidmat pementoran PBS atas talian untuk membantu guru memahami dan boleh melaksanakan PBS seperti yang diharatkhan.

Bagi tahun 2013, penataran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan PBS Tahun 4 kepada kepada Jurulatih Utama Kebangsaan dan Jurulatih Utama telah dilaksanakan pada awal bulan Mei. Program *Out-Reach* PBS-IPG dilaksanakan di semenanjung mengikut zon telah diadakan bulan Mei dan bagi Sabah dan Sarawak akan diadakan hujung bulan Julai 2013.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha bagi terus membangunkan dan meningkatkan kualiti keseluruhan sektor pengajian tinggi dalam negara ini, memandangkan Malaysia hanya mampu menduduki tangga ke 27 di dunia daripada 50 negara yang dinilai oleh Universitas 21(U21) dengan skor keseluruhan 52.4 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penarafan U21 *Ranking of National Higher Education Systems* yang diumumkan baru-baru ini menyaksikan buat julung kalinya ekosistem pengajian tinggi negara dinilai secara keseluruhan. Ini berbeza dengan sistem *ranking* sebelum ini yang hanya memberi fokus dan menilai pencapaian sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau universiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengajian tinggi negara berjaya menduduki tangga ke-27 terbaik dunia daripada 50 negara dengan skor keseluruhan sebanyak 52.4 peratus dalam penarafan yang dikeluarkan U21 *Ranking of National Higher Education Systems* 2013, iaitu kenaikan sebanyak 9 anak tangga. Penarafan ini juga bermaksud hanya 50 negara daripada sejumlah di dalam dunia yang dapat dinilai oleh pihak penilai kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan. U21 menilai sistem pengajian tinggi setiap negara melalui empat (4) elemen pengukuran iaitu:

- i. Sumber (*resources*)
- ii. Persekutaran (*environment*)
- iii. Jaringan dan Hubungan Antarabangsa (*connectivity*)
- iv. Keberhasilan (*output*)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **amat komited** dalam memastikan kedudukan Malaysia di dalam U21 dipertingkatkan bagi tahun 2014. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan menubuhkan satu sekretariat khas untuk menjalankan hubungan dan kerjasama dengan Pasukan Penyelidik U21 serta lain-lain Badan Antarabangsa seperti World Bank, Atlas Report, World Education Indicator (WEI), UNESCO Institute of Statistics, OECD Report on Education yang menyediakan data berkenaan pengajian tinggi negara. Tambahan pula, satu Pelan Tindakan Pemantauan *Ranking U21* bagi tahun 2014 hingga 2016 sedang disediakan dengan melibatkan beberapa sesi bengkel di peringkat KPM, IPT, politeknik dan kolej komuniti.

Rjm 76

Soalan No : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah beraliran bahasa Cina tidak mempunyai kelayakan bahasa Cina di peringkat SPM di Bahagian Sarikei. Apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah beraliran bahasa Cina tidak mempunyai kelayakan bahasa Cina di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Bahagian Sarikei adalah seramai 48 orang. Walau bagaimanapun, data menunjukkan bahawa di bahagian Sarikei terdapat lebihan guru yang mempunyai opsyen Pengajian Cina seramai 120 berbanding keperluan sebenar 29 orang sahaja.

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menempatkan guru opsyen Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (yang tidak mempunyai kepujian Bahasa Cina di peringkat SPM) ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) bagi mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) pada Tahap 2 (Tahun 4 hingga 6).

Bagi guru yang mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Tahap 1 (Tahun 1 hingga 3) tetapi tidak mempunyai kepujian Bahasa Cina di peringkat SPM, telah dan akan ditempatkan semula (*redeploy*) ke sekolah kebangsaan.

Soalan No : 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian perjanjian Frog Virtual Learning Environment (Frog VLE) di bawah 1BestariNet, berapakah kos yang terlibat, siapakah perunding yang dilantik dan apakah kos berkala yang terlibat termasuk kos penyelenggaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Virtual Learning Environment (VLE) ialah pelantar pembelajaran maya yang boleh digunakan oleh semua sekolah, guru, murid, ibu bapa/penjaga dan pihak-pihak berkenaan yang dibekalkan ID dan kata laluan, boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. VLE juga berupaya mengurus dan menyimpan objek pembelajaran dalam bentuk imej, video dan teks. Jumlah lesen yang dikeluarkan untuk mengakses ke VLE adalah sebanyak 10 ribu *instances* yang meliputi seramai 5.5 juta murid, 500 ribu orang guru dan 4.5 juta ibu bapa atau penjaga.

Kos lesen Aplikasi VLE sepanjang kontrak perkhidmatan ialah sebanyak RM250.5 juta manakala kos Pengurusan dan Penyelenggaraan Aplikasi VLE ialah sebanyak RM262,806,682.00. Lesen VLE berkuat kuasa sepanjang tempoh kontrak dan pihak kerajaan boleh menggunakan pelantar ini sepanjang tempoh sah lesen. Pihak pembekal berhak sepenuhnya terhadap hak cipta pelantar pembelajaran maya Frog VLE. Walau bagaimanapun, bahan-bahan pembelajaran atau kandungan yang dibina dan dimuat naik oleh pengguna adalah hak pengguna sendiri. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tidak melantik mana-mana perunding bagi pelaksanaan VLE kerana skop perkhidmatan ini disediakan oleh pembekal 1BestariNet.

Soalan No : 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 9.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan dasar membenarkan pembinaan sekolah rendah Cina dan Tamil serta Sekolah Menengah Persendirian Cina apabila terdapat keperluan daripada ibu bapa dan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar pendidikan kebangsaan bukan sahaja mengambil kira hala tuju pendidikan yang relevan dengan tuntutan semasa dan masa hadapan untuk semua kaum di negara ini. Bahkan, dasar pendidikan kebangsaan turut memainkan peranan dalam memastikan usaha membentuk satu bangsa Malaysia tercapai.

Sungguhpun begitu, Kerajaan tidak pernah menafikan kewujudan dan keperluan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di peringkat pendidikan rendah di negara ini. Walau bagaimanapun, Sekolah Kebangsaan (SK) perlu diutamakan dalam usaha menyediakan generasi yang harmoni dan bersatu padu sebagai satu bangsa Malaysia di masa hadapan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

TARIKH : 10.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah secara menyeluruh dan berkesan yang diambil bagi menangani gejala guru-guru menghasut pelajar membenci pemimpin serta Kerajaan agar kegiatan yang seumpama ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan akan melaksanakan siasatan dengan rapi sekiranya terdapat sebarang laporan berkaitan gejala guru-guru menghasut pelajar membenci pemimpin serta Kerajaan. Pelanggaran tata kelakuan seperti gejala guru-guru menghasut pelajar membenci pemimpin dan Kerajaan perlu dibendung di peringkat awal bagi memastikan pegawai awam sentiasa mengamalkan prinsip *neutrality* dan *impartiality* dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Antara langkah-langkah awal yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan sebelum memperakukan tindakan tatatertib adalah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan berhubung pematuhan peraturan sebagai penjawat awam.
- ii. Memantau tata kelakuan pegawai di bawah seliaannya.
- iii. Memanggil pegawai yang didapati terlibat dengan pelanggaran tata kelakuan/ memberi peringatan/ nasihat.
- iv. Mengeluarkan surat tunjuk sebab/ mendapatkan penjelasan pegawai secara bertulis/ mengadakan siasatan.

Sekiranya didapati wujud *prima facie* terhadap kesalahan pegawai, tindakan tatatertib hendaklah diambil ke atas pegawai berkenaan dan seterusnya Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan perakuan mengenainya kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Perbuatan pegawai sedemikian boleh diertikan sebagai berkelakuan dengan apa-apa cara sehingga memburukkan nama atau mencemar imej Perkhidmatan Awam dan tidak bertanggungjawab iaitu melanggar Peraturan 4(2)(d) dan 4(2)(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993.

Ketua Jabatan yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan terhadap pegawai bawahannya atau gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab. Kegagalan tersebut boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib di bawah peruntukan Peraturan 3C(2), Peraturan-Peraturan Yang Sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah melaksanakan program Seminar Integriti Warga Pendidik (SIWP) mulai tahun 2007 dan secara langsung warga guru telah diberi peringatan supaya mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dan memberi ketaatan kepada kerajaan semasa yang memerintah (*Government of the day*). Sejumlah 416 siri program SIWP telah dirancang pada tahun 2013 dan sehingga 31 Mei 2013, sejumlah 111 siri program SIWP telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan jumlah penyertaan seramai 27,750 orang guru. Pada tahun 2014, sejumlah 1,200 siri program SIWP telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]

TARIKH : 10.7.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah graduan lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang masih belum ditempatkan sehingga kini; dan
- (b) apakah mekanisme yang digunakan bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi graduan 2012 yang telah menamatkan pengajian dan lulus Temu Duga/ Penilaian Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), seramai 10,425 telah dilantik tetap sebagai PPPS DG41 dan diberi penempatan pada 16 Mac 2013 dan 1 Julai 2013.

Isu berkaitan pelantikan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan telah diperhalusi secara terperinci dengan mengambil kira keperluan guru dalam jangka panjang seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi langkah jangka pendek, Kerajaan memutuskan supaya graduan pendidikan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menamatkan pengajian pada tahun 2012 dilantik ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan tertakluk kepada mereka memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan PPPS, telah membuat permohonan kepada

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan berjaya dalam temu duga yang dikendalikan oleh SPP. Penempatan graduan 2013 pula akan dilakukan secara berperingkat berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan semasa.

KPM sedang menjalankan Kajian Norma Perjawatan, Unjuran, Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana mulai tahun 2013 bagi menghasilkan satu Model/Dasar Baru Perancangan dan Pengurusan Sumber Manusia Pendidikan yang Menyeluruh daripada Segi Reka Bentuk Norma Perjawatan Guru, Unjuran, Bekalan, Pengambilan, Penempatan, Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana untuk kegunaan KPM dalam meningkatkan pengurusan perkhidmatan guru dan bukan guru di sekolah-sekolah mulai tahun 2014.

Rjm 92

Soalan No : 77

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 10.7.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan geran penyelidikan yang diterima oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Lynas Malaysia Sdn Bhd sebagai geran untuk mengkaji sisa buangan radioaktif dari logi Lynas supaya sisa tersebut boleh di kitar semula untuk dijadikan produk komersial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) masih lagi beroperasi menggunakan *Temporary Operating License* (TOL) di mana syarikat tersebut perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan sebelum diberikan lesen operasi secara penuh. Projek Lynas akan hanya membelanjakan sebanyak satu (1) peratus daripada jumlah jualan kasar setahun untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan LAMP masih belum mempunyai produk untuk jualan, Universiti Malaysia Pahang masih belum menerima apa-apa peruntukan geran dari LAMP.

Rjm 93

Soalan No : 78

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 10.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab pemprosesan visa pelajar asing di Malaysia diberikan kepada Education Malaysian Global Services (EMGS), syarikat swasta yang dihadkan dengan jaminan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, dan mengapa kontrak insurans perubatan pelajar asing hanya diberikan kepada AXA Affin General Insurance.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Education Malaysia Global Services (EMGS) ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat Berhad mengikut Jaminan Guaranteed Limited Company di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). EMGS berfungsi sebagai satu pusat sehenti bagi pemprosesan kemasukan pelajar antarabangsa ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia, di samping membantu untuk mempergiatkan lagi penglibatan Malaysia di bidang pemasaran pendidikan di peringkat antarabangsa seperti mana yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Januari 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak Insurans perubatan pelajar asing telah di tender kepada 11 syarikat Insurans mengikut tatacara Kementerian Kewangan. Daripada jumlah tersebut, hanya tiga (3) buah syarikat insurans secara individu dan konsortium telah mengemukakan tawaran. Syarikat AXA Affin General telah berjaya sebagai syarikat yang dilantik mengikut tatacara tender tersebut dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHAMAD IMRAN ABD HAMID
[LUMUT]

TARIKH : 10.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Mohamad Imran Abd Hamid [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Berasrama Penuh (Maktab Rendah Sains Mara / Sekolah Menengah Sains) akan dibina di kawasan Parlimen Lumut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam proses menyediakan pembinaan sesebuah sekolah, beberapa syarat yang telah digariskan oleh Kerajaan perlu dipatuhi. Di samping itu, kemampuan kewangan negara juga diambil kira.

Setakat ini, KPM belum merancang untuk membina Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di kawasan Lumut. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan pembinaan Sekolah Berasrama Penuh baharu iaitu Sekolah Menengah Sains Manjung di Manjung, Perak yang telah disenaraikan dalam *rolling plan* ke-4 RMKe-10.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2012 sebanyak tujuh (7) SBP telah dibina di negeri Perak seperti berikut:

- i. Kolej Melayu Kuala Kangsar.
- ii. Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh.
- iii. Sekolah Menengah Sains Teluk Intan, Teluk Intan.
- iv. Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah, Taiping.

- v. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gopeng, Gopeng.
- vi. Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk, Bagan Datuk.
- vii. Sekolah Menengah Sains Tapah, Tapah.

Rjm 95

Soalan No : 9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 11.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan seterusnya Kementerian dalam membangunkan Pendidikan Agama di sekolah-sekolah di Malaysia ini terutamanya sekolah pondok dan sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Adakah Kementerian sedar berikut semakan keputusan ke IPTA terdapat banyak calon-calon dari Sekolah Menengah Agama tidak mendapat tempat walaupun mendapat keputusan 6A sedangkan dari sekolah-sekolah lain hanya mendapat 3A sudah ditawarkan ke matrikulasi. Apakah langkah susulan diambil oleh kementerian berkenaan perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan secara holistik di semua sekolah KPM termasuklah Pendidikan Agama di negara Malaysia ini. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM akan meneruskan program pendaftaran Sekolah Agama sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) termasuklah sekolah pondok dan maahad tahfiz. Dalam tempoh pelaksanaan PPPM itu juga, KPM bercadang akan menambah bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sebanyak 22 buah.

Daripada segi kurikulum pula, KPM akan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan (KK) di sekolah-sekolah SABK mulai tahun 2015. Pelaksanaan KBDKBT sebagai KK akan membolehkan SABK mendapat pelbagai bantuan seperti peruntukan waktu dalam jadual waktu, guru, buku teks, PCG dan sebagainya seperti yang dinikmati oleh kurikulum lain dalam Sistem Pendidikan

Kebangsaan. KPM juga akan melaksanakan pensijilan yang khusus kepada aliran agama. Program Tahfiz juga akan dilaksanakan di sekolah-sekolah tertentu ke arah mewujudkan Sekolah Tahfiz di bawah KPM.

Dakwaan yang menyatakan terdapat banyak calon dari Sekolah Menengah Agama tidak mendapat tempat walaupun mendapat keputusan 6A sedangkan calon dari sekolah-sekolah lain hanya mendapat 3A sudah ditawarkan ke Matrikulasi **adalah kurang tepat**. Berdasarkan data permohonan pelajar SMKA ke Matrikulasi KPM, sebanyak 65.80 peratus berjaya diterima masuk. Meskipun begitu, terdapat mereka yang tidak berjaya kerana permohonan mereka tidak menepati bidang yang ditawarkan di Matrikulasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Matrikulasi KPM menawarkan dua (2) jurusan dan satu (1) aliran iaitu Jurusan Sains, Jurusan Perakaunan dan AliranTeknikal. Untuk kemasukan ke program ini calon-calon hendaklah memenuhi syarat minimum yang ditetapkan. Calon daripada SMKA yang tidak berjaya telah tidak melepassi syarat minimum berkenaan walaupun mereka mendapat 6A dalam peperiksaan.

Rjm 96

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 11.7.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Universiti Kolej Teknologi Sarawak di Sibu ialah sebuah universiti atau kolej dan apakah status UCTS sama ada dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau swasta. Adakah kursus yang ditawarkan menepati piawaian kerajaan melalui pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kolej Universiti Teknologi Sarawak (KUTS) atau *University College of Technology Sarawak* (UCTS) ialah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf Kolej Universiti. Ia ditubuhkan pada 8 Ogos 2012 dan didaftarkan pada 1 April 2013 mengikut peruntukan Akta 555 dan peraturan-peraturan dibawahnya. KUTS dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sarawak. KUTS telah diluluskan untuk menawarkan program/kursus *Foundation in Arts* dan *Foundation in Science* pada 20 Mac 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua program/kursus pengajian telah mendapat perakuan kualiti daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 11.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) apakah rancangan Kerajaan untuk membaik pulih bangunan-bangunan sekolah yang berbahaya di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan dan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membaik pulih dan membina semula bangunan berbahaya SK Kem Batu 18, Bintulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Bagi tujuan membaik pulih bangunan-bangunan sekolah yang uzur, dhaif dan berbahaya di seluruh negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM900 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012 dan sejumlah yang sama bagi tahun 2013. Untuk makluman, peruntukan tersebut boleh digunakan sehingga tahun 2014.
- b) KPM telah mengambil maklum akan perkara ini berdasarkan kepada kajian oleh KPM seperti terkandung di dalam Laporan Audit Fizikal Tahun 2012. Penyelenggaraan ke atas SK Sg Kem Batu 18, Bintulu telahpun dimasukkan ke dalam projek Ubah Suai Naik Taraf bersekali dalam satu pakej dengan 4 buah sekolah lain, iaitu: SK Kuala Nyalau; SMK Bintulu; SK St. Anthony (M); dan SK Ulu Kakus.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHAMAD IMRAN ABD HAMID
[LUMUT]

TARIKH : 11.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Mohamad Imran Abd Hamid [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan dan pembinaan Universiti Awam di kawasan Parlimen Lumut khasnya dan di seluruh negeri Perak amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik dan Kolej Komuniti dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja. Pihak Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus kini adalah untuk memperkasakan IPTA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun pada masa ini, pihak Kementerian tiada perancangan untuk menambah penubuhan IPTA di seluruh negeri Perak termasuk di Lumut, namun IPTA sedia ada seperti tiga (3) buah di Perak iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Cawangan Seri Iskandar dan UiTM Kampus Cawangan Tapah sudah mencukupi bagi menampung keperluan pelajar setempat. Selain itu, terdapat dua (2) buah Politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang. Malah, terdapat dua belas (12) buah Kolej Komuniti (KK) di seluruh negeri Perak iaitu KK Chenderoh, KK Gerik, KK Sg. Siput, KK Pasir Salak, KK Teluk Intan, KK Batu Gajah, KK Taiping, KK Bagan Serai, KK RTC Gopeng, KK Cawangan Manjung, KK Cawangan Kuala Kangsar dan KK Cawangan Tapah.

Kementerian percaya bahawa institusi pengajian tinggi yang sedia ada mampu untuk menampung keperluan akses pengajian tinggi di kawasan Parlimen ini dan seluruh negeri Perak.

Soalan No : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kementerian bersetuju untuk memastikan pendidikan dan sukan adalah elemen penting dalam menjayakan aspirasi negara untuk melaksanakan penyatuan nasional bagi mengeratkan hubungan pelajar pelbagai kaum di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya Kementerian berpendapat bahawa pendidikan dan sukan adalah elemen penting dalam menjayakan aspirasi negara untuk melaksanakan penyatuan nasional bagi mengeratkan hubungan pelajar pelbagai kaum di negara ini.

Ini adalah kerana sukan menyediakan satu forum untuk mempelajari kemahiran hidup dan nilai-nilai murni seperti disiplin diri, keyakinan diri serta kepimpinan. Selain itu, penglibatan dalam sukan juga mampu memupuk prinsip utama dalam pembentukan negara bangsa iaitu semangat toleransi, kerjasama dan hormat-menghormati.

Pendidikan dan sukan merupakan satu bidang yang berfokuskan khusus kepada mendidik masyarakat terutama murid sekolah agar memiliki pengetahuan dan boleh mengamalkan pengetahuan tersebut ke arah pembentukan jasmani yang sihat dan cergas. *World Health Organisation* telah mendefinisikan kecergasan sebagai *the ability to do daily chores without feeling fatigue and having extra energy to react in cases of emergency* (WHO 2009). Oleh itu, pendidikan dan sukan lebih bersifat umum bagi membantu masyarakat tanpa mengira bangsa dan pangkat untuk mencapai kehidupan yang berkualiti.

Di peringkat sekolah lagi, pelbagai aktiviti bagi merealisasikan usaha tersebut telah dilakukan, antaranya:

- i. **Peringkat sekolah** – Sukan Tahunan/ Merentas Desa/Kelab Sukan Sekolah/Merentas Desa dan Aktiviti 1Murid 1Sukan.
- ii. **Peringkat negeri** – Aktiviti sukan di peringkat negeri juga akan melibatkan lebih ramai murid daripada pelbagai jenis budaya dan bangsa terlibat. Program sukan di peringkat daerah dan negeri seperti Majlis Sukan Sekolah Negeri, Program Pembangunan Sukan Spesifik dan sebagainya di peringkat lebih tinggi.
- iii. **Peringkat kebangsaan** – Di peringkat ini penglibatan murid daripada pelbagai bangsa dalam aktiviti sukan seperti Larian Serentak 1Murid 1Sukan, 10,000 Langkah Jalan Ria 1Murid 1Sukan, Piala Menteri Pelajaran dan sebagainya.
- iv. Selain daripada itu, pelbagai lagi program pembangunan sukan yang turut dilaksanakan untuk mengeratkan hubungan murid, guru dan semua lapisan masyarakat sama ada di bandar, luar bandar, pendalaman atau di mana sahaja untuk menceburkan diri dalam aktiviti fizikal dan sukan yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan mereka dan menjadikannya satu budaya sepanjang hayat menerusi aktiviti sukan:
 - a) Kejohanan Sukan Sekolah Premier
 - b) Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli
 - c) Kejohanan Sukan Sekolah Penan dan Pendalaman
 - d) Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan
 - e) Bulan Kecergasan

Sementara itu, sukan di Malaysia disokong oleh sembilan (9) universiti awam yang menawarkan pelbagai program sukan, rekreasi, pendidikan jasmani dan sains sukan sama ada di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Institusi pengajian tinggi awam tersebut adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Kesepaduan antara pelbagai program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi sewajarnya dilihat bagi memastikan kualiti graduan yang dilahirkan adalah selaras dengan keperluan negara bukan hanya bagi melahirkan atlet elit tetapi juga memastikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai ilmu pendidikan jasmani yang kukuh bagi kelestarian hidup.

Soalan No : 4

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan terhadap bekas tapak pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Janda Baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memang mempunyai perancangan khusus terhadap tapak berkenaan. Susulan daripada Mesyuarat Eksekutif Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dilaksanakan baru-baru ini, bekas tapak pembinaan UIAM di Janda Baik akan dijadikan pusat latihan bagi kakitangan UIAM dan juga untuk kegunaan organisasi luar.

Hasil persetujuan Agensi Pusat, tapak projek tersebut terpaksa dipindahkan ke Gambang, Pahang memandangkan terdapat beberapa siri gegaran gempa bumi lemah (bermagnitud 1.1 hingga 2.8 skala Ritcher) di Janda Baik yang berlaku sejak November 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Eksekutif UIAM sedang meneliti kertas cadangan supaya selaras dengan *International Islamic University Malaysia Masterplan Year 2020* dan dijangka akan dilaksanakan apabila kertas cadangan tersebut diperakukuan oleh pihak pengurusan tertinggi UIAM.

Soalan No : 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan program netbook telah membantu meningkatkan prestasi pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) adalah penyumbang utama dalam menentukan kejayaan transformasi masyarakat bagi memenuhi keperluan dan tuntutan persekitaran global yang sentiasa berubah. Oleh itu, usaha memantapkan modal insan dengan pengetahuan dan kemahiran ICT serta penggunaan dan pengintegrasianya dalam menimba dan mengaplikasi pelbagai ilmu menimbulkan cabaran baru kepada insitutusi pendidikan di Malaysia.

Pada tahun 2010, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melancarkan inisiatif Komputer 1Malaysia. Sebanyak 1 juta unit komputer telah diperuntukkan untuk diagihkan kepada murid sekolah dan orang awam dari kalangan keluarga berpendapatan rendah dengan nisbah peruntukan 65 peratus pelajar dan 35 peratus orang awam. Justeru, peruntukan sebanyak 650 ribu unit komputer 1Malaysia kepada pelajar sekolah adalah berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan disediakan.

Di samping itu, kerajaan negeri Terengganu juga telah menerajui usaha ini secara besar-besaran semenjak tahun 2009 dengan mengagihkan *netbook* kepada semua murid Tahun 5, Tahun 6, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 di semua sekolah bantuan penuh kerajaan pusat dan kerajaan negeri di Terengganu. Ini termasuklah sumbangan oleh INTEL yang telah menyumbang lebih 2,500 unit *Classroom PC* atau *netbook* ke sekolah dan institusi pendidikan di mana sejumlah

2,240 buah telah diedarkan, kepada pelajar di 22 buah sekolah di negeri Terengganu dalam dua (2) fasa untuk menguji keberkesanan pembelajaran secara 1 murid 1 komputer dengan latihan kepada guru dan murid, mulai tahun 2007 sehingga tahun 2009.

Melalui usaha yang dilakukan oleh pelbagai agensi ini, keupayaan murid terhadap ICT telah meningkat dan jurang ICT telah dapat dikurangkan khususnya di luar bandar. Melalui program 1BestariNet, sehingga Mei 2013, sebanyak 4,152 sekolah luar bandar dan 2,577 sekolah bandar telah dibuat pemasangan 1BestariNet. Melalui kemudahan yang disediakan ini, murid dan guru di sekolah terlibat dapat menikmati sepenuhnya kemudahan tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Rjm 102

Soalan No : 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana jurang pencapaian antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar diukur dan dipantau dan apakah hasil yang diperolehi atau dijangka diperolehi daripada perlaksanaan 1BestariNet yang sepatutnya mengurangkan jurang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pendidikan adalah bagi meningkatkan keberkesanan dan keefisienan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pendidikan. Perluasan penggunaan ICT dalam pendidikan sama ada di bandar mahupun luar bandar akan membolehkan semua peringkat dan komponen dalam sistem pendidikan mengambil manfaat daripada kelebihan ICT yang akhirnya memberi sumbangan yang besar ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Projek 1BestariNet adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam penciptaan kandungan pendidikan.

Pemasangan 1BestariNet telah dilaksanakan tanpa mengambil kira sama ada sekolah tersebut berada di kawasan bandar dan luar bandar. Data pemasangan sehingga 31 Mei 2013 menunjukkan sejumlah 4,152 sekolah luar bandar dan 2,577 sekolah bandar telah dibuat pemasangan 1BestariNet.

Pelaksanaan ini akan memberi akses yang sama rata kepada semua sekolah apabila mereka menggunakan teknologi yang sama dan akses kepada platform pembelajaran yang sama. Murid tanpa mengira sama ada mereka berada dalam

kawasan bandar ataupun luar bandar akan beroleh akses yang sama kepada bahan pembelajaran yang berkualiti serta peluang untuk menjalankan kolaborasi serta perkongsian menerusi Platform Pembelajaran *Virtual Learning Environment* (VLE) 1BestariNet berasaskan perkomputeran awan (*cloud computing*). Ini sudah pasti akan mengurangkan jurang pencapaian serta jurang digital antara murid bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengukuran yang diguna pakai adalah menggunakan aplikasi VLE dan pemantauan akses ke VLE dibuat secara atas talian.

Rjm 103

Soalan No : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sudah bersedia untuk melaksanakan sekolah satu aliran di Malaysia. Jika ya, bagaimanakah perlaksanaannya kelak dan jika tidak, bila cadangan tersebut akan cuba dilaksanakan. Ini penting kerana sekolah dilihat sebagai salah satu medium permulaan terbaik bagi memupuk Budaya Integrasi Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan idea untuk memperkenalkan sistem pendidikan sekolah satu aliran rendah memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak. Buat masa ini, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada memandangkan penekanan terhadap budaya integrasi nasional dalam pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM sekarang masih relevan.

Penekanan terhadap budaya tersebut bukan hanya tertumpu pada mata pelajaran yang diajar kepada murid, sebaliknya pelbagai aktiviti lain disediakan seperti dalam kelab, persatuan dan badan beruniform; aktiviti sukan dan permainan; serta program-program khusus seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan Dasar 1Murid 1Sukan. Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian ini sudah pasti akan dapat memupuk integrasi nasional dalam kalangan murid di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membawa semula novel 'Interlok' sebagai satu teks kajian untuk SPM. Jika ya, apakah alasan-alasan Kerajaan untuk berbuat demikian kerana novel itu terang-terang menghina masyarakat India secara khusus dan kaum-kaum lain secara umum

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak lagi menggunakan novel Interlok sebagai teks KOMSAS **mulai tahun 2012** dan digantikan dengan novel Konserto Terakhir karya Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain.

Rjm 105

Soalan No : 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 15.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan dan langkah untuk memupuk perpaduan bermula dari kalangan murid-murid peringkat tadika dan sekolah rendah memandangkan isu perpaduan antara pelbagai kaum dan agama sering dipersoalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab bersekali dengan Pertanyaan **Y.B. Lenggong** pada **26 Jun 2013**. Kementerian Pendidikan tiada maklumat tambahan.

Rjm 106

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) pelaksanaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Paris, Kg. Sukau dan Kg. Tongod; dan
- (b) usaha-usaha menaiktaraf sekolah-sekolah dan rumah-rumah guru dhaif di kawasan luar bandar terutamanya daerah Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap pembinaan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Kg Paris dalam proses penilaian akhir reka bentuk dan pembinaan akan dimulakan sejurus selepas kerja-kerja peringkat pra bina dimuktamadkan. Manakala status pembinaan projek SMK Tongod sehingga kini adalah sebanyak 94 peratus. Bagi projek pembinaan SMK Kg Sukau, akan dimasukkan ke dalam permohonan *Rolling Plan* akan datang sekiranya terdapat keperluan.
- b) KPM sentiasa menitikberatkan keselesaan infrastruktur sekolah terutamanya untuk sekolah-sekolah yang terletak di kawasan pedalaman. Justeru, KPM akan melaksanakan kajian dan penilaian kos penyelenggaraan bagi kerja-kerja menaik taraf sekolah dan rumah-rumah guru daif di seluruh kawasan luar bandar negeri Sabah termasuk daerah Kinabatangan. Kerja-kerja penyelenggaraan akan dimulakan sebaik sahaja Kementerian memperoleh maklumat mengenai kos penyelenggaraan bagi kerja-kerja menaik taraf sekolah dan rumah-rumah guru daif tersebut.

Soalan No : 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pelajar post-graduate tidak boleh terlibat di dalam politik dan bertanding di dalam pilihan raya kampus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) [Akta 30] digubal bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi menubuh, menyelenggara, dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Seksyen 2 Akta Universiti dan kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) [Akta 30], pelajar *post-graduate* adalah ditakrifkan sebagai pelajar selagi mana beliau mendaftar untuk mengikuti kursus pengajian sama ada sepenuh masa atau sambilan. Justeru, melalui pindaan AUKU pada tahun 2012, semua pelajar di sesbuah universiti awam termasuk pelajar *post-graduate* adalah dibolehkan untuk bertanding dalam pilihan raya kampus. Namun demikian, pelajar *post-graduate* sama seperti lain-lain pelajar tidak boleh terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus berdasarkan Seksyen 15(2) (c) Akta 30.

Rjm 109

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramaikah graduan yang telah tamat belajar dari IPTA dan IPTS sepanjang tahun 2012.

- (a) dari jumlah tersebut berapa ramaikah yang mendapat pekerjaan tetap; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan untuk menangani graduan lama dan baru yang masih menganggur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan 2012 yang dijalankan semasa hari konvokesyen oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terdapat seramai 202,328 graduan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti telah menamatkan pengajian. Daripada jumlah tersebut, 74.1 peratus telah bekerja di pelbagai sektor pekerjaan di negara ini dengan 54.4 peratus bekerja tetap. Selebihnya masih belum bekerja atas pelbagai sebab, antaranya sedang mencari pekerjaan, memilih untuk tidak bekerja kerana komitmen keluarga atau sedang menunggu penempatan dan sedang melanjutkan pengajian.
- b) Program Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability-GE*) merupakan salah satu inisiatif utama untuk membantu graduan mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian. Fokus utama program GE adalah untuk meningkatkan nilai tambah pelajar daripada aspek kelayakan profesional,

keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor.

Bagi memastikan lulusan kolej dan universiti mendapat pekerjaan dalam masa setahun selepas bergraduat, beberapa program intervensi telah diadakan seperti mana berikut:

- i. *Structured Internship Programs* -
- ii. Program Pentauliahan Profesional (*Certification*);
- iii. *Bridging the GAP*
- iv. Program Keusahawanan bagi:
 - Melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan (*entrepreneurial graduates*).
 - Melahirkan lebih ramai lagi siswazah dan lulusan institusi pengajian tinggi (IPT) yang menceburi bidang keusahawanan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada program GE dan Keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kementerian, pihak *Talent Corp* juga menjalankan Program *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan. Kementerian Sumber Manusia juga telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan penempatan pencari kerja khususnya dalam kalangan graduan lepasan institut-institut pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Di antara program yang dilaksanakan adalah Program Penempatan Pekerjaan (3P).

Soalan No : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah KPM berhasrat untuk menaikkan nisbah guru murid dari Tahap Tahun 1-6:1.5, Tingkatan 1:1.5, Tingkatan 2-5:1.7 dan Tingkatan 6:2.3 ke tahap yang lebih rasional bagi meringankan beban guru sekaligus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menjalankan **Kajian Unjuran Keperluan dan Bekalan Guru, Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana** mulai Februari 2013 dan mengambil tempoh masa selama 12 bulan.

Salah satu objektif kajian ialah mewujudkan kerangka **baharu norma perjawatan guru** yang responsif terhadap keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan mengambil kira perubahan dasar-dasar pendidikan, tugas guru dan enrolmen murid. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi KPM untuk memutuskan norma perjawatan yang terbaik untuk digunakan bagi meringankan beban tugas seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Rjm 111

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samaraham] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah rendah ataupun menggantikannya dengan pembinaan sekolah baru seperti sekolah lama yang perlu penggantian iaitu SK Endap, SK Empila dan SK Asajaya Laut di Bahagian Samaraham, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha meningkatkan infrastruktur sekolah pedalaman di seluruh negara termasuklah di kawasan Parlimen Kota Samaraham. Dalam RMKe-10, KPM telah memberikan fokus untuk menggantikan bangunan sekolah yang telah uzur, daif serta tidak selamat kepada murid-murid dan guru-guru di kawasan pedalaman supaya mendapat akses pendidikan yang sama rata antara bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedia maklum akan keperluan untuk menaik taraf SK Empila dan menggantikan bangunan SK Asajaya Laut dengan pembinaan baru. Sehubungan dengan itu, KPM telah pun mengemukakan permohonan projek untuk kedua-dua buah sekolah ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk peruntukan *Rolling Plan* Keempat. Manakala bagi projek SK Endap pula, KPM akan mengemukakan permohonan bagi pembinaan sekolah ini dalam *Rolling Plan* akan datang.

Soalan No : 4

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan dari segi kehasilan (output) penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dikatakan mendapat peruntukan sebanyak RM1bilion di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) negara ini bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nanoteknologi, otomotif, bio-teknologi dan aeroangkasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, sektor pengajian tinggi telah diperuntukkan sebanyak RM1 billion bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan bagi program penyelidikan berimpak tinggi iaitu:

- i. Program Universiti Penyelidikan (RU) – RM500juta untuk lima (5) buah RU.
- ii. Program *Central Lab Management* (CLM) – RM80juta yang berfokuskan bidang strategik seperti nanoteknologi, automatif, bio-teknologi dan aeroangkasa.
- iii. Program *Research Acculturation Collaborative Effort* (RACE) – program kerjasama penyelidikan di antara RU dan IPT lain.

Sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program-program penyelidikan *fundamental* di bawah Skim Geran Penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) yang diperuntukkan kepada penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil *output* dan impak program penyelidikan di bawah KPM meliputi penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi, penerbitan dalam jurnal-jurnal di peringkat dalam negara dan antarabangsa, penghasilan harta intelek, produk untuk dikomersialkan, jaringan kolaborasi dengan industri tempatan dan luar negara serta peningkatan *ranking* IPT negara di peringkat global. Hasil daripada penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang nanoteknologi, automotif, bioteknologi dan aeroangkasa masih sedang diusahakan melalui program CLM yang bertindak sebagai platform untuk merapatkan kerjasama antara kumpulan penyelidik dari IPT dengan industri agar dapat mempertingkatkan keupayaan tempatan (*local capability* dan *capacity*) untuk kelestarian negara. Sehubungan dengan itu, kelestarian pembangunan negara dapat dimantapkan menjelang tahun 2020 melalui kerjasama yang dijalankan bersama dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menjalankan aktiviti R&D.

Rjm 113

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI [BENTONG]

TARIKH : 16.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan (C), Sekolah Jenis Kebangsaan (T) dan Sekolah Kebangsaan. Adakah Kementerian Pelajaran sedia mengadakan kelas tuisyen Bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar yang lemah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris di semua sekolah rendah mulai Jun 2013. Program ini dilaksanakan bagi mengenal pasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris dan mereka ditempatkan dalam kumpulan/kelas khas. Guru Bahasa Inggeris akan mengajar kumpulan murid ini asas literasi Bahasa Inggeris supaya mereka dapat menguasai literasi Bahasa Inggeris.

Di samping itu, terdapat juga inisiatif daripada pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan juga Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) menyediakan kelas tuisyen kepada murid untuk memantapkan lagi kemahiran dalam mata pelajaran-mata pelajaran utama di sekolah termasuklah Bahasa Inggeris.

Soalan No : 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita dan sebab-sebab Kementerian tidak membenarkan sekolah-sekolah menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris di semua sekolah rendah mulai Jun 2013 sebagai salah satu usaha untuk mengenal pasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris. Murid yang telah dikenal pasti ditempatkan dalam kumpulan/kelas khas. Guru Bahasa Inggeris akan mengajar kumpulan murid ini asas literasi Bahasa Inggeris supaya penguasaan literasi Bahasa Inggeris murid dapat ditingkatkan.

Di peringkat rendah juga, Sastera Kontemporari Kanak-Kanak diajar di Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) di semua sekolah rendah. Pembelajaran karya sastera dapat membantu murid meningkatkan pencapaian dan kemahiran berbahasa Inggeris mereka.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Inggeris akan dilaksanakan mulai tahun 2017. Dalam kurikulum ini terdapat Komponen Sastera Bahasa Inggeris (KOMSAS) untuk murid Tingkatan 1 - Tingkatan 5. Komponen ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan murid membaca bahan bacaan Bahasa Inggeris dan memberi ruang kepada murid untuk berbincang tentang perkara-perkara yang terdapat dalam cerita yang dibaca. Justeru, bahan bacaan ini dapat meningkatkan profisiensi bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan memangkinkan pemikiran secara aras tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM masih mengekalkan aliran Bahasa Kebangsaan dalam mana-mana sistem persekolahan kebangsaan kecuali di Sekolah Jenis Kebangsaan berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun begitu, penggunaan bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di semua sekolah.

Rjm 121

Soalan No : 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar di setiap IPTA yang keciciran atau tidak menyambung pelajaran dari tahun 2000 sehingga 2012 dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut peringkat pengajian Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Ph.D yang keciciran atau tidak menyambung pengajian dari tahun 2000 hingga 2012 adalah seramai 50,807 pelajar. Antara sebab pelajar tersebut tercicir atau tidak menyambung pelajaran kerana berhenti/menarik diri, diberhentikan/kesalahan tata tertib, gagal peperiksaan, gugur/nama tidak berdaftar, tidak menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dan meninggal dunia.

Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) adalah untuk memastikan supaya semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mematuhi keperluan yang digariskan di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia. Salah satu keperluan yang telah digariskan di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia kepada semua pemberi pendidikan tinggi adalah memastikan penilaian secara formatif dijalankan. Penilaian secara formatif ini adalah seperti yang digariskan di dalam Kod Amalan Audit Institusi atau dikenali sebagai *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA). Di dalam kod amalan ini ada menyatakan bahawa penilaian pelajar merupakan satu aspek jaminan kualiti yang amat penting. Oleh yang demikian, pemberi pendidikan tinggi perlu mewujudkan satu kaedah penilaian pelajar yang jelas, konsisten, berkesan, boleh dipercayai dan selaras dengan amalan semasa dan mesti menyokong dengan jelas pencapaian hasil pembelajaran. Ini bertujuan untuk memastikan tindakan pembetulan dan

bantuan serta sokongan diberikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan supaya mereka mencapai sasaran pembelajaran yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pemberi pendidikan tinggi bagi mengelakkan keciciran pelajar adalah dengan menawarkan program yang mempunyai kurikulum yang sama untuk pengajian tahun pertama dan tahun kedua bagi membolehkan pelajar-pelajar cemerlang disyorkan untuk terus melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana. Manakala pelajar-pelajar yang tidak menunjukkan pencapaian yang diharapkan akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dengan kaedah ini IPT dapat memantau pencapaian pelajar dan membuat syor yang sewajarnya bagi mengelakkan pelajar tercicir dari pengajian.

Rjm 122

Soalan No : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kursus latihan, dan langkah menjamin kecukupan, guru Bahasa Cina untuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, yang kekal dan sistematik, dan mengapa Kementerian telah membatalkan kursus KPLI, PKPG dan DPLI yang melatihkan guru Bahasa Cina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan proses pengambilan calon guru berdasarkan unjuran keperluan guru yang ditetapkan bagi mengikuti program perguruan. Program yang ditawarkan adalah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) yang sebelum ini dikenali sebagai Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Pengajian Program DPLI ini adalah dalam tempoh dua (2) semester.

Program Khas Pensiwazahan Guru (PKPG) adalah program pensiswazahan guru yang ditaja oleh Bank Dunia namun program ini diberhentikan kerana Bank Dunia telah menamatkan penajaannya. KPM masih meneruskan dasar pensiswazahan guru dengan menggantikan PKPG dengan Program Pensiwazahan Guru (PPG) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 bermula Mac 2011. Matlamat yang disasarkan melalui PPG adalah pencapaian 60 peratus guru sekolah rendah dan 90 peratus guru sekolah menengah memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda pada tahun 2015.

Latihan perguruan untuk guru Bahasa Cina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dikendalikan oleh UPSI manakala, Institut Pendidikan Guru (IPG) melatih guru Bahasa Cina bagi sekolah rendah.

Soalan No : 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan kerajaan membolehkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat diploma dan sarjana selain sarjana muda di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ditukarkan kepada biasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengecualian bayaran balik telah mula dilaksanakan pada tahun 2003 dan terbuka kepada semua pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta yang berjaya memperoleh keputusan kelas pertama. Sehingga 31 Mei 2013, seramai 18,314 peminjam telah mendapat manfaat daripada dasar ini yang melibatkan amaun pengecualian bayaran balik berjumlah RM507.7 juta.

Memandangkan jumlah peruntukan yang perlu dilupuskan adalah besar, maka pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk meluaskan lagi skop pengecualian bayaran balik kepada peminjam yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat diploma dan sarjana.

Soalan No : 77

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berdasarkan laporan kajian yang dikeluarkan oleh IKRAM pada tahun 2009 terhadap sekolah-sekolah di daerah Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap sebarang kajian yang dijalankan oleh mana-mana pihak dalam memastikan pembangunan sekolah mencapai visi yang ditetapkan.

Berdasarkan hasil laporan yang telah dijalankan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) terhadap sekolah-sekolah di daerah Dungun, sebanyak empat (4) buah projek penggantian struktur bangunan bagi empat (4) buah sekolah telahpun dimasukkan ke dalam senarai projek Paket Ransangan Khas 2012.

Rjm 125

Soalan No : 79

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAH NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kertas kerja (*paper works*) para guru dan langkah untuk memperbaiki prestasi akademik, kualiti pendidikan dan kebijakan profesion perguruan dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) pada bulan Mac 2010 dan sehingga kini, telah dan sedang melaksanakan kesemua 28 perakuan bagi menangani isu beban tugas guru. Antara perakuan yang telah memperoleh status lampu hijau yakni telah diselesaikan atau dilaksanakan mengikut perancangan adalah:

- i. Perancangan aktiviti hari Sabtu secara berjadual supaya tidak melebihi dua kali sebulan.
- ii. Penyelarasan bilangan ujian/peperiksaaan.
- iii. Penglibatan Jurulatih Luar Kokurikulum/Sukan bertauliah bagi sekolah yang berkemampuan.
- iv. Penyelarasan bilangan pertandingan di peringkat zon/ daerah/ negeri.
- v. Kajian kebolehlaksanaan/*feasibility* (termasuk pertambahan guru) perlu dijalankan sebelum satu-satu mata pelajaran baharu diperkenalkan.

KPM telah menjalankan kajian rintis penempatan 100 orang Pembantu Tadbir (Pekeranian/Operasi) (PT P/O) di 50 buah sekolah yang mempunyai enrolmen murid melebihi 1,500 orang. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan melihat

sejauh mana penempatan PT P/O dapat mengurangkan isu tugas rencam iaitu tugas perkeranian yang dilaksanakan oleh guru. Laporan kajian ini akan digabungkan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pemantapan Profesional Guru (JKPPG), KPM.

KPM sentiasa menekankan kepada pencapaian *outcome* khusus untuk memperbaiki prestasi akademik, kualiti pendidikan dan kebajikan profesion pendidikan dalam merancang keperluan sumber manusia guru. Justeru itu, dalam merangka norma perjawatan guru, reka bentuk norma dibuat selaras dengan perubahan-perubahan kurikulum pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga sedang mengkaji satu kerangka baharu norma perjawatan guru yang responsif terhadap keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan mengambil kira perubahan dasar-dasar pendidikan, tugas guru dan enrolmen murid. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi Kementerian untuk memutuskan norma perjawatan yang terbaik untuk digunakan bagi meringankan beban tugas seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Rjm 126

Soalan No : 7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah insentif-insentif Kementerian untuk menarik bakat terbaik, bukan sahaja daripada segi pencapaian akademik, bahkan termasuk daripada segi kerohanian, untuk menjadi pendidik negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti guru. Bagi meningkatkan kualiti guru Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui inisiatif Transformasi IPG Untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru telah menggarisi inisiatif pengambilan guru dalam kalangan 30 peratus calon terbaik untuk mengikuti latihan perguruan.

Salah satu inisiatif yang dilakukan oleh KPM dalam PPPM 2013 – 2025 dalam menarik minat bakat terbaik ialah memperkuuh saluran pengambilan guru pelatih. KPM akan mengambil pendekatan holistik dalam pengambilan guru baharu. Kementerian akan menggalakkan permohonan daripada pelbagai latar belakang akademik dan etnik, tanpa berkompromi syarat-syarat kemasukan yang ketat, termasuk kelayakan akademik, kecenderungan dan aptitud keguruan pemohon. Institut Pendidikan Guru (IPG) akan menawarkan pelbagai program (diploma, ijazah pertama, ijazah lanjutan) untuk memenuhi pelbagai tahap pengalaman calon (graduan baharu dan yang bertukar kerjaya).

Melalui inisiatif NKRA untuk *High Profile Marketing* KPM telah mengeluarkan rerayap (*crawler*) mempelawa pelajar-pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2012 untuk memohon Kursus Perguruan Lepasan SPM. Didapati 40.24 peratus calon cemerlang memohon bagi tahun 2013.

Soalan No : 88

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 17.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagi memastikan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sebagai sebuah institusi pendidikan yang mampu untuk melahirkan cendiakawan yang berlandaskan pada agama sesuai dengan iklim di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan meneruskan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) yang berlandaskan aliran Mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Imam As-Shafie di samping kurikulum akademik yang lain. Kedua-dua aliran Mazhab tersebut merupakan pegangan agama umat Islam di Malaysia serta selaras dengan iklim di negara ini.

Rjm 128

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 18.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan terhadap bekas tapak pembinaan Universiti Teknologi MARA di Kuala Lipis setelah ia dipindahkan ke Raub

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin memberi penjelasan bahawa persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang perpindahan tapak Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM) dari Kuala Lipis ke Raub adalah tidak tepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UiTM mempunyai tanah di Kuala Lipis dan Raub. Pembinaan UiTM di Raub merupakan perancangan asal Kementerian dan kampus tersebut dijangka akan siap pada tahun 2016. Pada masa ini Kementerian belum lagi bercadang untuk membangunkan tapak UiTM di Kuala Lipis.

Rjm 130

Soalan No : 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH : 18.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agenda manifesto peruntukan khas kepada sekolah. Berapakah jumlah yang diperuntukkan. Adakah peruntukan untuk sekolah di Sabah diberi berdasarkan tahap literasi yang rendah, bilangan sekolah mubaligh yang tinggi atau sebagainya. Ini penting kerana Sabah adalah penyumbang terbesar kepada kejayaan BN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan khas penyelenggaraan kepada sekolah-sekolah adalah sebanyak RM900 juta dan disediakan di bawah peruntukan Pembangunan (P41). Peruntukan kepada sekolah diberikan dengan peruntukan Belanja Mengurus (B41) adalah berdasarkan enrolmen murid setiap tahun dan keperluan semasa seperti bantuan persekolahan, bekalan alatan pejabat dan bil utiliti.

Rjm 131

Soalan No : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 18.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa sebab kejatuhan kedudukan Malaysia di Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS) dalam tahun 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mula menyertai kajian TIMSS pada tahun 1999. Kajian TIMSS bertujuan menghasilkan maklumat mengenai input, proses dan output pendidikan bagi menambah baik dasar dan proses pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains. Murid yang menjadi sampel dalam kajian TIMSS adalah murid Tingkatan 2. TIMSS dilaksanakan setiap empat (4) tahun sekali. Malaysia mencatatkan keputusan yang agak memberangsangkan dalam kajian TIMSS 1999 dan 2003. Namun, pencapaian Malaysia mula merosot pada tahun 2007 dan semakin merosot pada tahun 2011.

Kemerosotan pencapaian murid berkait rapat dengan keupayaan mereka menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berifikir aras tinggi. Secara terperinci, analisis terhadap pencapaian murid Malaysia dalam TIMSS 2011 menunjukkan murid kurang mahir menjawab soalan penaakulan dan soalan berbentuk terbuka berbanding soalan aneka pilihan. Murid juga hanya dapat menjawab dengan baik soalan-soalan yang mereka biasa didedahkan. Murid juga sukar memberi penjelasan kepada sesuatu jawapan.

Analisis terhadap topik di dalam ujian TIMSS pula menunjukkan ada topik yang masih belum dipelajari oleh murid Tingkatan 2 yang menjadi sampel kajian TIMSS. Ada juga topik yang saling berkait tetapi diajar pada tingkatan yang berbeza dan murid tiada pendedahan terhadap item yang diuji. Manakala, topik Algebra merupakan topik Matematik yang paling sukar bagi murid Malaysia. Ini

kerana topik ini agak abstrak dan memerlukan murid mempunyai kefahaman konsep matematik yang tinggi.

Berdasarkan dapatan ujian TIMSS 2011, KPM telah mengambil langkah membantu guru dan murid dalam perubahan proses pedagogi yang berorientasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan menyediakan bahan sumber yang lengkap, berinovasi, berkualiti dan efektif. Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL - mirip TIMSS & PISA) juga dilaksanakan bertujuan untuk membiasa dan membudayakan guru dan murid dengan soalan TIMSS & PISA, khususnya soalan yang mempunyai elemen KBAT.

Rjm 132

Soalan No : 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 18.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membatalkan kontrak 1BestariNet yang diberikan secara monopoli kepada YTL Communications. Bukankah ia bertentangan dengan hasrat Program Transformasi Negara dalam meningkatkan daya saing pihak swasta

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Proses perolehan projek 1BestariNet adalah dibuat secara tender terbuka dan semua pihak yang berkelayakan telah menyertai tender berkenaan. Kerajaan memberikan kontrak kepada pihak YTLC untuk tempoh dua (2) tahun enam (6) bulan. Pihak kerajaan akan membuat penilaian keberkesanan, pencapaian dan prestasi pihak syarikat dalam tempoh tersebut.

Rjm 133

Soalan No : 49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL TEO YU MENG [MIRI]

TARIKH : 18.7.2013

SOALAN :

Y.B. Dr. Michael Teo Yu Meng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah serta usaha Kementerian untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examinations Certificate—UEC), yang dikeluarkan oleh Sekolah Bebas Cina, yang sudah diterima di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengiktirafan sijil Gabungan Sekolah Cina UEC adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya. Namun demikian, dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Cina, seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa pembentangan RMKe-10, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka ruang dan peluang kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang memiliki UEC dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Pada masa ini, KPM masih belum menerima UEC yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai kelayakan masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak menggunakan pakai dasar dan kurikulum sistem Pendidikan Kebangsaan.

**DEWAN
RAKYAT
(SOALAN BERTULIS)**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membina sebuah Universiti Awam atau sebuah cawangan Universiti Awam di Pulau Langkawi ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Penubuhan tersebut mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja. Pada masa ini terdapat sebuah Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Langkawi.

Kolej Komuniti Langkawi telah mula beroperasi sejak bulan Mac 2007. Di samping itu, Kolej Komuniti Langkawi dan Universiti Taylor's juga telah menjalin kerjasama bagi merealisasikan penubuhan Akademi Pelancongan Langkawi. Projek ini merupakan sebahagian daripada Langkawi *Tourism Blueprint* yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. IPTA sedia ada di negeri Kedah adalah Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Kedah di Merbok.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap pembinaan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di kawasan Parlimen yang telah menunjukkan kecemerlangan yang konsisten dalam peperiksaan UPSR dan PMR seperti di Parlimen Jerantut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah berdasarkan keperluan nasional. Buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum ada cadangan untuk membina sebuah SBP baharu di Jerantut. Dalam tempoh RMKe-10, KPM lebih menumpukan kepada usaha meningkatkan kemudahan infrastruktur dan menaiktaraf sekolah berasrama penuh yang sedia ada supaya lebih selesa dan suai sebagai sekolah yang berprestasi tinggi. Murid-murid cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan boleh diterima masuk ke mana-mana 67 buah SBP yang terdapat di seluruh negara.

Pada masa sekarang KPM telah menyediakan tujuh (7) buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sedia ada di negeri Pahang yang meliputi daerah Kuantan, Pekan, Raub, Temerloh dan Bentong. Ini termasuk penyiapan sebuah SBP baharu iaitu SMAP Bentong yang baru memulakan operasi pada Jun 2012.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan supaya menubuhkan sebuah organisasi mirip Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dikenali sebagai Lembaga Tabung Kebajikan Guru yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal kebajikan pendidikan dan keluarga mereka.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan Lembaga Tabung Kebajikan Guru. Namun, pada masa ini telah terdapat agensi yang dikenali sebagai Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) yang ditubuhkan untuk menyatu dan menggembangkan seluruh warga pendidik dan anggota Perkhidmatan Pendidikan Malaysia ke dalam satu organisasi yang berasaskan ekonomi dan kebajikan. Hasrat YGMB ini menjadi wahana penting bagi meningkatkan martabat dan maruah warga pendidik. Keahlian YGMB adalah terbuka kepada semua guru dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sama ada yang sedang berkhidmat atau telah bersara.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran kelas tuisyen secara percuma di sekolah-sekolah bagi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM terutama di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kelas tuisyen yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan dan menengah adalah dilaksanakan berdasarkan inisiatif guru-guru, pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi dan penguasaan akademik murid.

Peruntukan untuk program tuisyen kepada murid-murid khususnya sekolah luar bandar banyak disumbangkan oleh pemimpin politik setempat, badan korporat atau GLC. Selain itu, sokongan padu daripada pihak PIBG dan komuniti telah banyak membantu dalam program-program kecemerlangan akademik sekolah.

Secara keseluruhannya, pencapaian sekolah luar bandar yang menerima bantuan tuisyen percuma melalui sumbangan pemimpin setempat, NGO, badan korporat atau GLC tertentu berjaya menunjukkan peningkatan yang baik terutama dalam mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik bagi peperiksaan awam iaitu UPSR, PMR dan SPM.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DATO' ISMAIL BIN MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kementerian boleh menyerapkan lebih 60,000 guru lepasan diploma, terutama berusia 50 tahun ke atas dalam skim siswazah tanpa temuduga.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran melalui Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2013 telah menetapkan bahawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) yang berada dalam kategori Cemerlang boleh dilantik ke skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 tanpa temuduga dengan syarat PPPLD terlibat telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Pekeliling tersebut. Calon-calon yang dikategorikan sebagai calon cemerlang adalah :

- i. PPPLD yang dinaikkan pangkat Sebagai Guru Cemerlang, Guru Besar Cemerlang atau Pentadbir Cemerlang.
- ii. PPPLD yang Lulus Cemerlang Peringkat Pengajian Ijazah Sarjana Muda.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DATO' ISMAIL BIN MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peranan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dalam menerbitkan karya sastera Melayu terutama melibatkan penerbitan buku berbentuk novel, kumpulan cerpen, kumpulan puisi, koleksi pantun, syair dan kritikan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) sebelum ini dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) adalah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan pada 14 September 1993. Modal asas ITBM dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) manakala pentadbirannya diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penaitaranan ITNM kepada ITBM adalah selaras dengan pengumuman Perdana Menteri Malaysia semasa *Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PENA & Perhimpunan Penulis Muda Nasional Kali Ketiga* pada 16 Disember 2011. Penaitaranan ITBM bertujuan memperkasa dan memperbanyak penerbitan buku karya asli penulis tempatan bagi merancakkan industri perbukuan negara dengan pembahagian 60 peratus fungsi ITBM ditumpukan kepada penterjemahan manakala 40 peratus untuk penerbitan buku karya asli.

Dalam urusan penerbitan karya asli ITBM, ia akan dilaksanakan secara kerjasama dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA). Sehubungan itu, ITBM selaku penerbit turut melaksanakan proses pracetak; PENA menjalankan kerja-kerja pengkaderan penulis dan pemerolehan manuskrip baharu; PNMB pula melaksanakan proses percetakan setiap manuskrip.

Penerbitan karya asli penulis tempatan merangkumi pelbagai bidang terutamanya karya sastera Melayu (novel, cerpen, puisi, pantun, syair dan kritikan sastera) ini selaras dengan saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk menerbitkan judul buku tahunan sebanyak 0.1 peratus daripada jumlah populasi penduduk. Bagi memenuhi perkara itu, ITBM menyahut saranan Kerajaan Malaysia untuk bersama-sama penerbit tempatan menerbitkan sekurang-kurangnya 27,000 judul buku setahun.

Bagi tujuan tersebut, bermula Januari 2012 hingga 30 Jun 2013, ITBM telah menerbitkan 132 judul buku karya asli mengikut kategori penerbitan seperti berikut:

BIL.	BIDANG	BILANGAN JUDUL
1.	Sastera (Novel)	23
2.	Sastera (Kumpulan cerpen)	31
3.	Sastera (Kumpulan puisi/pantun)	36
4.	Sastera (Kumpulan drama/skrip)	2
5.	Sastera (Biografi/autobiografi)	9
6.	Sastera (Kritikan sastera)	3
7.	Sastera (Cerita kanak-kanak)	8
8.	Umum	20
JUMLAH		132

Melalui “Projek Penterjemahan 100 Judul Karya Sastera ke Bahasa-bahasa Utama Dunia”, ITBM telah memulakan program penterjemahan karya sastera kebangsaan secara terancang mulai tahun 2008. Secara dasarnya, ITBM dan sasterawan Malaysia bersetuju untuk menterjemahkan minimum empat (4) karya daripada setiap Sasterawan Negara dan sekurang-kurangnya dua (2) karya daripada setiap Pemenang Anugerah S.E.A. Write. Selain itu, karya sastera beberapa penulis prolifik dan penulis muda turut diterjemahkan. Projek ini dijalankan secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu bermula tahun 2008 sehingga 2010 dan diteruskan hingga kini.

Karya yang diterjemahkan terdiri daripada karya sastera kebangsaan dalam genre novel, cerpen, puisi dan drama. Sehingga 30 Jun 2013, sebanyak 1,149 judul karya terjemahan telah diterbitkan dan 125 judul daripadanya terdiri daripada sastera kebangsaan yang diterjemahkan ke bahasa asing. Bahasa sasaran terjemahan yang diusahakan adalah bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Sepanyol, Arab, Korea, Mandarin, Rusia dan Jepun.

Selain karya sastera kebangsaan, ITBM turut mengusahakan projek penterjemahan dan penerbitan Karya Agung Melayu ke bahasa Inggeris. Judul

Hikayat Hang Tuah merupakan judul pertama daripada sembilan (9) judul karya Agung lain yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dengan tujuan untuk memartabatkan Kesusastraan Melayu di peringkat antarabangsa. Karya pertama ini telah diterbitkan pada September 2009 dengan judul *The Epic of Hang Tuah* dan disusuli oleh dua (2) judul lagi iaitu *The Precious Gift* (*Tuhfat Al Nafis*) diterbitkan pada Oktober 2012 dan *The Pasai Chronicle* (*Hikayat Raja Pasai*) diterbitkan pada Jun 2013. Enam (6) judul lagi sedang dalam proses terjemahan dan suntungan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan Bangunan Baru Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor serta perancangan penambahan sekolah baru di kawasan Kuala Selangor.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam meningkatkan sistem penyampaian kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mempertimbangkan keperluan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) baharu bagi mengatasi masalah PPD yang masih menumpang di seluruh negara termasuk PPD Kuala Selangor. Oleh yang demikian, pada 4RP RMKe-10, KPM telah mengemukakan cadangan pembinaan bangunan baharu PPD Kuala Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan. Pembinaan bangunan baharu ini tertakluk kepada kelulusan dan kemampuan kewangan kerajaan.

Dasar Kerajaan untuk menukar sekolah yang padat untuk menjadi sekolah satu sesi adalah merupakan salah satu inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk pelaksanaan dalam Gelombang Kedua (2016-2020) yang melibatkan infrastruktur pendidikan. Cadangan perancangan pembinaan bangunan tambahan bagi beberapa sekolah yang beroperasi dalam dua (2) sesi telah dikemukakan bagi pelaksanaan dalam *Rolling Plan* Ke-4 RMKe-10 pada tahun 2015 bagi Parlimen Kuala Selangor dan cadangan kesinambungan perancangan pembangunan pendidikan bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor akan juga dikemukakan dalam perancangan RMKe-11 nanti.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai maklumat bagi pelajar-pelajar dalam Parlimen Masjid Tanah yang telah berjaya ditempatkan ke IPTA mengikut (nama, alamat, IPTA yang ditempatkan dan jurusan pengajian mereka).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang terdapat di kawasan Parlimen Masjid Tanah adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM). Program pengajian yang ditawarkan di UiTM tersebut adalah bidang Perkhidmatan, Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan, Sains Matematik dan Komputer dan Sastera dan Kemanusiaan. Jumlah enrolmen di IPTA berkenaan pada tahun 2012 adalah seramai 8,759 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama dan alamat IPTA boleh diperolehi dengan melayari laman web Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat: <http://www.mohe.gov.my/portal/institusi/ipta.html>.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : DATUK CHUA TEE YONG [LABIS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membina institusi pendidikan/ kolej latihan di kawasan Parlimen Labis dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan Rancangan Malaysia ke-11 akan datang.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Kementerian belum bercadang untuk membina institusi pendidikan di kawasan Labis. Ini adalah kerana selain adanya IPTA seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor, terdapat juga beberapa politeknik dan kolej komuniti di negeri Johor. Justeru itu, Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan pengajian tinggi di negeri Johor. Di samping itu juga sehingga kini belum ada syarikat yang memohon untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di kawasan Parlimen Labis.

Sektor ekonomi utama yang dijalankan oleh populasi di Labis terdiri daripada pertanian berbentuk Agroekonomi. Pada masa yang sama, kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan infrastruktur dan fizikal di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan mempertimbang pembinaan Universiti Awam/Politeknik/Kolej Komuniti di Labis, Johor sekiranya mempunyai peruntukan yang mencukupi serta mendapat persetujuan daripada pihak agensi pusat bagi pertambahan jawatan. Selain daripada itu, Kementerian juga berpandangan bahawa perlunya ada kajian daripada segi kesesuaian lokasi dan logistik untuk pembinaan universiti di Labis, Johor.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian dan penyelarasan pelan pembangunan pendidikan negara dan pelan pendidikan tinggi hasil dari gabungan dua Kementerian baru-baru ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Transformasi pendidikan negara akan melalui proses perubahan yang lebih besar, merangkumi seawal pendidikan prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi, setelah berlakunya penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah satu bumbung, sebagai Kementerian Pendidikan. Penggabungan ini akan menyeragamkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berpandu kepada satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan berpaksikan kepada akta-akta pendidikan yang berkaitan.

Semua peringkat pendidikan akan menikmati perkongsian sumber dan kepakaran dalam memastikan bidang pendidikan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan. Penyusunan semula ini, akan menjadikan Kementerian Pendidikan dapat diuruskan secara lebih cekap dan teratur, dalam menyumbang kepada proses pembangunan modal insan yang mampu membangunkan agama, bangsa dan negara. Penggabungan ini juga membolehkan Kementerian menyelaras dan memperhalusi dua (2) pelan pendidikan iaitu **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025** dan **Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020**. Penyelaras dan penjajaran bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang merangkumi lima (5) perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa beban kerja-kerja bukan pengajaran (*non-teaching duties*) telah menjelaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran para pendidik di sekolah-sekolah Kerajaan serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan beban tersebut yang ditanggung oleh para guru.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari beban kerja-kerja bukan pengajaran menjelaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran para guru. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KPM untuk mengurangkan beban tugas guru, antaranya:

- i. Mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa bagi mengkaji kaedah untuk membantu mengurangkan beban tugas guru seperti Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG), Jawatankuasa Pelaksana Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKPMIBTG) dan Jawatankuasa Pemantapan Profesjon Guru (JKPPG).
- ii. Menetapkan dasar menempatkan seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) tambahan di setiap sekolah sebagai satu langkah mengurangkan beban tugas guru. Pelaksanaan dibuat secara berperingkat, bermula di negeri Kedah dan Sabah pada 17 Jun 2013 sehingga 16 Disember 2013.
- iii. Melaksanakan projek rintis di Melaka iaitu menempatkan seramai 313 orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang terdiri daripada pekerja sambilan harian (PSH) di 313 buah sekolah di Melaka yang bertujuan

mengkaji kesesuaian tugas yang dilaksanakan oleh Guru Data, Guru Perpustakaan dan Media serta Guru Penyelaras Bestari diambil alih oleh anggota kumpulan pelaksana. Projek rintis ini dilaksanakan pada 1 Januari sehingga 31 Disember 2013.

KPM prihatin bahawa cabaran yang dihadapi oleh kalangan pendidik pada masa kini dengan beban kerja bukan pengajaran (*non teaching duties*) yang perlu digalas dan pada masa yang sama telah menjadikan kualiti pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah dan insentif untuk menarik para pendidik bertugas di kawasan-kawasan luar bandar dan tahap keberkesanan insentif-insentif yang berkenaan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, para pendidik dan anggota bukan guru di kawasan pedalaman menikmati Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusaahan (EKMLTK) atau Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) bagi menampung kekurangan fasiliti dan kesusaahan/prasarana di pedalaman. EKMLTK pada masa ini dibayar mengikut:

- i. Sekolah Pedalaman 1 @ RM500 sebulan; atau
- ii. Sekolah Pedalaman 2 @ RM1,000 sebulan; atau
- iii. Sekolah Pedalaman 3 @ RM1,500 sebulan.

Insentif BIP pula adalah 10 peratus daripada gaji pokok pegawai. Bagi pegawai yang diperuntukkan rumah yang tidak menetapi kriteria rumah Kerajaan di pedalaman, mereka diberi Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). Insentif yang diberi bertujuan untuk menarik minat dan mengekalkan guru yang berkualiti di pedalaman.

Satu kajian tinjauan sedang dibuat untuk melihat keberkesanan insentif tersebut terutamanya kepada pengetua dan guru besar sekolah luar bandar. Kajian ini dijangka siap pada Disember 2013.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nisbah guru siswazah dan bukan siswazah di sekolah-sekolah menengah dan setiap aliran sekolah rendah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) di sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut:

KATEGORI	PPPS	PPPLD	JUMLAH
SEKOLAH RENDAH	110,610	127,655	238,265
SEKOLAH MENENGAH	168,569	10,552	179,121
JUMLAH KESELURUHAN	279,179	138,207	417,386

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah tempat yang dipilih untuk dijadikan pusat Pra-universiti di negeri Sabah; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian akan menempatkan Pusat Pra-Universiti di Putatan dan bila ianya dilaksanakan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Pada masa ini, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sedia ada di negeri Sabah adalah Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah. UMS menawarkan program Pra-Universiti di bawah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi bagi kursus Sains Hayat dan Sains Fizikal.
- b) Buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum bercadang untuk menempatkan Pusat Pra-Universiti di Putatan kerana jarak di antara UMS dan Putatan adalah dalam lingkungan 26 km. Putatan juga terletak berhampiran dengan bandaraya Kota Kinabalu iaitu dalam jarak 10.7 km yang telah mempunyai beberapa institusi pendidikan lain seperti Kolej Yayasan Sabah. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mempertimbangkan pembinaan Pra-Universiti di Putatan, Sabah sekiranya mempunyai peruntukan yang mencukupi serta mendapat persetujuan daripada pihak agensi pusat bagi pertambahan jawatan. Selain itu, Kementerian juga berpandangan bahawa perlunya ada kajian dari segi kesesuaian lokasi dan logistik untuk pembinaan Pra-Universiti di Putatan, Sabah memandangkan Putatan merupakan sebuah daerah yang padat pembangunannya.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah tindakan Kerajaan untuk melaksanakan Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Melalap yang mana telah dicadangkan semenjak tahun 2004.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memberikan prasarana pendidikan yang terbaik kepada semua murid dan merancang pembinaan sekolah baru di seluruh negara dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti pertambahan komuniti setempat dan kesesakan sekolah sekitar kawasan yang mempunyai pembangunan yang amat pesat termasuk di Parlimen Tenom.

Buat masa ini, di Parlimen Tenom, telah terdapat 6 buah sekolah menengah kerajaan iaitu lima (5) buah sekolah menengah telah beroperasi dalam satu sesi manakala hanya SMK Kemabong sahaja yang beroperasi dalam dua sesi dengan jumlah enrolmen seramai 1,384 murid. Enrolmen di peringkat menengah di Parlimen Tenom adalah sebanyak 4,607 orang murid dengan bilangan kelas sebanyak 146. Secara purata norma satu kelas di peringkat rendah adalah 31 orang.

Dalam tempoh RMKe-10 ini, KPM sedang dalam proses permohonan tapak tanah seluas 16 ekar di kawasan pekan Melalap daripada kerajaan negeri bagi pembinaan sebuah sekolah di pekan Melalap. Walau bagaimanapun, daripada kajian pihak KPM, buat masa ini di Parlimen Tenom keperluan sekolah di peringkat menengah masih mencukupi dan kurang mendesak berbanding kawasan lain di negeri Sabah.

Setakat ini, KPM telah menyediakan sebanyak lapan (8) buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) yang telah dinaiktaraf menjadi Kolej Vokasional (KV) di negeri Sabah. Kapasiti sekolah yang ada mencukupi untuk menerima permohonan murid di negeri Sabah belajar di dalam bidang vokasional dan kemahiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini KPM masih belum menerima permohonan atau kelulusan tanah di daerah Tenom bagi mendirikan SMV. Walaupun begitu, KPM bersedia membuat kajian keperluan mengikut kesesuaian kursus dan keperluan masyarakat setempat di daerah tersebut untuk permohonan dalam RMK-11.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: DATUK RAIMIE BIN UNGGI (TENOM)

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Raimie bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian membantu institusi pengajian tinggi Islam di negara ini mempertingkatkan reputasi terutama ke arah menaik taraf sebagai Kolej Universiti atau Universiti.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan panduan seperti aplikasi *MyUpgrade* yang boleh digunakan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) termasuk Institusi Pengajian Tinggi Islam sekiranya ia berdaftar sebagai IPTS untuk menjalankan penilaian kendiri bagi menilai kesediaan IPTS untuk menaik taraf kepada Kolej Universiti atau Universiti. Kesediaan ini dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti kedudukan kewangan syarikat, misi dan visi IPTS, kawalan kualiti dalaman IPTS, tahap kemudahan dan fasiliti yang disediakan di IPTS, tadbir urus, penglibatan pelbagai kaum serta pengantarabangsaan.

Bagi membantu meningkatkan reputasi IPTS bertaraf kolej, Kementerian telah membangun dan melaksanakan aplikasi Malaysian Quality Evaluation System For Private Colleges (MyQUEST) sebagai instrumen untuk menilai prestasi semasa IPTS di Malaysia dari aspek pelajar, program pengajian, graduan, sumber dan tadbir urus. Penilaian ini membantu IPTS membuat analisis terhadap kelemahan dan kekurangan yang dihadapi bagi membuat penambahbaikan yang bersesuaian.

Bagi melonjakkan reputasi IPT bertaraf Kolej Universiti ke Universiti pula, Kementerian telah menyedia dan melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) bagi mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran. Instrumen SETARA meliputi domain input yang menilai bakat,

sumber dan governan, domain proses yang menumpukan kepada kurikulum dan domain *output* yang menilai kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap IPT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Institusi Pengajian Tinggi Islam yang dimaksudkan dalam jawapan ini adalah tertakluk dibawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Terdapat juga Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri dan JAKIM. Institusi-institusi ini adalah dikawal selia oleh agensi yang berkenaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratus pengetua sekolah rendah dan menengah dari Sabah di seluruh negara.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan dan peratusan pengetua dan guru besar dari Sabah di seluruh negara adalah seperti berikut:

Perkara	Bil Pengetua / Guru Besar di seluruh negara	Bil. Rakyat Sabah	Peratus (%)
Pengetua di Sekolah Menengah	2,344	127	5.4
Guru esar di Sekolah Rendah	7,648	976	12.8

Bilangan pengetua dan guru besar dari Sabah yang bertugas di negeri Sabah:

Perkara	Bil Pengetua /Guru Besar	Bil. Rakyat Sabah	Peratus (%)
Pengetua di Sekolah Menengah di Sabah	216	119	55.1
Guru Besar di Sekolah Rendah di Sabah	1,067	973	91.2

*Data pengisian sehingga 31 Mei 2013

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah proaktif dalam memperkasakan peranan dana wakaf bagi membantu pembangunan pendidikan tinggi Islam di negara ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini terdapat beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mewujudkan dana wakaf di universiti masing-masing iaitu:

- i. Tabung Dana Wakaf Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 2010 dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor dan CIMB *Islamic* bertujuan membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dalam membiayai yuran pengajian dan kos sara hidup;
- ii. Dana Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM) dimanfaatkan sepenuhnya melalui penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan, merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimaranan, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti yang menjadi aktiviti teras universiti. Ia merupakan satu inisiatif program penjanaan dana oleh UPM melalui sumbangan individu, korporat, koperasi dan badan bukan Kerajaan dan sebagainya di mana modal adalah bertujuan mewujudkan suatu infrastruktur jangka panjang yang lestari; dan
- iii. Dana Yayasan Persatuan Alumni Universiti Malaya (UM) bagi memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar UM yang berkelayakan.

Memandangkan dana wakaf merupakan perkara baharu, beberapa IPTA telah memulakan langkah untuk menubuhkan dana wakaf di IPTA masing-masing. Pada masa ini Universiti Teknologi Malaysia sedang membangunkan wakaf pendidikan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor. Selain daripada itu, Universiti Sains Islam Malaysia juga turut mengadakan perkongsian idea

bersama Majlis Ugama Islam Singapura dalam usaha membangunkan penjanaan kewangan secara wakaf.

Penjanaan kewangan melalui dana bukanlah perkara baru di luar negara. Sebagai contoh, Universiti Harvard mempunyai dana *endowmen* yang mampu mengumpulkan sehingga US\$36.9 bilion. Universiti Al-Azhar misalnya telah menggunakan dana wakaf di mana kewujudan universiti tersebut juga adalah atas dasar wakaf di mana operasinya dibiayai sepenuhnya oleh dana wakaf tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pelaksanaan autonomi oleh beberapa IPTA, dana wakaf turut dilihat sebagai salah satu punca pendapatan dalaman. Antara aspek autonomi yang diberikan kepada universiti adalah penjanaan pendapatan universiti. Usaha ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan universiti terhadap geran Kerajaan.

Oleh yang demikian, penjanaan pendapatan oleh universiti turut memberi kelonggaran kepada universiti bagi membelanjakan dana dan peruntukan tanpa terikat dengan prosedur kewangan yang ditetapkan oleh agensi pusat. Kebebasan dalam perbelanjaan ini dilihat secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kelestarian pembangunan akademik dan pembudayaan ilmu di universiti masing-masing.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilakah projek pembangunan semula sekolah SK Skim Sepupok dapat dimulakan bagi memberi suasana pembelajaran lebih moden kepada pelajar di luar bandar; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan idea bagi pembinaan asrama sekolah, kuarters guru dan bangunan sekolah kecil di pedalaman dan luar bandar Sarawak dibina melalui cara "prefabricated material" atau pasang siap bagi mengurangkan kos dan mempercepatkan pembinaan sekaligus memberi ruang belajar yang selesa kepada pelajar.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Matlamat utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah meningkatkan infrastruktur sekolah pedalaman di seluruh negeri termasuklah di kawasan Parlimen Sibuti. Dalam RMKe-10, KPM telah memberikan fokus untuk mengantikan bangunan sekolah yang telah uzur, daif serta tidak selamat kepada murid-murid dan guru-guru di kawasan pedalaman supaya mendapat akses pendidikan yang sama rata antara bandar dan luar bandar. Bagi SK Rancangan Sepupok, Subis, KPM telah mengemukakan cadangan untuk pertimbangan dan kelulusan bagi projek gantian penuh SK Rancangan Sepupok, Subis dengan skop enam (6) bilik darjah dan asrama 100 orang murid dalam *Rolling Plan Ke-4 RMKe-10* pelaksanaan tahun 2015. Kelulusan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.
- b) KPM telahpun menyedari akan kelebihan kaedah pembinaan melalui cara *prefabricated material* atau pasang siap. Ini kerana ia lebih menjimatkan kos dan masa pembinaan. Sehubungan itu, KPM telah menggunakan pakai kaedah ini dalam sebilangan projek seperti projek pembinaan kabin bagi beberapa sekolah di Sarawak.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan tahunan dan jenis peruntukan yang telah disalurkan kepada sekolah agama rakyat mengikut pecahan negeri dalam tempoh 10 tahun dari 2002-2012.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah mula diberikan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1959 lagi. Empat (4) kategori bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Bantuan Pengurusan/Perkapita
- ii. Bantuan Pembangunan
- iii. Bantuan Kursus
- iv. Bantuan Perpustakaan

Contohnya , pada tahun 2011 Kerajaan telah memberi bantuan kewangan kepada SAR berjumlah RM95 juta secara *one-off* dalam keempat-empat kategori bantuan tersebut. Agihan Bantuan Kewangan mengikut negeri bagi tahun 2011 adalah seperti berikut.

BIL	NEGERI	BANTUAN PERKAPITA	BANTUAN PEMBAIKAN	BANTUAN KURSUS	BANTUAN PERPUSTAKAAN	JUMLAH BANTUAN
1	PERLIS	712,220.10	1,418,313.60	141,559.04	118,180.80	2,390,273.54
2	PULAU PINANG	1,817,354.20	3,676,781.02	329,567.14	306,367.31	6,130,069.67
3	KEDAH	6,354,529.50	12,906,653.76	938,934.57	1,075,445.28	21,275,563.11
4	PERAK	3,665,776.00	7,665,788.02	684,570.67	638,750.81	12,654,885.50
5	SELANGOR	2,879,984.25	5,759,968.50	479,998.53	479,979.50	9,599,930.78
6	NEGERI SEMBILAN	151,757.00	285,632.60	24,330.46	23,800.30	485,520.36
7	MELAKA	117,742.50	221,611.50	21,012.67	18,465.75	378,832.42
8	JOHOR	4,996,330.10	9,820,836.74	834,977.15	818,319.97	16,470,463.96
9	PAHANG	1,668,465.50	3,429,561.08	331,779.00	285,767.74	5,715,573.32
10	TERENGGANU	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
11	KELANTAN	6,121,131.70	11,787,761.92	957,735.38	982,213.76	19,848,842.76
12	SABAH	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
13	SARAWAK	14,129.10	26,593.38	5,529.65	2,215.89	48,468.02
JUMLAH		28,499,420	56,999,502	4,749,994	4,749,507	94,998,423

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah guru-guru yang terpaksa menggunakan kenderaan sendiri untuk membawa murid-murid ke program luar sekolah, serta masalah terlampau banyak kerja pentadbiran sehingga memakan lebih banyak masa berbanding kerja mendidik.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah-langkah di mana pihak sekolah perlu menyediakan kenderaan yang sesuai bagi membawa murid bagi aktiviti luar bilik darjah. Salah satu yang disarankan adalah penggunaan kenderaan awam. Walau bagaimanapun, sekiranya menggunakan kenderaan awam, pihak sekolah hendaklah memastikan ada guru pengiring bersama-sama menaiki kenderaan tersebut. KPM juga tiada halangan sekiranya seseorang guru ingin menggunakan kenderaan sendiri untuk membawa murid bagi melaksanakan aktiviti luar bilik darjah. Namun, kenderaan guru tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan pihak berkuasa berkaitan, iaitu guru berkenaan memiliki lesen memandu yang sah dan kenderaan yang digunakan mempunyai cukai jalan yang sah serta dilindungi insuran.

Berkaitan isu terlampau banyak kerja pentadbiran yang dipikul oleh guru seperti yang dibangkitkan, KPM telah mengeluarkan Surat Siaran Bil.20/2012 : Pelaksanaan Perakuan Jawatankuasa Menangani Isu Beban Tugas Guru Tahun 2012. Menerusi pelaksanaannya, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru 2010 (JKMIBTG) di mana antara perakuan utama yang perlu dilaksanakan adalah semua pihak yang berkaitan diminta supaya mematuhi semua prosedur dan peraturan dalam melaksanakan perakuan-perakuan berikut:

- i. Mengurangkan Bilangan Ujian dan Pelaksanaan Peperiksaan Setara di Sekolah.
- ii. Pengoperasian Latihan Dalam Perkhidmatan Secara *School-Based* di Sekolah-sekolah di bawah KPM.
- iii. Mematuhi Garis Panduan Penglibatan Guru Dalam Aktiviti anjuran KPM.
- iv. Pematuhan Kepada Semua Surat Pekeliling Ikhtisas/Surat Siaran yang sedang Berkuatkuasa Mengenai Penglibatan Agensi Luar Dengan Sekolah, Guru dan Murid.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**
[BUKIT BENDERA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pencapaian terkini program universiti APEX di negara kita dan adakah USM sebagai universiti perintis mencapai sasaran yang ditetapkan, memandangkan kedudukan USM dalam QS World University Rankings makin merosot.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program *Accelerated Programme for Excellence (APEX)* di Universiti Sains Malaysia (USM) selama lima (5) tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2013. Projek APEX adalah untuk melihat bagaimana USM selaku universiti perintis dapat menggunakan pendekatan inovatif bagi memastikan pertumbuhan yang cepat atau luar biasa serta mencetus transformasi terhadap sistem pengajian tinggi negara.

Sebagai universiti perintis yang berpaksikan kepada moto, “*Tranforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow*”, Kementerian memuji usaha murni USM dalam merealisasikan hasrat Kementerian untuk menambahbaik governan institusi universiti tempatan dan seterusnya kedudukan USM sebagai institusi yang disegani di persada dunia.

Dalam mencapai aspirasi ini, USM merupakan pelopor yang berani mengemudi proses pencapaian kejayaannya menurut acuan yang tersendiri dan tidak mengikut acuan universiti atau negara lain. Keunikan USM adalah berdasarkan kepada usaha USM untuk mentransformasikan sistem pengajian tinggi negara dengan memartabatkan bidang penyelidikan berpaksikan kelestarian demi kepentingan masyarakat sejagat, khususnya golongan marhaen ataupun yang terkebawah.

Sehingga kini, banyak projek berimpak tinggi dan program-program baharu yang diperkenalkan oleh USM menerusi buku APEX: ‘Inisiatif-Inisiatif Terpilih Universiti APEX’ yang dihasilkan oleh USM dalam mentransformasi pendidikan tinggi negara. Pihak USM sentiasa bersedia untuk berkongsi laporan-laporan ini boleh diedarkan sekiranya diminta.

APEX dan Ranking

USM sebagai universiti yang tertinggi *rankingnya* tidak pernah dijadikan kayu pengukur dan perkara ini telah dipersetujui pada peringkat awal program ini. USM juga sebenarnya tidak melibatkan diri dalam *ranking* ini, yakni tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan untuk tujuan semata-mata meningkatkan *ranking*; namun sebaliknya USM lebih tertumpu kepada menghasilkan modal insan yang berkualiti dan tinggi nilai dan moralnya, manakala usaha-usaha penyelidikan USM lebih tertumpu kepada menghasilkan produk-produk yang memberi manfaat kepada sains, teknologi, alam serta kehidupan manusia, dan tidak semata-mata untuk melonjakkan diri dipersada *ranking* namun melupakan fungsi hakiki sebuah universiti.

Umum harus tahu bahawa untuk meningkat naik di sesebuah *ranking* dunia bukanlah suatu perkara yang mustahil namun mengekalkan di tahap tersebut memerlukan perbelanjaan yang besar wang rakyat.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat umum biasanya melihat tahap sesebuah universiti berdasarkan kedudukan mereka berbanding rakan sejawat mereka di sistem penarafan antarabangsa. Instrumen pengukur, ***QS World University Rankings*** hanyalah satu daripada berpuluhan-puluhan dari sistem *ranking* dunia. Pihak Kerajaan tidak pernah menerima QS Ranking sebagai kayu pengukur universiti-universiti di tanah air ini.

USM di QS Ranking

Bagi top **100 ranking QS - bagi kategori Asian University untuk tahun 2013**, kedudukan USM adalah ketiga selepas Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan mendahului Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Universiti Putra Malaysia (UPM). Namun, bagi indikator yang khusus berkaitan penyelidikan (iaitu dua indikator daripada tujuh yang digunakan) pihak USM jauh lebih baik daripada semua universiti lain di Malaysia. Di mana pencapaian USM lebih baik berbanding UM, UKM dan UPM adalah dari segi nisbah pensyarah-pelajar dan juga peratusan pelajar yang ke luar negara mengikuti program mobiliti pelajar (yang antara lain mencerminkan kekurangan sumber).

Perancangan, sasaran dan pencapaian USM adalah selari dengan program APEX. Walaupun dalam program APEX *ranking* bukan menjadi sasaran utama USM, namun pencapaian secara keseluruhan USM dalam *top 100 ranking QS –*

bagi kategori Asian University telah meningkat daripada kedudukan ke-63 pada 2012 kepada kedudukan ke-61 pada tahun 2013.

Sukacita juga diusulkan di sini bahawa kedudukan USM dalam *QS World University Ranking* yang menggunakan lima indikator sahaja, pencapaian USM adalah terbaik antara semua universiti tempatan jika bersandarkan hasil penyelidikan dan impaknya (iaitu bilangan makalah dan bilangan sitasi). Pencapaian USM mengikut subjek 2013, menunjukkan kedudukan yang memberansangkan dengan subjek Kejuruteraan Kimia USM berada kedudukan ke-38 di dunia, berbanding UM di kedudukan ke-51 hingga 100, UTM dan UKM pula di kedudukan ke-101 hingga 150, manakala UPM di kedudukan ke-151 hingga 200.

Bagi subjek *Engineering – Civil & Structure*, USM, UTM dan UPM berada pada kedudukan yang sama iaitu 101 – 150 manakala UM dan UKM berada pada kedudukan 151 – 200. Manakala bagi subjek *Environmental Science* USM pada kedudukan ke-30 berbandingan dengan UPM 101 – 150 dan UM 151 – 200. Bagi subjek *Art and Humanities* iaitu *Modern Language* USM berada pada kedudukan 101 – 150 berbanding UM, UPM dan UKM berada pada kedudukan 151 – 200.

USM di Leiden Ranking

Selain sistem penarafan QS World University Ranking, kedudukan USM di persada antarabangsa juga boleh dilihat melalui sistem penarafan oleh *Centre for Science and Technology Studies (CWTS) Leiden Ranking* yang juga berasaskan hasil penyelidikan dan impaknya kepada masyarakat, menunjukkan USM berada di kedudukan pertama di Malaysia dan keempat di Asia dalam bidang *Life & Earth Sciences*.

Kementerian berharap agar isu *ranking* tidak dijadikan asas utama pengukuran kejayaan sesebuah universiti kerana, kejayaan sesebuah universiti juga wajar diukur melalui sumbangan mereka terhadap masyarakat dan juga modal insan yang dilahirkan oleh USM. Ramai daripada kalangan pemimpin negara serta naib-naib canselor universiti di Malaysia adalah bekas-bekas kakitangan USM.

INISIATIF-INISIATIF USM SEBAGAI UNIVERSITI APEX

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, USM telah melaksanakan banyak program-program selari dengan visinya sebagai sebuah universiti APEX. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan tersebut adalah seperti berikut:

Governan dan Autonomi

a) Menggubal Perlembagaan USM serta Autonomi Universiti

USM telah digazetkan secara rasmi pada 1 Julai 2011 yang lalu dengan penguatkuasaan Perlembagaan tersebut diambil kira semenjak 1 Februari 2009 yang lalu. Penggubalan perlembagaan USM baru ini memberikan implikasi besar dalam tadbir urus universiti yang diikuti oleh usaha transformasi menyeluruh pentadbiran dan pengurusan keseluruhannya. Selepas USM, autonomi telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada semua universiti penyelidikan.

b) Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat Universiti

USM menjadi universiti awam pertama di negara ini yang mengadakan pemilihan Ahli Senat dalam kalangan ahli akademik (Profesor dan Profesor Madya sepenuh masa serta Profesor Kunjungan USM) melalui kaedah pengundian pada 11 Ogos 2011. Usaha ini sejajar dengan penguatkuasaan perlembagaan baru USM yang telah digazetkan pada Julai 2011 yang bertujuan bagi mewujudkan praktis demokrasi dalam universiti, sekaligus mewujudkan satu ruang yang lebih liberal dan terbuka khususnya dalam aspek tadbir urus universiti.

c) Pejabat Ombudsman

USM merupakan universiti pertama di Malaysia menubuhkan Pejabat Ombudsman (Ombudsman) dan ahli Ombudsman pada Julai 2011 selaras dengan penguatkuasaan Perlembagaan baru USM pada 1 Julai 2011. Pejabat Ombudsman USM diamanahkan untuk menyediakan proses inkuriri aduan dalaman yang bebas, tidak berat sebelah, sulit dan mengikut keadilan dan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua warga USM. Ombudsman boleh membuat syor-syor, yang mana sesuai, kepada Pengurusan Tertinggi Universiti, untuk penambahbaikan proses penyampaian dan sistem perjalanan Universiti selari dengan seperti yang disyorkan oleh Persatuan Ombudsman Antarabangsa (“IOA”) Piawaian Amalan dan Kod Etika Obudsman.

d) Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blower*)

Perlembagaan USM merupakan satu-satunya Perlembagaan IPTA yang memperuntukkan seksyen khusus Perlindungan Pemberi Maklumat yang bersamaan dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] yang berkuat kuasa pada 15 Disember 2012. Ia bertujuan memerangi penyalahgunaan kuasa, melindungi pemberi maklumat dan memperuntukkan supaya perkara yang telah didedahkan diambil tindakan siasatan.

MENTRANSFORMASI INSTITUSI KE ARAH KECEMERLANGAN UNIVERSITI

Sistem MyCPD USM (*Continuous Profesional Development*) telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai salah satu kaedah penilaian kompetensi kakitangan perkhidmatan awam di bawah Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) bermula pada 2012 (pelaksanaan SBPA telah dibatalkan pada bulan Mac 2012).

Pengurusan Bakat

- a) **Parlimen Mahasiswa USM (PM)** atau dikenali sebagai Dewan Perundingan Pelajar (DPP) telah bersidang buat kali pertama pada 23 Oktober 2010. PM USM adalah yang pertama di negara ini merupakan manifestasi perubahan idealisme yang lebih matang dan rasional dalam tindakan mereka. Ia adalah hasil sinergi antara mahasiswa dan pihak pentadbiran USM untuk membahaskan isu dalam kampus dan nasional bagi perhatian universiti. Pembentukan Parlimen Belia juga adalah berdasarkan kerangka Parlimen Mahasiswa USM. Ini merupakan manifestasi dan bukti keberkesanan pembentukan Parlimen Mahasiswa yang dipelopori oleh USM.
- b) Pengambilan pelajar yang holistik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma diadakan menggunakan peraturan dan syarat am yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta menduduki ujian MunSyl (*Malaysian University Selection Inventory*) yang diselaraskan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Ujian ini membantu universiti mendapatkan calon pelajar yang paling sesuai berdasarkan konsep individu yang betul untuk program yang betul. Instrumen ini berupaya mengenalpasti calon pelajar yang berpotensi untuk berjaya dalam bidang yang diikutinya serta mengurangkan masalah dalaman yang timbul di universiti hasil daripada konflik pemilihan program yang berbangkit semasa pengajian seperti bertukar program, prestasi yang rendah, keciciran dan kecelaruan emosi.
- c) Selain itu, pelajar-pelajar USM juga dilengkapi dengan pengetahuan yang holistik dengan terbentuknya sistem MYCSD yang merekodkan segala bentuk aktiviti diluar kuliah yang diikuti oleh pelajar-pelajar.

Melebar Jaringan dan Memposisi Usm

USM telah menjalankan banyak kerjasama dengan pelbagai pusat penyelidikan seperti *Institut RIKEN (The Institute of Physical and Chemical Research, RIKEN)*, sebuah institusi penyelidikan pengajian tinggi terkemuka di Jepun pada 22 September 2011.

Kerjasama ini bertujuan untuk mempergiatkan penyelidikan dalam bidang kimia biologi dengan penubuhan makmal bersama iaitu USM-RIKEN *Joint Laboratory*

for Bioprobe Discovery. Penubuhan makmal bersama RIKEN menjadi agenda global terbesar di bawah Program APEX. Kerjasama kepakaran USM dalam perubatan tropika dan penyelidikan fotokimia digabungkan dengan kepakaran RIKEN dalam bidang penyelidikan bioprob (bioprop terdiri daripada molekul-molekul kecil yang dapat digunakan dalam kajian fungsi biologi) dan biologi kimia.

ASIA-PACIFIC UNIVERSITY-COMMUNITY ENGAGEMENT NETWORK (APUCEN)

USM telah menubuhkan Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) pada akhir tahun 2010. Rangkaian institusi pengajian tinggi serantau yang ditubuhkan dan diterajui oleh USM ini bertujuan untuk memupuk dan menerapkan budaya dan konsep libatsama komuniti secara holistik di antara institusi pengajian tinggi dengan industri dan komuniti. APUCEN yang merupakan rangkaian libatsama universiti-komuniti yang pertama ditubuhkan di rantau Asia-Pasifik dan diterajui oleh Malaysia, telah dilancarkan pada 13 Julai 2011. Ia akan memainkan peranan sebagai penghubung (*link*) untuk Asia-Pasifik dengan Amerika Utara dan Eropah.

Penubuhan APUCEN ini juga ternyata menepati prinsip dan hasrat ‘Jangkauan Global Baharu’ yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam “Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020” iaitu – “Tambatan hati di sektor pengajian tinggi merujuk kepada keupayaan dan hasrat institusi untuk memikat hati dan nurani pemegang taruh tempatan dan antarabangsa supaya secara kolektif menerima nilai, ideologi dan budaya pembelajaran yang menguntungkan komuniti.”

TORAY- USM KNOWLEDGE TRANSFER CENTER

Kreadibiliti USM selaku pelopor dalam aktiviti penyelidikan dan program pemindahan ilmu selari dengan agenda Universiti APEX telah meyakinkan pihak industri antarabangsa, *TORAY Industries, Inc* (TORAY Group) untuk bekerjasama dengan USM bagi membangunkan pusat pemindahan ilmu yang boleh digunasama oleh penyelidikan kearifan tempatan oleh pelajar siswazah dan staf USM.

Penyelidikan dan Inovasi

Penubuhan Collaborative Research in Engineering, science and Technology Center (CREST) telah didaftarkan secara rasminya sebagai Company Limited by Guarantee pada 30 Jun 2011 hasil daripada rundingan dengan Khazanah Nasional, USM dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (*Northern Corridor Economic Region - NCER*) dan dilancarkan pada 9 Jun 2012 sebagai *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) Center* untuk meneliti pelbagai aspek yang memberi kesan kepada industri elektrik dan elektronik di

Malaysia. Ia akan berfungsi sebagai pusat kemudahan utama bagi jalinan kerjasama dan kolaborasi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan; pembangunan bakat; penyediaan kumpulan pakar dalam bidang penyelidikan fundamental dan gunaan; serta memacu inovasi dalam sektor ini dengan menyediakan persekitaran yang bersesuaian dengan sumbernya.

USM dan sumbangannya terhadap masyarakat

Program APEX amat menitikberatkan sumbangan universiti terhadap pembangunan negara-bangsa dan masyarakat setempat. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyokong dan menggalakkan usaha-usaha universiti tempatan dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Universiti atau lebih dikenali sebagai *University Social Responsibility (USR)*.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, universiti bukan sahaja berperanan sebagai pusat gedung ilmu yang berupaya melahirkan modal insan inovatif untuk pembangunan negara-bangsa, malah terdapat banyak lagi peranan universiti yang boleh disenaraikan. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa antara kriteria penting untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia ialah universiti hendaklah berupaya menyumbang kepada pembangunan masyarakat sama ada dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang. Kriteria ini adalah merujuk kepada 24 ciri-ciri universiti bertaraf dunia menurut sebuah laporan bertajuk *“The Challenge of Establishing World-Class Universities”* oleh Jamil Salmi, *The World Bank*.

Antara pencapaian memberangsangkan USM dalam arena ini adalah dengan penubuhan satu rangkaian antarabangsa, “The Asia-Pacific University–Community Network” (APUCEN) yang pertama di rantau Asia-Pasifik dengan jumlah keahlian sebanyak 44 orang ahli institusi dari 10 buah negara. Penubuhan APUCEN ini penting bagi mempromosi dan memupuk konsep libat sama universiti-komuniti kepada warga IPT sebagai medan perkongsian pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan dalam kalangan IPT dan melaksanakan projek-projek “flagship” bersama dengan IPT serantau.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa Kerajaan lebih rela membelanjakan duit yang banyak untuk melantik perunding bagi menaiktarafkan guru-guru bahasa Inggeris daripada melabur duit yang sama demi meningkatkan kualiti Institut-institut Pendidikan Guru.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penyediaan guru bahasa Inggeris (BI) yang cukup, berkualiti dan berkemahiran tinggi merupakan strategi penting Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dalam usaha tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan perkongsian pintar dengan tenaga pakar dari luar negara. Bagi tujuan membina kapasiti guru-guru BI, perkhidmatan penutur jati BI digunakan sebagai jurulatih utama kepada pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan guru-guru di sekolah.

Perkhidmatan penutur jati BI diambil untuk meningkatkan kemahiran guru opsyen dan bukan opsyen BI. Kepakaran penutur jati BI akan membantu meningkatkan kompetensi guru BI dan menyediakan personel yang boleh menjadi rujukan guru lain serta membangunkan kepimpinan kurikulum dalam kalangan guru BI. Penutur jati BI yang dilantik mempunyai kelayakan *Teaching of English as a Second Language* (TESL), kepakaran TESL, berpengalaman dalam bidang latihan guru dan menjalankan bidang tugas berdasarkan terma rujukan yang standard. Penutur jati BI juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan penilaian program ke arah memperkuuh penguasaan BI.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian program penaiktarafan guru-guru subjek teras seperti Bahasa Melayu, Inggeris, Sains dan Matematik, berapa ramai guru yang terlibat, siapakah perunding yang dilantik, jumlah kos dan apakah hasilnya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan latihan kepada guru bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme keguruan. Latihan kepada guru ini dilaksanakan secara teliti dan terancang bagi memastikan kualiti guru akan sentiasa dipertingkatkan. Latihan bagi guru di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) meliputi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Bagi tahun 2013, KPM telah merancang sebanyak 187 kursus yang melibatkan 4,613 guru bagi Bahasa Melayu, 10 kursus yang melibatkan 350 guru bagi Bahasa Inggeris, 134 kursus melibatkan 6,584 guru bagi Sains dan 140 kursus yang melibatkan 6,744 guru bagi Matematik.

KPM juga telah merangka program latihan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Sains dan Matematik yang bertujuan meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru dalam menerapkan KBAT kepada murid dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut. Bagi tujuan itu, sebanyak 141 kursus telah dirancang melibatkan 18,639 guru bagi Sains dan 180 kursus melibatkan 19,639 guru bagi Matematik.

Anggaran kos keseluruhan pelaksanaan kursus adalah, berjumlah **RM13.1 juta** dan dilaksanakan menggunakan kepakaran pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG), universiti, badan berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta agensi swasta seperti Petrosains.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan rasional projek 1Bestarinet dengan Perjanjian Usahasama Syarikat YTL Communication untuk mendirikan struktur telekomunikasi di dalam kawasan sekolah-sekolah di seluruh negara. Adakah mempertimbangkan ketidaksesuaian kawasan-kawasan sekolah didirikan struktur telekomunikasi ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membeli perkhidmatan capaian internet dan aplikasi berkaitan untuk memenuhi keperluan pengguna dan sekolah di dalam projek ini. KPM membenarkan pihak pembekal membina struktur 1BRIS di dalam kawasan sekolah kerana perkhidmatan yang diberikan untuk memenuhi perkhidmatan yang diperlukan dengan tanpa kos kepada kerajaan. Tapak-tapak yang dipilih adalah berdasarkan kesesuaian dan telah mengambil kira semua syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelaksanaan Projek 1BestariNet dilihat sebagai memberikan perkhidmatan yang lebih baik iaitu teknologi 4G dan memberi manfaat kepada semua pihak termasuk sekolah, guru, pelajar dan juga ibu bapa di kawasan persekitaran.

Pihak KPM telah mendapat kerjasama daripada agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia bagi mendapatkan pandangan profesional berkenaan spesifikasi teknikal, langkah-langkah keselamatan serta isu radiasi yang perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor. Pihak Agensi Nuklear Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan "Ujian Mengenal Pasti Tahap Radiasi yang Dihasilkan oleh Stesen Pemancar 1BRIS di Sekolah" berdasarkan ujian yang telah dilaksanakan di sekolah yang dipasang dengan struktur 1BRIS. Berdasarkan laporan ujian berkenaan bahawa

pendedahan kepada radiasi frekuensi radio dari pemancar berkenaan tidak memberikan kesan yang ketara serta **tidak menjaskan kesihatan murid**, orang ramai serta penduduk setempat”.

Walau bagaimanapun pihak kontraktor masih perlu memenuhi syarat dan prosedur permohonan yang sedia ada mengikut syarat dan proses dari pihak Pihak Berkuasa Tempatan atau tuan tanah sebelum mereka mendirikan struktur tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa peruntukan pembangunan untuk sekolah-sekolah di dalam Rancangan Malaysia ke-9 berdasarkan setiap pelajar sebulan ialah, Sekolah Kebangsaan RM33.30, Sekolah Cina RM4.50 dan RM10.95 Sekolah Tamil. Apakah peruntukan kekal pada asas yang sama dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan mengapa kadar yang menunjukkan berlaku diskriminasi.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kaedah penentuan peruntukan pembangunan bagi sekolah-sekolah dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe9) yang berdasarkan kepada pengiraan setiap pelajar sebulan adalah tidak benar. Ini adalah kerana kaedah penyaluran peruntukan untuk setiap aliran sekolah dalam RMKe-9 mahupun RMKe-10 adalah berdasarkan kepada keperluan, keutamaan serta bilangan projek-projek sekolah.

Walaupun peruntukan ini disalurkan mengikut aliran sekolah, namun terdapat sebilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dikategorikan sebagai sekolah kerajaan. Justeru, peruntukan bagi sekolah-sekolah ini turut disalurkan melalui peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan (SK). Bagi SJKC dan SJKT yang bukan dikategorikan sebagai sekolah kerajaan pula, diberikan peruntukan khas di bawah butiran bantuan modal.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian rasmi Kementerian terhadap pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil Bahasa Tamil dan Sastera sebagai mata pelajaran tambahan dan menjadikan bilangan mata pelajaran sebanyak 12. Adakah arahan rasmi telah dihantar kepada pihak-pihak yang tertentu di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Seseorang calon yang pertama kali mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hendaklah mendaftar enam (6) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Walau bagaimanapun, seseorang calon SPM boleh mendaftar maksimum 10 mata pelajaran dan tambahan dua (2) mata pelajaran elektif dalam peperiksaan SPM.

Tambahan maksimum 10 mata pelajaran boleh dipilih mana-mana mata pelajaran yang disenaraikan dalam Buku Panduan Pengurusan Peperiksaan Lembaga Peperiksaan, KPM atau daripada laman sesawang www.moe.gov.my/lp. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi kelonggaran kepada calon untuk menambah dua (2) mata pelajaran elektif yang terdiri daripada Pendidikan Al-Quran dan Sunnah, Pendidikan Sya'riah Islamiyah, Kesusteraan Cina, Kesusteraan Tamil, Tasawwur Islam dan Pendidikan Seni Visual. Walau bagaimanapun calon hendaklah memastikan mata pelajaran yang didaftarkan tidak bertindih dalam jadual waktu peperiksaan SPM.

Perkara ini termaktub dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2010 Pelaksanaan Dasar Menghadkan Jumlah Maksimum 10 Mata Pelajaran dan Penambahan 2 Mata Pelajaran Tambahan dalam peperiksaan SPM. Pelaksanaan dasar ini digunakan untuk SPM sejak perkara ini diluluskan pada tahun 2010 (No. Ruj:KP(BPSH-SPDK) 201/005/01 (37) bertarikh 13 Januari 2010. Oleh itu, jumlah keseluruhan mata pelajaran yang boleh didaftar oleh calon ialah 12 mata pelajaran.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Menteri Pendidikan, bukan Timbalan beliau, secara rasmi mengutuk seruan pro-Canselor UiTM dan rayuan bekas Hakim Mahkamah bahawa Sekolah Cina dan Sekolah Tamil perlu ditutup.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Pro Canselor UiTM dan bekas Hakim Mahkamah Rayuan berhubung dengan cadangan keperluan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ditutup merupakan pandangan peribadi dan bukannya pendirian kerajaan. Sehubungan itu, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk memberi respon kepada kenyataan tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Menteri Pendidikan, bukan Timbalannya, untuk menyatakan apakah langkah yang jelas dan pasti yang telah diambil untuk mengajar Bahasa Mandarin dan Tamil di Sekolah Menengah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bahasa Cina dan Bahasa Tamil ditawarkan sebagai satu mata pelajaran di peringkat sekolah menengah seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil perlu diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Kurikulum Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sekolah menengah yang merupakan kesinambungan daripada kurikulum Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sekolah rendah. Kurikulum ini berhasrat untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Cina yang telah diperoleh pada peringkat sekolah rendah.

Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa tambahan di sekolah menengah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Peruntukan masa untuk mata pelajaran ini adalah sebanyak 120 minit dalam seminggu.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat kemasukan ke program Matrikulasi dan Universiti-universiti tempatan. Adakah unsur perkauman masih menjadi satu pertimbangan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diwujudkan sejak November 1998 dengan tujuan asal untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Namun begitu, semenjak tahun 2003 program ini bukan lagi eksklusif untuk pelajar bumiputera sahaja kerana kuota 10 peratus telah diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera. Pemilihan pelajar dilaksanakan mengikut meritokrasi berdasarkan pengiraan merit. Justeru itu, pelajar-pelajar bukan bumiputera perlu bersaing untuk mendapatkan kuota 10 peratus tersebut berdasarkan pengiraan merit.

Program Matrikulasi menawarkan dua (2) jurusan dan satu (1) aliran iaitu Jurusan Sains, Jurusan Perakaunan dan AliranTeknikal. Kemasukan pelajar dalam salah satu jurusan atau aliran tersebut perlu memenuhi syarat am, syarat minimum dan kiraan merit. Pengiraan merit berdasarkan pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum. Ini bermakna pelajar bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik tetapi perlu juga cemerlang dalam kokurikulum. Pemilihan pelajar dilakukan melalui saringan komputer berdasarkan maklumat yang diterima daripada pelajar semasa memohon. Justeru itu, pelajar perlu memohon dan memastikan maklumat yang diberi adalah betul dan lengkap.

Selaras dengan keputusan Kerajaan pada tahun 2002, dasar pengambilan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksana berdasarkan prinsip meritokrasi bagi menggantikan Dasar Pengambilan Mengikut Kuota Kaum yang diguna pakai sebelumnya. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan dengan mengguna

pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Ahli Yang Berhormat, berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon berdasarkan minat, cita-cita dan kecenderungan calon. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di IPTA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

KPM tidak menetapkan syarat berdasarkan kaum untuk permohonan kemasukan ke IPTA, kecuali Universiti Teknologi Mara. Di samping itu, KPM turut mengambil kira pelbagai kelayakan masuk ke IPTA yang merangkumi kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Sijil Tinggi Agama Malaysia, Matrikulasi, Asasi IPTA, Diploma IPTA/Politeknik/ILKA/IPTS, GCE A-Level, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) dan kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan serta diperaku oleh Senat Universiti.

KPM sentiasa melaksanakan usaha berterusan dalam meluaskan akses pengajian tinggi dari semasa ke semasa dengan melihat kaedah dan pendekatan yang pelbagai demi kepentingan rakyat. Dalam merealisasikan Gagasan 1Malaysia yang mendahului kepentingan rakyat serta mengutamakan pencapaian yang cemerlang, pelbagai usaha diberi keutamaan bagi memberi impak yang terbaik kepada pelajar, ibu bapa, masyarakat serta negara.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Tuan Ko Chung Sen [Kampar]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan kepada siapakah Malaysia Qualification Agency bertanggungjawab.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Merujuk kepada Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) Subseksyen 8(1) berkaitan dengan Arahan oleh Menteri yang menyebut Agensi adalah bertanggungjawab kepada Menteri. Dalam akta yang sama Subseksyen 2(1) yang berkaitan dengan tafsiran, menyebut Menteri ertiya yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan tinggi. Oleh yang demikian, Malaysia Qualification Agency (MQA) bertanggungjawab kepada Menteri Pendidikan Malaysia.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN KO CHUNG SEN [KAMPAR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan sekolah memberikan kelas tuisyen Bahasa Inggeris kepada orang dewasa muda pada hari Sabtu.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang fokus terhadap transformasi pendidikan dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. KPM tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan kelas tuisyen bahasa Inggeris kepada orang dewasa muda pada hari Sabtu.

Setakat ini pihak KPM tidak menghalang penggunaan premis sekolah dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan tertentu. Walau bagaimanapun pihak berkenaan perlu mengemukakan permohonan kepada Pengarah Pelajaran Negeri sebagai pendaftar untuk kelulusan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanja oleh semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mempromosikan pendidikan tinggi awam di luar negara sejak 2008 sehingga 2012.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah merancang Pelan Strategik Pemasaran Antarabangsa Pengajian Tinggi 2006-2010 bagi menarik lebih ramai pelajar luar negara melanjutkan pengajian di Malaysia melalui pelbagai langkah antaranya dengan melipatgandakan program promosi pendidikan terutama pameran ke negara-negara sasaran seperti di Timur Tengah, China, Afrika, India, dan Asia Tenggara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mempromosikan pendidikan tinggi awam di luar negara dari tahun 2008 hingga 2012 adalah sebanyak RM46,448,037.70. Namun demikian, jumlah ini tidak termasuk IPTA Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) kerana pihak UPNM tidak membuat promosi pendidikan tinggi awam di luar negara.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah baru yang telah diluluskan dan telah dibangunkan oleh pihak Kerajaan sejak tahun 2004 hingga tahun 2012 berdasarkan jenis aliran sekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Perincian jumlah sekolah baru yang telah diluluskan dan telah dibangunkan oleh pihak Kerajaan di bawah RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10 berdasarkan jenis aliran sekolah adalah seperti di bawah:

JENIS SEKOLAH	RMKe-8	RMKe-9	RMKe-10
SK	359	105	36
SJKC	7	9	3
SJKT	4	0	0
JUMLAH	370	114	39

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh Jabatan Pendidikan ketika menjalankan program “Perjempuan Khas Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia Bersama Warga Pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina” di SJK(C) Foon Yew 1, Johor Bahru pada 16 April 2013.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri ketika menjalankan program “Perjumpaan Khas Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia Bersama Warga Pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina” di SJK(C) Foon Yew 1, Johor Bahru pada 16 April 2013 ialah **RM30,700.00** dengan menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan peruntukan sebanyak RM4.5 juta untuk SJCK Sungai Long adalah tidak mencukupi, sama ada kementerian akan memberi peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk sekolah tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap setiap peruntukan yang diperlukan oleh mana-mana sekolah. Memandangkan peruntukan RM4.5 juta sudah diberikan, maka berdasarkan kepada kedudukan kewangan KPM pada masa ini, KPM tidak bercadang untuk menambah peruntukan tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha untuk menyediakan lebih banyak peluang menjana pendapatan dalam kalangan komuniti peribumi khususnya di Sabah. Sila jelaskan apakah mekanisme atau usaha untuk meningkatkan bilangan pengambilan peribumi ke dalam pendidikan vokasional, kolej dan universiti.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Melalui Transformasi Pendidikan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan akan terus menjalankan promosi dan jerayawara yang bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan enrolmen kemasukan murid ke Kolej Vokasional (KV). Antara program promosi yang telah diadakan di negeri Sabah:

- i. Jelajah KV 1Malaysia Zon Sabah (2-9 Disember 2012) melalui Labuan, Beaufort, Sipitang, Tenom, Keningau, Semporna, Beluran, Telupid, Ranau, Kota Belud, Kudat dan Kota Kinabalu.
- ii. Dialog Transformasi Pendidikan Vokasional Bersama Komuniti 2013. (29 Jun di Keningau).
- iii. Taklimat Transformasi Pendidikan Vokasional kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling 2013. (11-13 Jun 2013 di Beaufort, Keningau, Likas, Kudat, Sandakan dan Tawau).

KPM melaksanakan urusan pemilihan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Politeknik Premier dengan mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu berdasarkan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Prinsip meritokrasi bagi Politeknik Konvensional/METR0 dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) pula adalah mengguna pakai 75 peratus markah akademik, 10 peratus markah kokurikulum dan 15 peratus markah satus sosioekonomi (SES). Prinsip meritokrasi ini dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, tempat tinggal dan sebagainya. Ini bermakna kejayaan pelajar memperoleh tempat bergantung kepada kelayakan merit dan

pilihan program pengajian yang dipohon. Justeru, persaingan yang tinggi serta markah merit yang rendah menyebabkan sebahagian pelajar tidak berpeluang mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian seperti mana yang dikehendaki.

Kerajaan berpandangan bahawa adalah wajar aspek sosioekonomi dan ekuiti tidak dipinggirkan dalam memberi keutamaan kepada meritokrasi dan adalah wajar calon-calon yang memenuhi kelayakan minum bagi sesuatu bidang diberi pertimbangan untuk ditawarkan tempat dalam bidang berkenaan sekiranya terdapat kekosongan. Di samping itu, adalah wajar kriteria latar belakang dan sosioekonomi calon turut diambil kira semasa menilai permohonan calon terutamanya mereka yang berasal dari luar bandar.

Ini adalah kerana mereka merupakan golongan yang kurang berkemampuan daripada aspek sosioekonomi dan kurang mendapat peluang kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Pada masa yang sama, wujud juga golongan miskin bandar yang terpinggir dan tersisih daripada arus pembangunan. Selain itu, terdapat golongan pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak yang memperoleh PNGK 2.50 tetapi tidak berpeluang untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Golongan pelajar ini sememangnya sukar untuk memohon melanjutkan pengajian ke IPTA disebabkan faktor kurang pendedahan terhadap isu semasa dan ketiadaan teknologi terkini walaupun layak untuk memohon. Golongan pelajar ini sebenarnya berpotensi untuk cemerlang sekiranya diberi peluang menyambung pelajaran dalam suasana yang sempurna seperti mempunyai kelengkapan pembelajaran yang berteknologi tinggi dan kemudahan penginapan yang selesa dan kondusif.

Atas dasar keprihatinan yang tinggi dan mendukung semangat pendidikan untuk semua, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan mekanisme mod kemasukan baharu bagi isi rumah 40 peratus terendah (*bottom 40% household*) pengurusan kemasukan pelajar ke IPTA dan politeknik yang tercicir melalui sistem pemilihan berdasarkan prinsip meritokrasi mulai Sesi Akademik 2013/2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan tempat yang disediakan kepada pelajar berkaitan tidak akan mengganggu unjuran dan kapasiti ambilan pelajar sedia ada di IPTA dan politeknik. Semua IPTA dan politeknik boleh menyediakan sekurang-kurangnya 100 tempat kepada pelajar berkaitan bagi semua peringkat pengajian yang ditawarkan. Bilangan tempat ini melibatkan 100 tempat bagi setiap IPTA dan 100 tempat bagi setiap politeknik. Anggaran pengambilan mengikut mod baharu ini akan melibatkan sejumlah 5,200 orang pelajar.

Tawaran mod kemasukan ini melibatkan pelajar sasaran yang melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma di politeknik serta diploma dan ijazah pertama di IPTA. Tawaran program pengajian yang diberikan kepada calon adalah ditentukan oleh IPTA atau politeknik berkaitan berdasarkan pencapaian akademik calon.

Pelajar yang terpilih melanjutkan pengajian pada peringkat diploma di politeknik serta diploma dan ijazah pertama di IPTA akan dibiayai oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berdasarkan syarat dan prosedur sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme ini dilihat mampu mewujudkan lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar berkenaan melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi di IPTA dan politeknik walaupun kurang berkemampuan daripada aspek sosioekonomi, dengan syarat pelajar memiliki kelayakan akademik yang minimum, iaitu memenuhi Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program Pengajian yang ditetapkan. Selain itu, mekanisme ini juga menjadi agenda *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada IPTA dan politeknik dalam melahirkan golongan cerdik pandai tanpa mengira latar belakang.

Pelaksanaan mekanisme mod kemasukan baharu mampu mewujudkan lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar berkaitan melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi demi kemajuan diri dan meningkatkan taraf hidup mereka, keluarga dan masyarakat.

Sebagai usaha untuk meningkatkan bilangan pengambilan pribumi khususnya di Sabah dan Sarawak, Jabatan Pengajian Politeknik telah melaksanakan mekanisma pengambilan berikut:

- i. Mekanisma mod kemasukan pelajar baru Bagi Isi Rumah Berpendapatan 40 peratus Terendah (*Bottom 40 Percent Household Income*) di mana sebanyak 3,000 tempat pengajian (termasuk pribumi Sabah dan Sarawak) bagi kemasukan sesi Jun 2013 di Politeknik telah diperuntukkan kepada calon pelajar yang tergolong dalam kumpulan ini.
- ii. Terdapat dua (2) Politeknik di Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu dan Politeknik Sandakan, sementara di Sarawak terdapat 2 buah Politeknik iaitu Politeknik Kuching Sarawak dan Politeknik METrO Betong.

Penubuhan Kolej Komuniti adalah untuk memberikan latihan dan kemahiran kepada semua anggota masyarakat yang memerlukannya. Kolej Komuniti juga memberi peluang serta laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah atau pelajar yang tercicir daripada sistem pendidikan, pekerjaan, masyarakat setempat dan lain-lain kumpulan untuk mendapat pendidikan dalam bidang latihan dan kemahiran yang mereka minati.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peranan Kolej Komuniti yang ditubuhkan di negeri Sabah selain menyediakan laluan kepada lepasan menengah, adalah sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) yang memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mendapatkan latihan dan kemahiran secara berterusan ke arah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan (*K-communities*). Ini bersesuaian dengan peranan Kolej Komuniti untuk memberikan khidmat melepassi sempadan kaum dan bangsa seiring dengan moto Kolej Komuniti sebagai ‘Peneraju Komuniti Berilmu dan Berkemahiran’. Antara latihan yang disediakan adalah untuk mempertingkatkan modal insan yang

berilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru (*upskilling and reskilling*).

Antara contoh bidang Kursus dilaksanakan ialah Bahasa, Muzik (Kesenian dan Kebudayaan) Pastri, Fesyen dan Pakaian, Jahitan Kreatif, Terapi Kecantikan dan Spa, Operasi Perhotelan, Kulinari dan Servis Kenderaan Ringan. Diharapkan masyarakat setempat di negeri Sabah akan menjadikan Kolej Komuniti sebagai pusat rujukan untuk mendapatkan latihan kemahiran dalam membantu meningkatkan kualiti kehidupan serta meninggikan tahap sosio ekonomi mereka.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN CHONG CHIENG JEN**
[BANDAR KUCHING]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan markah-markah untuk Gred A, B, C, D dan E di Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi subjek-subjek seperti General Mathematics, Additional Mathematics, Physics, Chemistry dan English Language untuk tahun 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut Akta Pendidikan 1996, Bahagian II, perkara 4(b) mengeluarkan kertas peperiksaan, menyediakan bahan peperiksaan dan memastikan keselamatan dan kerahsiaan kertas peperiksaan dan bahan peperiksaan termasuk markah-markah yang diperoleh oleh calon **adalah sulit dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia.**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nisbah pengambilan pelajar Kolej Matrikulasi Sarawak (KMS) dari segi bangsa dan jenis kelulusan setakat Jun 2013. Apakah syarat kemasukan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Seramai **160** pelajar telah ditawarkan tempat untuk mengikuti Program Matrikulasi di Kolej Matrikulasi Sarawak bagi ambilan pertama sesi 2013/2014 untuk pendaftaran pada 26 Mei 2013. Manakala bagi ambilan kedua, seramai **32** orang lagi telah ditawarkan tempat.

Program Matrikulasi menawarkan dua (2) jurusan dan satu (1) aliran iaitu Jurusan Sains, Jurusan Perakaunan dan AliranTeknikal. Kemasukan pelajar dalam salah satu jurusan / aliran tersebut perlu memenuhi syarat am, syarat minimum dan kiraan merit. Pengiraan merit berdasarkan pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum. Ini bermakna pelajar bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik tetapi perlu juga cemerlang dalam kokurikulum. Pemilihan pelajar dilakukan melalui saringan komputer berdasarkan maklumat yang diterima daripada pelajar semasa memohon. Justeru itu, pelajar perlu memohon dan memastikan maklumat yang diberi adalah betul dan lengkap.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah peruntukan penyelidikan di kalangan universiti di Sarawak, tajuk penyelidikan serta hasil penyelidikan dari segi penerbitan jurnal yang mempunyai “ISI index”.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2012, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM1,449,880 yang merangkumi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Curtin University of Technology (Kampus Sarawak) mempunyai sebanyak 35 ‘ISI Index’ pada tahun 2012 dan 168 dari tahun 2007 hingga 2012. Bagi tahun 2012, UniMAS telah menerbitkan sebanyak 259 jurnal yang mempunyai Scopus Indeks, sebanyak 57 jurnal yang mempunyai Scopus Indeks bagi Curtin University of Technology (Kampus Sarawak) dan 19 bagi Swinburne University of Technology (Kampus Sarawak). Manakala, bagi jumlah kumulatif jurnal yang mempunyai SCOPUS indeks dari tahun 2007 hingga 2012 ialah 1,943 bagi UniMAS, 159 bagi Curtin University of Technology (Kampus Sarawak) dan 197 bagi Swinburne University of Technology.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa mengapakah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tidak dipertimbangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Apakah rancangan yang akan diadakan untuk membangunkan SJKC di Malaysia.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Perancangan pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk membangunkan pendidikan bagi semua kaum di negara ini tanpa sebarang diskriminasi. KPM juga mengambil kira keperluan kumpulan umur bersekolah sesuatu penempatan, pembinaan mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan negara dalam membuat perancangan membina sekolah baru.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mewujudkan semula Sekolah Aliran Inggeris dalam Sistem Pendidikan Negara sebagai salah satu langkah mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar sekarang ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan di negara ini tetapi juga bertanggungjawab terhadap kemenjadian murid selain menghasilkan modal insan berkualiti dan mempunyai jati diri yang mantap selaras dengan Dasar Pendidikan Negara dan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, KPM berkeyakinan dengan sistem pendidikan sekarang yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah masih relevan dan akhirnya mencapai hasrat yang diharapkan.

KPM perlu meneliti secara mendalam sejauh mana cadangan mewujudkan sekolah aliran Inggeris praktikal untuk dilaksanakan. Cadangan memperkenalkan sekolah aliran Inggeris perlu dibincangkan dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk implikasi perundangan sebelum sebarang keputusan boleh dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, KPM masih mengekalkan aliran Bahasa Kebangsaan dalam mana-mana sistem persekolahan kebangsaan KPM kecuali di Sekolah Jenis Kebangsaan. Namun begitu, penggunaan bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di semua sekolah. KPM juga sedang melaksanakan beberapa strategi untuk meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Dasar Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar membolehkan maklumat melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan pelajar dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah bangunan surgical Hospital USM yang sepatutnya siap dalam RMK9 dapat dimulakan pembinaan? Mengapa bangunan trauma Hospital USM masih belum dapat digunakan lagi walaupun bangunan sudah siap?

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kemajuan pembinaan Pusat Trauma, Pusat Jagaan Harian, Bangunan Pentadbiran dan Bangunan Perkhidmatan Dobi Hospital USM kini telah mencapai 98 peratus. Projek-projek tersebut dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 2013.

Hanya Blok Klinikal sahaja yang tidak dapat dilaksanakan pembinaannya memandangkan terdapat kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, permohonan peruntukan telah dikemukakan di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan tentang masalah kekurangan mesin radioterapi di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) untuk kegunaan rawatan pesakit di Kelantan serta negeri Pantai Timur dan untuk kegunaan pengajaran peringkat Sarjana. Apakah usaha pihak Kerajaan dalam menangani kekurangan peralatan-peralatan utama lain yang sangat penting.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Masalah kekurangan mesin radioterapi Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) adalah disebabkan oleh kekangan peruntukan bagi tujuan perolehan peralatan tersebut dan kekurangan ruang yang sesuai untuk menempatkan mesin radioterapi berkenaan.

Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani masalah kekurangan mesin radioterapi dan peralatan perubatan secara amnya. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Merancang serta melaksanakan perolehan peralatan perubatan secara berperingkat. Peruntukan bagi perolehan peralatan perubatan telah dikemukakan di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Tahun 2014.
- ii. Kerja-kerja pengubahsuaian kecil boleh dibuat bagi menempatkan mesin radioterapi berkenaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah surat pertukaran guru yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan selepas Pilihan Raya Umum ke 13 mengikut jajahan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pertukaran guru dilaksanakan dua kali setahun iaitu pada 1 Januari dan 1 Jun setiap tahun. Proses pertukaran guru melibatkan permohonan pertukaran antara negeri, antara daerah dan dalam daerah, dan guru boleh memohon untuk bertukar ke lokasi yang mereka kehendaki secara atas talian melalui Sistem e-GTukar. Statistik permohonan dan kelulusan pertukaran antara negeri bagi Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah bagi Negeri Kelantan untuk Jun 2013 adalah seperti berikut:

Permohonan Keluar dari Kelantan	Sekolah Menengah	Sekolah Rendah
Bilangan permohonan	45	92
Bilangan permohonan yang diluluskan	14	14
Jajahan terlibat	PPD GUA MUSANG : 2 PPD KOTA BHARU : 5 PPD KUALA KRAI : 4 PPD MACHANG : 1 PPD PASIR MAS : 1 PPD TANAH MERAH : 1 <u>JUMLAH : 14</u>	PPD BACHOK : 1 PPD GUA MUSANG : 1 PPD KOTA BHARU : 3 PPD KUALA KRAI : 2 PPD MACHANG : 1 PPD PASIR MAS : 1 PPD PASIR PUTEH : 1 PPD TANAH MERAH : 2 PPD TUMPAT : 2 <u>JUMLAH : 14</u>

Permohonan <u>Masuk</u> ke Kelantan	Sekolah Menengah	Sekolah Rendah
Bilangan permohonan	1,854	2,224
Bilangan permohonan yang diluluskan	19	226
Jajahan terlibat	PPD BACHOK : 2 PPD GUA MUSANG : 1 PPD JELI : 1 PPD KOTA BHARU : 4 PPD KUALA KRAI : 1 PPD MACHANG : 2 PPD PASIR MAS : 1 PPD PASIR PUTEH : 3 PPD TANAH MERAH : 3 PPD TUMPAT : 1 JUMLAH : 19	PPD BACHOK : 22 PPD GUA MUSANG : 27 PPD JELI : 15 PPD KOTA BHARU : 33 PPD KUALA KRAI : 19 PPD MACHANG : 19 PPD PASIR MAS : 28 PPD PASIR PUTEH : 22 PPD TANAH MERAH : 20 PPD TUMPAT : 18 JUMLAH : 226

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan misi utama pihak Kerajaan dalam merencana Pelan Transformasi Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak adalah selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merealisasikan pendemokrasian pendidikan khususnya bagi merapatkan jurang pendidikan di antara sekolah-sekolah di kawasan bandar, luar bandar, dan kawasan pedalaman. KPM mengatur strategi penyelesaian yang tepat kepada permasalahan merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan masyarakat berbilang etnik, budaya, dan sosio ekonomi di negara ini.

Tujuh teras utama Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak ialah:

Teras Pertama - meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran mengurus di semua peringkat terutama di Jabatan Pelajaran Negeri;

Teras Kedua - memberikan tumpuan kepada isu yang berkaitan kurikulum, pengurusan pengajaran, pendekatan pedagogi, dan penilaian pengajaran;

Teras Ketiga - melibatkan usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal, akses internet, dan persekitaran pembelajaran maya;

Teras Keempat - kualiti murid dan prasekolah akan dipertingkatkan;

Teras Kelima - memastikan kualiti dan kebajikan guru terjamin;

Teras Keenam - meningkatkan kemudahan asrama yang kondusif; dan

Teras Ketujuh - ekosistem pembelajaran akan dibentuk bagi membina jaringan harmonis dengan masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sabah dan Sarawak merupakan antara faktor yang menyebabkan pelaksanaan pelan ini berfokus kepada pembangunan fizikal yang berkaitan dengan pembinaan bangunan baharu, dan menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada di sekolah agar memberi impak yang segera kepada usaha-usaha menangani isu keciciran dan ketidakhadiran murid. Hal kebajikan guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman juga turut diberikan perhatian dengan membina dan menambah bilangan rumah guru sedia ada.

Justeru itu, **fokus utama** pelaksanaan pelan ini dalam Gelombang Pertama (2013 – 2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia berkaitan dengan pembangunan fizikal ialah **pembinaan asrama, pembinaan rumah guru, dan peluasan Program Sekolah Model Khas Komprehensif K9**. Diharapkan pelaksanaan Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak membawa **implikasi** seperti berikut:

Pertama – mempercepatkan pelaksanaan projek meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur di sekolah-sekolah pedalaman.

Kedua – pendemokrasian pendidikan terlaksana kerana aksesibiliti pendidikan di perkampungan masyarakat peribumi yang terletak di kawasan pedalaman berjaya ditingkatkan.

Ketiga – perbezaan jurang pendidikan di antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan dan ini akan dapat meningkatkan akses, ekuiti, dan kualiti pendidikan bagi murid-murid luar bandar termasuk kumpulan etnik Sabah dan Sarawak.

Keempat – mengutamakan kebajikan guru dan dapat meningkatkan tahap komitmen guru-guru yang ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah pedalaman.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tahap pencapaian Pusat Transformasi Komuniti Universiti dalam menjayakan peranannya sebagai pemberi khidmat kepada masyarakat.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak enam bulan lalu, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) telah berjaya melaksanakan peranannya sebagai pemberi khidmat kepada masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti 176 aktiviti kesukarelawanan, 44 projek pemindahan pengetahuan, penggunaan kemudahan di 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan 4 program penggalakkan keusahawanan.

Antara kejayaan Program Pemindahan Pengetahuan (*Knowledge Transfer Programme*) adalah seperti berikut:

- i. Menjimatkan penggunaan elektrik sehingga RM1.9 juta di Universiti Teknologi Malaysia.
- ii. Menambah pengusaha kambing dan jumlah kambing penduduk Mukim Batu Talam, Raub, Pahang.
- iii. Menambah pendapatan penduduk Temerloh, Pahang melalui penambahbaikan industri ikan patin.
- iv. Menambah pendapatan penduduk kampung Pantai Kota Marudu, Sabah melalui aktiviti eko-pelancongan di kawasan hutan paya laut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana sambutan pihak universiti terhadap projek Bank Harta Intelek IPT (*Idea Interchange and Connection Bank*).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha menggalakkan penggabungan harta intelek dari semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi menghasilkan produk baharu atau produk nilai tambah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menyediakan platform berpusat dengan membentuk bank harta intelek IPT iaitu semua harta intelek yang dihasilkan oleh IPT Malaysia perlu didaftar dalam bank ini. Seterusnya, hos bank ini akan menyediakan medium untuk penyebaran dan perkongsian maklumat tentang harta intelek yang telah didaftarkan. Bank yang dinamakan "*Idea Interchange and Connection Bank*" (I2C Bank) ini akan dikendalikan secara profesional dalam memperkuuhkan usaha mengalirkan hasil intelek berpotensi ke pasaran global.

Pelbagai usaha dan perancangan sedang diambil kira bagi penyediaan platform berpusat ini. Antaranya, impak pelaksanaan program ini perlu dikenal pasti terlebih dahulu bagi mereliasasikan penyediaan platform. Selain itu, hal ini juga turut melibatkan kerjasama antara agensi-agensi yang lain terlibat secara langsung dengan harta intelek.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selain daripada moratorium ke atas penubuhan IPTS baru, apakah langkah dan hasil yang telah dicapai bagi menangani masalah kualiti perkhidmatan dan prestasi IPTS.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa membantu Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mempertingkatkan reputasi IPTS melalui program-program seperti:

- i. *Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges* atau Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) iaitu satu sistem yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sebagai instrumen untuk menilai prestasi semasa IPTS di Malaysia daripada segi pelajar, program, graduan, sumber dan tadbir urus. Penilaian kolej swasta adalah perlu untuk meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia kepada standard yang lebih tinggi.
- ii. Sistem Penarafan (SETARA) yang dibangunkan oleh *Malaysian Quantifications Agency* (MQA) mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama bagi universiti dan kolej universiti (U & KU) di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, instrumen SETARA meliputi tiga (3) *domain generic* iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Domain input menilai bakat, sumber dan governan. Domain proses menumpukan kepada kurikulum dan domain *output* ke atas kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap institusi pengajian tinggi.

Pada masa yang sama kementerian juga menyediakan dan menggalakkan pihak IPTS dalam beberapa perkara seperti:

- i. Mendapatkan akreditasi daripada *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) bagi program – program yang ditawarkan kepada pelajar.
- ii. Membuat kerjasama dengan IPT ternama bagi program – program pengajian yang ditawarkan.
- iii. Mengisi dan melengkapkan maklumat IPTS di dalam sistem yang telah dibangunkan oleh kementerian iaitu *IPTS Formation Management System* (IFMS).
- iv. Mempunyai perancangan pengantarabangsaan yang jelas dengan mempunyai sasaran pelajar antarabangsa dan tenaga pengajar ekspatriat.
- v. Menyediakan *Pejabat Education Malaysia* (EM) yang berperanan penting dalam mempromosikan peluang pengajian tinggi di Malaysia di peringkat antarabangsa.
- vi. Menyenaraikan IPTS yang berdaftar di laman sesawang KPM iaitu mohe@gov.my.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Polisi Pendidikan Negara masih boleh diguna pakai selari dengan perkembangan Kementerian baru.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah satu bumbung, sebagai Kementerian Pendidikan (KPM), menjadikan transformasi pendidikan negara yang dirancang akan melalui proses perubahan yang lebih besar, merangkumi seawal pendidikan prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Justeru itu, penggabungan ini akan memudahkan penyelarasan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berpandu kepada satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan berpaksikan kepada akta-akta pendidikan yang berkaitan.

Penggabungan juga tidak akan mengubah dasar sedia ada bagi kedua-dua Sektor Pelajaran dan Sektor Pengajian Tinggi. Semua peringkat pendidikan akan menikmati perkongsian sumber dan kepakaran dalam memastikan bidang pendidikan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan. Penyusunan semula ini, akan menjadikan KPM dapat diuruskan secara lebih cekap dan teratur, dalam menyumbang kepada proses pembangunan modal insan yang mampu membangunkan agama, bangsa dan negara.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status dan perkembangan pembinaan sekolah baru di Sungai Ramal, Sungai Long dan Sunway Semenyih; dan
- (b) status pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Kajang 2.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Projek pembinaan SJKC di Sungai Long merupakan projek sekolah baru kerajaan. Status pembinaan sekolah Sekolah Kebangsaan Sunway Semenyih ialah pada tahap 50 peratus dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Ramal ialah pada tahap 56.8 peratus.
- b) Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kajang 2 masih belum dapat dilaksanakan kerana terdapat isu pemilikan tanah. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sejurus selepas isu ini diselesaikan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Menengah Kota Kemuning II (dalam kawasan Parlimen Kota Raja) akan dibina.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menilai dan meneliti keperluan sekolah di kawasan Kota Kemuning dan mendapati terdapat keperluan bagi menyediakan kemudahan sekolah menengah baru di kawasan tersebut. Sehubungan itu, KPM akan mengemukakan permohonan bagi cadangan membina sebuah sekolah menengah baru di kawasan Kota Kemuning dalam *Third Rolling Plan (3RP)* RMK10. Namun, kelulusan projek bergantung kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta kemampuan kewangan semasa kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jalur markah bagi setiap gred keputusan yang digunakan untuk Sijil Pelajaran Malaysia bagi tempoh 5 tahun dari 2008 hingga 2012 mengikut mata pelajaran.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan pembinaan instrumen pentaksiran, pemeriksaan skrip jawapan calon dan penentuan standard keputusan peperiksaan telah dilaksanakan secara profesional dan kreadibiliti yang tinggi. Pengurusan dan pengendalian peperiksaan ini juga melibatkan pakar pentaksiran luar negara dan jaringan professional antarabangsa. Semua proses tersebut telah menepati ciri-ciri piawai pentaksiran pendidikan dan telah diurus secara sistematik bagi memastikan keesahan dan kebolehpercayaan keputusan peperiksaan yang tinggi. Penentuan sempadan pemarkahan bagi standard keputusan adalah ditentukan oleh prestasi keseluruhan calon dan ujian pada tahun semasa. Penentuan sempadan sempadan pemarkahan adalah sulit dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia. Telah menjadi tanggungjawab KPM untuk memastikan pengurusan dan pengendalian keseluruhan peperiksaan dikendalikan dengan betul, adil dan saksama bagi menjamin keadilan kepada calon dan memelihara integriti kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan pecahan hutang yang ditanggung oleh PTPTN mengikut kategori pinjaman bagi tahun 2013. Senaraikan unjuran pecahan hutang yang ditanggung dan jumlah kutipan yang dijangka bagi tahun 2013 hingga 2023.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

PTPTN menyediakan pembiayaan pendidikan kepada warganegara Malaysia yang memenuhi syarat layak yang ditetapkan. Pembiayaan adalah bagi kategori pengajian peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D dan kursus Profesional di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara. Pada tahun 2013, PTPTN telah memperuntukkan sebanyak RM5.0 bilion dan RM5.1 bilion pada tahun 2014 bagi tujuan pembiayaan pendidikan. Manakala dari segi kutipan balik, sehingga 31 Mei 2013, PTPTN telah mengutip RM4.11 bilion atau 47.0 peratus daripada RM8.75 bilion amaun sebenar yang perlu dibayar oleh peminjam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 866,205 orang peminjam daripada 1,284,299 peminjam atau 67.4 peratus telah membuat bayaran balik. Selain itu, prestasi kutipan 2013 sehingga Mei adalah sebanyak RM354 juta dengan sasaran kutipan sebanyak RM1.0 bilion bagi keseluruhan tahun 2013. Manakala jumlah kutipan bayaran balik yang diunjurkan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM1.4 bilion.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nama Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Agama yang telah menukar status kepada sekolah bantuan penuh Kerajaan serta terangkan tempoh masa yang akan diambil dan perancangan Kerajaan untuk menukar status bagi sekolah tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengumuman kerajaan melalui Manifesto Pilihanraya Umum ke-13 Barisan Nasional telah membuka peluang kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) untuk menukar status kepada sekolah kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada sekolah yang memohon untuk berbuat demikian. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keutamaan sesuatu kawasan. Pada masa yang sama KPM terpaksa melihat kepada aspek yang menyeluruh terutamanya sebelum proses penukaran status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

Pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru boleh membuat permohonan menukar status daripada sekolah bantuan kerajaan (SBK) ke sekolah kerajaan (SK) melalui Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri. KPM akan membuat penelitian dari beberapa aspek terutamanya hak milik tanah, persetujuan 100 peratus ibu bapa, liabiliti sesebuah sekolah dan keperluan pertukaran status sekolah mengikut kes demi kes sebelum diberi kelulusan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana RM900 juta disalur atau akan disalurkan menerusi Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah dengan menerangkan secara terperinci nama sekolah, jumlah peruntukan dan tujuan dana ini disalur atau akan disalurkan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Y.A.B Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2012 telah mengumumkan pewujudan Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah dengan peruntukan sebanyak RM1 billion di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Khas yang dibiayai melalui *Private Financing Initiative* (PFI).

Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sebanyak RM900 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tujuan membiayai keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan di seluruh Malaysia; iaitu RM500 juta disalurkan kepada 2,688 Sekolah Kebangsaan (SK) / Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan RM100 juta disalurkan masing-masing kepada 822 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), 224 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), 428 Sekolah Mualigh dan 167 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ini menjadikan jumlah keseluruhan sekolah yang mendapat manfaat daripada Tabung ini ialah sebanyak 4,309 buah.

Di bawah bajet tahun 2013, tabung ini diteruskan bagi tujuan yang sama dengan suntikan dana peruntukan tambahan kepada KPM sebanyak RM900.0 juta. Daripada peruntukan ini, RM400 juta akan disalurkan kepada 3,776 SK/SMK manakala RM100 juta disalurkan masing-masing kepada 850 SJKC, 164 SJKT, 436 Sekolah Mualigh, 261 SABK dan 67 Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Saujana Putra dalam daerah Kuala Langat dapat dilaksanakan memandangkan keperluan anak-anak penduduk di sekitar kawasan tersebut begitu sukar menghantar anak-anak mereka ke sekolah di luar kawasan Saujana Putra.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari keperluan sebuah sekolah rendah dan menengah di kawasan Saujana Putra dengan peningkatan kepesatan pembangunan perumahan sekitar, oleh yang demikian KPM telah mengemukakan cadangan untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan bagi pembangunan sekolah rendah dan sekolah menengah di Saujana Putra dalam keutamaan untuk dilaksanakan dalam *rolling plan* ke-4 RMKe-11. Namun, kelulusan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dan hasilnya untuk menangani isu kualiti pelajar yang merosot dan pendidik yang tidak berwibawa, seperti didapati dalam kajian TALIS (2008), TIMSS (2011) dan UNESCO (2012).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kemerosotan pencapaian murid berkait rapat dengan keupayaan mereka menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menangani isu kualiti murid adalah seperti berikut:

- i. Guru digalakkan mempelbagaikan pendekatan pengajaran di dalam bilik darjah dengan penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran. Guru dan murid menggunakan teknik soalan aras tinggi iaitu membuat murid berasa ingin tahu dan mencari penjelasan untuk menjawab soalan. Bagi meningkatkan kualiti guru dan murid daripada segi pengajaran dan pembelajaran, KPM akan memberi fokus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
- ii. Taklimat kepada semua guru Sains dan Matematik tentang KBAT telah dijalankan di 39 pusat dan melibatkan 4,813 orang guru Sains dan Matematik termasuk pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).
- iii. Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL - mirip TIMSS dan PISA) dilaksanakan bertujuan untuk membiasa dan membudayakan guru dan murid dengan soalan TIMSS dan PISA, khususnya soalan yang mempunyai elemen KBAT.
- iv. Semua pengetua telah diberi taklimat tentang status pencapaian Malaysia dalam TIMSS dan PISA dan juga tentang KBAT. Pengetua diminta

memainkan peranan mereka dalam memastikan KBAT dibudayakan di sekolah masing-masing.

- v. Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru berkenaan KBAT diberi kepada guru dalam perkhidmatan, guru pra-perkhidmatan, pensyarah Institut Pendidikan Guru dan Universiti serta pentadbir sekolah di seluruh negara secara berterusan dan menyeluruh.
- vi. Pelbagai bahan sumber disediakan oleh KPM dan sebahagiannya telah dimuat naik ke laman sesawang termasuk soalan boleh-edar TIMSS dan PISA yang telah disusun mengikut tingkatan dan tajuk/tema.
- vii. Bimbingan dan pemantauan akan dijalankan secara berterusan dengan fokus kepada aspek pedagogi, penggunaan bahan sumber yang berkaitan, dan teknik menjawab soalan TIMSS dan PISA.

RT60/505

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Menengah di Kawasan Pendalaman Moyong akan dibina seperti mana yang dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Oktober 2012.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam RMKe-10 ini, KPM telah mengenal pasti tapak dan buat masa ini proses pembayaran tanah SMK Moyong telah dibuat bagi memastikan tanah tersebut adalah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Setelah urusan tanah selesai, barulah proses permohonan projek SMK Moyong akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Kerajaan. Kelulusan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD. RAHMAN [TANJUNG MANIS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** sama ada kementerian dapat mempertimbangkan subsidi tambang perjalanan ke sekolah bagi pelajar-pelajar yang duduk lebih dari 10km dari sekolah di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia belum menyediakan tambang perjalanan ke sekolah bagi murid yang tinggal lebih dari 10km dari sekolah di Sarawak. Walau bagaimanapun, bagi meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga membiayai persekolahan anak mereka. Kerajaan telah menyediakan sebanyak **25 jenis bantuan persekolahan kepada 37.3 juta murid**. Antaranya adalah Program Susu 1Malaysia (PS1M), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), bantuan kewangan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) serta Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPM). Terkini, kerajaan turut juga menyediakan bantuan **persekolahan RM100** kepada semua murid sekolah sama ada di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan malah murid-murid di sekolah swasta juga menerima limpahan kemudahan tersebut.

Segala bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan diharap dapat membantu dan memastikan semua lapisan rakyat mendapat pendidikan yang lebih baik dan sempurna. Pada dasarnya, kerajaan akan sentiasa memberikan keutamaan dalam pelbagai aspek termasuklah pemberian bantuan pendidikan, sesuai dengan slogan negara “**1 Malaysia : Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan**”.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa ramai pemimpin masyarakat di Sabah dan Sarawak tidak berpuas hati tentang dasar perolehan kerajaan dalam pembekalan keperluan sekolah-sekolah seperti kertas, kerja potong rumput dan sebagainya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengurusan tender perkhidmatan (Kebersihan Kawasan dan Bangunan, Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Bekalan Makanan Bermasak) sememangnya dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Walau bagaimanapun, penyelarasan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tujuan penyeragaman seluruh negara.

Manakala pertimbangan dan keputusan bagi tender pula hanya boleh dibuat oleh Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Kementerian Kewangan. Pengerusi Lembaga Perolehan iaitu Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha tertakluk kepada had nilai yang ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP Bil. 9 tahun 2009). Sehubungan dengan itu, sebarang cadangan perubahan dasar hendaklah dirujuk kepada agensi pusat iaitu Perbendaharaan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan sebut harga perkhidmatan yang bernilai RM500,000.00 ke bawah, KPM sememangnya telahpun mewakilkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah untuk melaksanakannya.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada : TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY
[BACHOK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik Orang Kurang Upaya (OKU) mengikut tahap pengajian. Apakah usaha kukuh Kerajaan dalam melahirkan OKU berpendidikan tinggi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi Program Pengajian Lepasan SPM/Setaraf dan Lepasan STPM/Setaraf adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan menggunakan pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam menentukan nilai merit seseorang calon. Pemilihan kemasukan berdasarkan meritokrasi, tidak mengambil kira negeri kelahiran pelajar, tempat tinggal, agama, bangsa atau keturunan. Semua pelajar yang layak dengan markah merit tertinggi akan ditawarkan tempat di IPTA.

Walaupun dasar meritokrasi digunakan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut membuka peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mengikuti pengajian di peringkat tertiari. Kaedah pemilihan kemasukan ke IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti bagi golongan '*socially disadvantaged*' seperti orang kurang upaya (OKU), orang Asli dan atlet dilaksanakan melalui laluan kemasukan khas di mana calon-calon dari golongan ini akan dipertimbangkan dalam pemilihan ke IPTA dengan mengambil kira kelayakan minimum Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program Pengajian, pilihan program pengajian calon serta bilangan tempat yang disediakan di institusi berkaitan. Syarat kemasukan boleh diakses di <http://www.mohe.gov.my/portal/institusi/ipta.html>.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012, terdapat 1,372 pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Daripada jumlah tersebut seramai 221 pelajar (Diploma), 22 pelajar (Matrikulasi IPTA), 2 pelajar (Diploma Lepasan Ijazah), 360 pelajar (Ijazah Sarjana Muda), 579 pelajar (Sarjana) dan 182 pelajar (Ph.D). Selain itu, terdapat 374 pelajar OKU di Politeknik yang mengikuti pengajian di peringkat Sijil Kemahiran Khas. Manakala di Kolej Komuniti terdapat seramai 83 pelajar OKU yang mengikuti pengajian peringkat Sijil.

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dengan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif kepada mereka. Justeru, semua projek pembangunan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah dan akan mengambil kira keperluan pelajar OKU. KPM merancang untuk melaksanakan Pelan Tindakan Meningkat Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar OKU di IPT yang berfokuskan kepada empat objektif strategik iaitu:

- i. Menyediakan akses yang bersesuaian bagi menjaga hal ehwal pelajar OKU di IPT.
- ii. Memantapkan kualiti hidup pelajar OKU agar mereka tidak berasa terpinggir dalam masyarakat.
- iii. Mewujudkan persekitaran, kemudahan dan perkhidmatan yang mesra pengguna bagi pelajar OKU di IPT.
- iv. Pembentukan program pembangunan diri pelajar ke arah laluan kerjaya yang lebih terjamin.

Oleh yang demikian, pelaksanaan pelan IPT sentiasa diingatkan supaya menyediakan kemudahan dan kelengkapan yang sesuai untuk pelajar OKU. Di antara kemudahan mesra pelajar OKU yang disediakan di IPT ialah kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tandas, laluan pejalan kaki serta tempat letak kereta khas dan kemudahan bebas dari halangan.

Usaha ini menampakkan Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab bagi membela golongan kurang bernasib baik termasuk OKU dan akan terus membantu mereka menyertai pendidikan untuk kemajuan dan meningkatkan taraf hidup masing-masing serta menyumbang kepada kemajuan negara.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B.DATO' OTHMAN BIN AZIZ [Jerlun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) Berapakah bilangan graduan yang dihasilkan IPTA/IPTS, berbanding dengan peluang pekerjaan untuk mereka mengikut sektor antara tahun 2008-2012; dan
- (b) Berapa ramaikah bilangan graduan yang dihantar untuk menjalani latihan kemahiran sebelum menjawat jawatan tetap untuk tempoh lima (5) tahun lalu.

JAWAPAN

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, graduan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Graduan IPTA dan IPTS
2010	147,435
2011	151,849
2012	155,878

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian, permintaan pekerjaan pada tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	PermintaanPekerjaan
2010	78,092
2011	85,696
2012	97,125

Walaupun angka tersebut menunjukkan bilangan graduan yang dikeluarkan oleh IPTA dan IPTS melebihi permintaan pasaran, namun berdasarkan graduan yang mengisi Sistem Kajian Pengesahan Graduan pada tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang memilih untuk

bekerja sendiri, melanjutkan pelajaran dan tidak bekerja atas sebab-sebab peribadi seperti berikut:

Tahun	Bekerja Sendiri	Peratus (%)	Belum Bekerja	Peratus (%)	Melanjutkan Pengajian	Peratus (%)
2010	1,383	1.6	42,954	24.6	28,921	16.6
2011	1,600	1.6	44,533	24	31,810	17.1
2012	1,902	1.8	51,835	25.6	35,109	17.4

- (b) Bagi membantu graduan mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian, Kerajaan telah melaksanakan satu inisiatif utama yang dikenali sebagai Program Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability - GE). Fokus utama program GE adalah untuk meningkatkan nilai tambah pelajar dari aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Kerajaan juga telah menggubal Graduate Employability Blueprint (dengan izin) 2012-2017 (GEB) yang menggariskan empat intipati sistem pengajian iaitu yang berupaya melahirkan modal insan berkualiti, berdaya saing secara global, memenuhi keperluan negara dan mampu menyediakan peluang kerjaya impian graduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dengan kerjasama IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti telah melaksanakan program GE dan telah melatih seramai **330,750** pelajar pada tahun 2010, 2011 dan 2012 iaitu:

Tahun	Jumlah penglibatan pelajar (orang)
2010	96,414
2011	131,672
2012	102,664

Sumber: Laporan Tahunan Kebolehpasaran Graduan